

**PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN
DALAM PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU**

SITI FATHIMAH BINTI ABDUL HALIM

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN
DALAM PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU**

SITI FATHIMAH BINTI ABDUL HALIM

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: SITI FATIMAH BINTI ABU HALIM (No. K.P/Pasport: )

No. Pendaftaran/Matrik: 198 090028

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAM DALAM
PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon 

Tarikh 28/11/2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,


Tandatangan Saksi

PROFESOR MADYA DR. MOHD ROSLAN BIN MOHD NOR

Nama: **Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan)**
Jawatan: **Bahagian Penyelidikan & Pembangunan
Akademi Pengajian Islam, UM**

Tarikh

28/11/2013

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh Pusat Manuskrip Melayu (PMM) iaitu satu bahagian yang diwujudkan di bawah Perpustakaan Negara Malaysia. PMM dipilih sebagai batasan kajian yang melibatkan usaha menguruskan khazanah berharga ini dari aspek fizikal dan intelektualnya melalui program dan dasar yang telah digariskan. Dalam memahami manuskrip sebagai khazanah berharga, penulis menyetengahkan beberapa objektif iaitu menyorot latar belakang penulisan manuskrip di Alam Melayu bermula dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat perkembangan teknologi percetakan serta realiti penyimpanan manuskrip Melayu di Malaysia khususnya. Manakala, objektif kedua pula penulis menyorot sejarah penubuhan Pusat Manuskrip Melayu dan fungsinya sebagai bahagian yang menguruskan manuskrip Melayu dan akhirnya dalam objektif ketiga penulis menganalisis peranan bahagian ini dalam menguruskan manuskrip Melayu dari aspek fizikal mahupun intelektual. Penyelidikan ini adalah bersifat kualitatif dan sebahagian kecilnya bersifat kuantitatif bagi menjawab beberapa soalan berkenaan latar belakang pegawai bahagian ini. Metod yang digunakan dalam usaha mengumpul data ialah kaedah perpustakaan (sekunder dan premier), dokumentasi (premier), temu bual berstruktur (premier) dan edaran borang soal selidik (premier). Hasil kajian mendapati bahawa bahagian ini berjaya memainkan peranannya sebagai bahagian yang diamanahkan mengurus manuskrip Melayu dari aspek fizikal dan intelektualnya melalui penstrukturan, program dan dasar yang telah digariskan dan dilaksanakan seperti yang telah dibincangkan di dalam disertasi ini.

ABSTRACT

This dissertation discusses the role played by Pusat Manuskrip Melayu (Malay Manuscript Centre), which is one of the section created under Perpustakaan Negara Malaysia (Malaysia National Library). PMM has been selected in this study, which is involved in the effort of managing the national heritage from the physical and intellectual aspect through its programmes and policies. In understanding manuscript as valuable heritage, the researcher has provided several objectives; firstly is to irradiate the background of manuscript writing in Malay Archipelago from the beginning stage until the stage of the development of publication technology and the reality of Malay manuscript preservation in Malaysia. Through the second objective, the researcher will highlight the historical development of PMM in managing Malay manuscripts and in the third objective, the researcher seeks to analyse the role of PMM in managing Malay manuscript from the physical and intellectual aspects. This research is qualitative in nature and some parts are quantitative in terms of questions relating to the officers who are involved in PMM. The methods applied in data accumulation are library research (secondary and primer), documentation (primary), structured interview (primary) and questionnaires (primary). The result of the study has shown that PMM has been successful in playing its role as the department responsible in managing Malay manuscript from the physical and intellectual aspects through its structuring, programmes and policies that have been outlined and carried out, as per discussed in this dissertation.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dipanjatkan kehadiran Rabbul Jalil atas izin-NYA disertasi ini dapat diselesaikan. Selawat serta salam ke atas junjungan tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga Baginda, para sahabat, seterusnya generasi penyambung tugas-tugas mulia di atas muka bumi ALLAH ini.

Jutaan terima kasih penulis ucapkan khusus kepada penyelia disertasi ini, Prof. Madya Dr. Tatiana Denisova atas bimbingan, nasihat dan kritikan membina sepanjang penulisan ini. Dan tidak lupa juga kepada penyelia kedua, Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor.

Penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam (JSTI), Dr Ahmad Faisal Abd Hamid, barisan pensyarah di JSTI khususnya dan APIUM umumnya, PA jabatan yang lepas dan kini yang membantu dalam melancarkan urusan penulis untuk menyiapkan disertasi ini.

Tidak dilupakan kepada pihak-pihak yang banyak menyumbang data dalam penulisan ini terutama pegawai daripada Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu, Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Malaya dan perpustakaan-perpustakaan universiti di atas kerjasama yang telah diberikan.

Istimewa, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat ahli keluarga yang memahami dan terus mendorong serta semangat yang diberikan dalam usaha penulisan disertasi ini hingga ke akhirnya. Dan tidak dilupakan juga barisan rakan seperjuangan di JSTI atas cabaran dan persaingan yang sihat.

Siti Fathimah Binti Abdul Halim
Lot 5662, Jalan Kuari Sg Long
43100 Hulu Langat
Selangor

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam buku Panduan Penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi kedua (2006).

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء ا	a, '(hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	S
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K

ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	H

VOKAL

a) Vokal Pendek

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

b) Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau mad (di atas, di bawah dan di hadapan) ditanda dengan:

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

c) Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ي) dan waw (و) yang berbaris mati.

اي = _____ = ay

او = _____ = aw

يَّ = _____ = iy/ i

وَّ = _____ = uww

DAFTAR ISI
PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM
PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI CARTA	xvi
SENARAI GAMBAR	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB SATU:
PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Masalah Kajian	2
2. Pengertian Tajuk	10
3. Permasalahan Kajian	14
4. Objektif Kajian	14
5. Skop Kajian	15
6. Kepentingan Kajian	15
7. Sorotan Perpustakaan	16
8. Metodologi Penyelidikan	
8.1 Metode Pengumpulan Data	20

i. Kajian Perpustakaan	20
ii. Dokumentasi	20
iii. Kajian Lapangan	21
iv. Metode Soal Selidik	22
8.2 Metode Analisis Data	
i. Metode Induktif	22
ii. Metode Deduktif	23
9. Sistematika Penulisan	23

**BAB DUA:
TRADISI PENULISAN MANUSKRIP DAN PENGURUSANNYA
DI MALAYSIA**

1. Pendahuluan	26
2. Ciri-Ciri Manuskrip Melayu	29
2.1 Penggunaan Tarikh oleh Pengarang atau Penyalin Manuskrip Melayu	29
2.2 Pernyataan Judul Manuskrip Melayu oleh Penulis atau Penyalin	31
2.3 Susunan dan Gaya Penulisan Manuskrip Melayu	33
2.4 Nama Pengarang Atau Penyalin Manuskrip Melayu	39
2.5 Peralatan Menulis Manuskrip Melayu	39
3. Perkembangan Penulisan Dan Pengumpulan Manuskrip Melayu	
3.1 Peringkat Awal Dan Peranan Istana Sebagai Skriptoria (Sekitar Abad ke-15)	47
3.2 Fasa Kegemilangan Penulisan Manuskrip Melayu (kurun ke-16 hingga ke-17)	50
3.3 Era Penguasaan Pihak Kolonial Barat (kurun ke-18 hingga ke-19)	54

3.4	Perkembangan Teknologi Percetakan (Akhir Kurun Ke-19 Awal Kurun Ke-20)	59
4.	Pengurusan Manuskrip Melayu	62
4.1	Pendokumentasian Manuskrip	64
4.2	Faktor-Faktor Terabainya Kerja Pendokumentasian	67
4.3	Mengkatalog Manuskrip Melayu	71
5.	Pengurusan Manuskrip Melayu di Malaysia	78
5.1	Institusi Yang Menyimpan Manuskrip Melayu di Malaysia	80
5.2	Realiti Pengumpulan Manuskrip Di Malaysia	83
6.	Kesimpulan	88

BAB TIGA:

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: SEJARAH PENUBUHAN DAN BAHAGIAN PUSAT MANUSKRIP MELAYU

1.	Pendahuluan	91
2.	Latar Belakang Penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia	94
2.1	Objektif Penubuhan	100
2.2	Logo	101
2.3	Konsep	101
2.4	Perkhidmatan	102
2.5	Visi Dan Misi PNM	108
2.6	Fungsi Utama PNM	112
2.7	Carta Organisasi	114
2.8	Lembaga Penasihat	116
2.9	Sumber Perpustakaan	118
3.	PNM: Pengisytiharan Sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu	118

4.	Peranan PNM Dalam Pengurusan Manuskrip Melayu	121
4.1	Bahagian Pemuliharaan	121
4.2	Struktur Bahagian	123
4.3	Bahagian PMM	125
4.4	Jumlah Pengunjung	126
5.	Kesimpulan	128

BAB EMPAT:

PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU

1.	Pendahuluan	131
2.	Latar Belakang Penubuhan	132
3.	Objektif	132
4.	Fungsi	133
5.	Struktur	136
6.	Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu	141
7.	Kewangan dalam Mengurus Manuskrip Melayu	144
8.	Pegawai Yang Menguruskan Manuskrip Melayu	145
9.	Tempat Simpanan Manuskrip Melayu	149
10.	Program Yang Dijalankan Untuk Menguruskan Manuskrip Melayu	150
a).	Pengesanan	150
b).	Perolehan	152
c).	Pembelian	158
d).	Pendokumentasian	159
e).	Keselamatan dan Penyimpanan	164
f).	Pemuliharaan	167

g). Mikrofilem	174
h). Reprografi	174
i). Penyelidikan	175
j). Pinjaman	176
k). Pameran	176
l). Khidmat Nasihat	183
m). Penerbitan	184
n). Muallim Tamu	189
o). Hadiah Penulis Jemputan	195
11. Pencapaian PMM	197
11.1 Kekangan Yang Dihadapi	199
12. Kesimpulan	200

**BAB LIMA:
KESIMPULAN, CADANGAN DAN SARANAN**

1. Kesimpulan	204
2. Cadangan Dan Saranan	208
2.1 PMM	208
2.2 Pihak Perpustakaan	209
2.3 Institusi Pendidikan	210
2.4 Pengajian Tinggi	211
2.5 Institusi Penyimpanan Lain (Repositori)	212
Bibliografi	215
Lampiran	

SENARAI KEPENDEKAN

%	Peratus
&	Dan
Abd.	Abdul
Bil.	Bilangan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	Doktor
ed.	Editor
En.	Encik
et. al	Penulis lebih dari tiga orang
H	Hijriah
Hj.	Haji
<i>Ibid</i>	Ibidem (rujukan berturut)
Jil.	Jilid
JMBRAS	Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
KM	Kajian Malaysia
Ltd.	Limited
M	Masihi
M.D	Meninggal Dunia
No.	Nombor
PMM	Pusat Manuskrip Melayu
Pn.	Puan
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
Prof	Profesor
s.a.w.	<i>Sallahu'alaihiwasallam</i>
s.w.t	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.t	Tanpa tarikh

UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UUM	Universiti Utara Malaysia
Vol.	Volume

SENARAI JADUAL

NAMA JADUAL	HALAMAN
Jadual 2.1: Katalog Manuskrip Melayu	72
Jadual 2.2: Repisotori Simpanan Manuskrip Melayu	74
Jadual 3.1: Fungsi PNM Melalui Aktiviti dan Sub Aktiviti	112
Jadual 3.2: Jumlah Koleksi Simpanan PNM Mengikut Jenis Bahan	118
Jadual 3.3: Jumlah Pengunjung ke PNM dan PMM Mengikut Tahun	126
Jadual 4.1: Jumlah Manuskrip Dalam Simpanan PMM Yang Diperoleh	155
Jadual 4.2: Jumlah Manuskrip Asal Dalam Simpanan Mengikut Tahun	156
Jadual 4.3: Jumlah Koleksi Salinan Manuskrip Melayu Dalam Bentuk Mikrofilem	156
Jadual 4.4: Jumlah Koleksi Manuskrip Dalam Bentuk Mikrofis	157
Jadual 4.5: Koleksi Manuskrip Melayu Mengikut Judul Dalam Bentuk Asal	157
Jadual 4.6: Jumlah Manuskrip Simpanan Dalam Bentuk Mikrofilem	158
Jadual 4.7: Jumlah Manuskrip Melayu Dalam Bentuk Mikrofis Mengikut Judul	158
Jadual 4.8: Pameran Peringkat Antarabangsa Oleh PNM	178
Jadual 4.9: Pameran Dalam Jabatan	178
Jadual 4.10: Pameran Luar Jabatan	179
Jadual 4.11: Pameran Bergerak	180
Jadual 4.12: Pameran Mini	182
Jadual 4.13: Senarai Muallim Tamu Dan Hasil Kajian	194

SENARAI CARTA

Carta 3.1: Carta Organisasi Induk PNM	115
Carta 3.2: Carta Organisasi Lembaga Penasihat PNM	117

Carta 3.3: Carta Organisasi PNM	123
Carta 3.4: Organisasi Bahagian Pemuliharaan	124
Carta 3.5: Organisasi Induk PMM	125
Carta 4.1: Organisasi PMM	136
Carta 4.2: Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu	143
Carta 4.3: Latar Belakang Pendidikan Menengah Pegawai PMM	146
Carta 4.4: Pengetahuan Membaca Jawi Dalam Kalangan Pegawai PMM	147
Carta 4.5: Pengetahuan Menulis Jawi Dalam Kalangan Pegawai PMM	147

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1: Contoh bentuk hiasan dan penulisan Manuskrip Melayu	34
Gambar 2.2: Bentuk Penulisan Bahagian Kolofon	36
Gambar 3.1: Logo PNM	102
Gambar 4.1: Peralatan Dan Peringkat Awal Pemuliharaan	169
Gambar 4.2: Proses Pemuliharaan Manuskrip Kaedah Pembaikan Tisu	171
Gambar 4.3: Proses Pemuliharaan Manuskrip Kaedah <i>Leafcasting</i>	173
Gambar 4.4: Manuskrip Hikayat Hang Tuah	198

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	:	Surat-surat yang dihantar.
Lampiran 2	:	Gambar PNM dan PMM.
Lampiran 3	:	Panduan Menkatalog Manuskrip Melayu.
Lampiran 4	:	Soalan Kaji Selidik kepada Pegawai PMM.
Lampiran 5	:	Soalan temu bual.

BAB SATU:
PENDAHULUAN

BAB 1:

PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Masalah Kajian

Suatu hakikat sejarah yang terpatrit dan semestinya tidak dapat dinafikan lagi akan sumbangan dan peranan Islam sebagai permulaan ketamadunan masyarakat di gugusan kepulauan Melayu atau juga dikenali Nusantara. Hal ini kerana peranan Islam yang membawa perubahan penting kepada masyarakat Melayu yang merangkumi segenap aspek kehidupan. Sejak pengenalannya lagi, Islam menjadi sumber revolusi dari dalam yang mencorakkan perkembangan masyarakat di alam ini.

Jika ditelusuri sejarah kemasukan Islam ke alam ini, khususnya Malaysia, terdapat pelbagai teori yang terus diperdebatkan oleh para sarjana. Antara tokoh yang mengemukakan teori adalah seperti S.Q Fatimi, Snouck Hurgronje, J.P Moquette, R.A Kern, dan ramai lagi yang mengetengahkan teori masing-masing berdasarkan bukti yang telah ditemui yang semestinya menimbulkan pelbagai pandangan mengenai masa, tempat, dan arah tuju kemasukan Islam ke Nusantara. Mengenai arah kedatangan Islam, terdapat teori utama iaitu melalui Arab, China, dan India. Selain itu, dalam mambahaskan dari sudut masa, ada yang mengatakan seawal abad ke-7 M lagi, abad ke-12, abad ke-13, dan sebagainya.

Namun, pada pendirian penulis, walau apa pun teori yang dikemukakan tentang kemasukan Islam ke alam ini, namun, satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah impak daripada kemasukan agama suci ini. Menurut Syed Naquib Al-Attas (1972), “Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam pensejarahannya, sebagai semboyan tegas menegaskan suatu sistem

masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan peribadi insan”.¹

Hal ini kerana, sinar perubahan yang dibawa oleh Islam adalah merangkumi segenap aspek kehidupan iaitu ilmu pengetahuan, keintelektualan, sosial, tulisan, bahasa, kepercayaan, dan sebagainya yang berpaksikan kepada paradigma Tauhid. Paradigma Tauhid ini yang menyebabkan perubahan yang berlaku ini terhadap “rupa dan jiwa” di alam Melayu.² Perubahan ini seterusnya mencetuskan zaman baru dan meninggalkan zaman pengaruh Hindu Buddha yang terdapat di Alam Melayu pada era sebelumnya. Menyedari peredaran masa dan perubahan pegangan masyarakat dalam semua aspek, sumbangan dan usaha cendekiawan Melayu adalah tidak ternilai dan tidak boleh dipandang enteng.

Salah satu manifestasi keintelektualan proses Islamisasi ini ialah dengan terhasilnya karya-karya cendekiawan Melayu dalam pelbagai bidang, memandangkan alam Melayu masih belum menggunakan alat percetakan, para cendekiawan dan juga merangkap penulis menggunakan tulisan tangan yang dikenali sebagai manuskrip.

Manuskrip Melayu merupakan warisan khazanah intelektual yang ditinggalkan oleh golongan ulama dan intelegensia Melayu hasil refleksi kedatangan Islam ke alam Melayu. Khazanah ini terakam di dalamnya pelbagai maklumat yang diinterpretasikan melalui ribuan karya yang dihasilkan. Misalnya dari sudut sejarah, terhasilnya karya *Sejarah Melayu*, perundangan dan ketatanegaraan pula lahirnya karya *Bustan al-Salatin*. Manakala dari aspek perubahan tradisional terhasilnya karya *Kitab Tib* serta tidak

¹ Syed Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: UKM, 1972), 20.

² *Ibid.*, h. 3.

kurang juga aspek agama yang luas turut disentuh dengan terhasilnya karya seperti *Kitab Risalah, Dur al-Manzum, Sirat al-Mustaqim, Mir'at al-Tullab*, dan sebagainya.

1.2 Tulisan Jawi Sebagai Wadah Dan Medium Keilmuan Dan Keintelektualan

Membicarakan tentang kegemilangan ketamadunan masyarakat alam ini dari aspek tradisi penulisan manuskrip, faktor sistem tulisan tidak boleh dipandang enteng. Hal ini kerana, sistem tulisan Jawi yang telah diperkenalkan oleh Islam hasil interpretasi daripada skrip Arab dan mengalami proses asimilasi mengikut lidah Melayu dan seterusnya dikenali dengan sistem tulisan Jawi yang memainkan peranan penting. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sistem tulisan Jawi yang menyediakan masyarakat alam ini dengan sebuah sistem tulisan yang boleh dipelajari dan difahami. Para pengkaji sejarah berpendapat bahawa tulisan Jawi diperkenalkan di Nusantara sejak abad ke-5 H atau ke-11 M.³ Walaupun proses penciptaan sesuatu sistem tulisan memakan masa yang agak panjang dan sedikit rumit dalam mewujudkan senarai huruf yang diperlukan bagi mengeja bahasa Melayu dan mencipta sistem tatabahasa, namun hasil kreativiti dan inisiatif yang dilakukan, akhirnya sistem tulisan Jawi dapat direalisasikan. Natiujahnya, ianya menjadi wahana penting dalam membentuk sistem tulisan Jawi hasil interpretasi tulisan Arab.⁴

Menyentuh tentang sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh tulisan Jawi yang diperkenalkan oleh Islam yang mana ianya menerima pengaruh daripada tulisan Arab dan kemudian diberikan beberapa penambahan bersesuaian dengan sebutan dan lidah masyarakat Melayu. Menurut Syed Naquib al-Attas di dalam buku Ismail Hamid

³ Yazid Haji Uthman "Kedudukan dan Prestasi Tulisan Jawi Harapan Dan Cabaran Masa Depan: Tumpuan Kajian Kepada Akhbar Utusan Melayu Bertulisan Jawi" (Makalah Seminar Memartabatkan Tulisan Jawi, Kuala Lumpur, 1995), 3.

⁴ Dr. Wan Ali Wan Mamat "Asal Usul Tulisan Jawi dan Terjemahan" (Makalah Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 25-27 Ogos 2008), 8.

(1988), penambahan lima huruf yang ditambah adalah mengikut bunyi yang lazim pada lidah orang Melayu dengan diilhamkan dari beberapa huruf Arab iaitu *ca, nga, pa, ga, nya*.⁵

Wadah tulisan adalah penting diperkatakan memandangkan pemindahan ilmu dan keintelektualan daripada '*Little Tradition*' kepada '*Great Tradition*' adalah mempunyai hubungan langsung dengan sistem tulisan Jawi. Hal ini kerana, sebelum tulisan Jawi dijadikan suatu sistem tulisan yang digunapakai, masyarakat di alam ini menjadikan tradisi lisan adalah wadah penyaluran mereka. Namun, setelah pengenalan sistem tulisan Jawi, wadah penulisan adalah medium terbaik yang digunapakai untuk merakamkan dan menyampaikan ilmu pengetahuan.

1.3 Tradisi Penulisan Manuskrip di Alam Melayu

Ketika berada di bawah dominasi Hindu Buddha, aktiviti tulisan dalam persuratan bukanlah suatu perkara yang ditradisikan. Yang ada hanyalah bukti penulisan di atas prasasti dan batu bersurat. Ismail Hamid (1985) memperakui hal ini dengan menyatakan bahawa sebelum kedatangan Islam, perkembangan bahasa Melayu amat terbatas dalam penulisan kerana bahasa Sanskrit dan Jawa Kuno mendominasi bidang persuratan pada masa tersebut. Bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam pertuturan dan tidak dikembangkan dalam bentuk penulisan bahkan tidak didapati hasil peninggalan zaman Hindu Buddha berbentuk naskhah tulisan kecuali ditemui batu-batu bersurat sahaja.⁶

Akhirnya melalui sistem tulisan, terhasilnya karya manuskrip yang pelbagai seterusnya menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya ilmu

⁵ Ismail Hamid, Dr., *Kebudayaan Melayu dan Islam* (Selangor: Petaling Jaya, 1988), 36.

⁶ Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), 35.

pengetahuan dalam kehidupan. Manuskrip Melayu merakamkan pelbagai ilmu pengetahuan yang menyentuh tentang segenap aspek termasuk keagamaan, politik, sosial, ekonomi, ketatanegaraan dan sebagainya yang dihasilkan dengan tangan oleh para penulis yang merangkap cendekiawan dan ilmuan. Antara ilmuan yang menghasilkan karya dalam bidang penulisan ialah Bukhari Jauhari (hidup sekitar abad ke-17),⁷ al-Raniri,⁸ Raja Ali Haji,⁹ Syeikh Daud al-Fatani¹⁰ (lahir sekitar awal abad ke-18), dan ramai lagi barisan cendekiawan intelektual Islam silam yang menyumbang dan mewariskan khazanah ilmu pengetahuan.

Menyedari peredaran masa dan perubahan pegangan masyarakat dalam semua aspek, sumbangan dan usaha cendekiawan Melayu adalah tidak ternilai dan tidak boleh dipandang enteng melalui tradisi penulisan manuskrip. Rata-rata para pengkaji

⁷ Bukhari Jauhari merupakan seorang tokoh kesusasteraan Melayu klasik yang hidup pada awal abad ke-16. Antara karyanya yang sangat berpengaruh ialah *Taj us-Salatin* (Mahkota Raja-raja) pada tahun 1630. Buku ini merupakan panduan untuk memerintah oleh raja-raja Melayu seperti Kedah dan Johor. Raja-raja Jawa telah menggunakannya sebagai pedoman dalam pentadbiran mereka. Begitu juga Belanda yang menggunakannya untuk mentadbirkan Indonesia ketika ia menjajah negeri itu. Buku ini telah dibawa ke England dan Belanda yang kemudiannya telah diterjemahkan ke bahasa Perancis. Lihat lanjut <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=jauhari&d=8>.

⁸ Nama penuh beliau ialah al-Syaykh Nur al-Din Muhammad Jaylani ibn Ali ibn Hasanji ibn Muhammad Hamid al-Raniri al-Qurashi al-Syafi. Beliau dilahirkan di Ranir, iaitu sebuah kota pelabuhan yang berhampiran dengan Gujerat, India. Syeikh Nuruddin al-Raniri merupakan pengarang kitab-kitab agama yang berfahaman Ahlul Sunnah yang bertujuan menolak aliran Wahdatul Wujud. Nuruddin mengarang pelbagai bidang agama termasuk ilmu fikah, usuluddin, tasawuf, hadis dan lain-lain. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 31 buah kitab antaranya termasuklah *Bustan al-Salatin*, *Siratul Mustaqim*, *Akhbar al-Akhirat*, *Jawahir al-Ulu*, *Syifa al-Qulub* dan banyak lagi. Lihat lanjut Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan & Sabri Mohamad, "Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan Dan Sumbangannya Dalam Bidang Hadith", (Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu UKM, 2010), 104-115.

⁹ Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad (1808 - 1873) atau lebih dikenali sebagai Raja Ali Haji, ialah ulama, ahli sejarah, serta pujangga Melayu-Bugis, dan terutamanya pencatat pertama dasar-dasar tatabahasa bahasa Melayu melalui Pedoman Bahasa, buku yang telah menjadi piawai bahasa Melayu. Bahasa Melayu baku inilah yang ditetapkan sebagai bahasa Indonesia, bahasa rasmi negara Indonesia, dalam Kongres Pemuda Indonesia pada 28 Oktober 1928. Bukunya yang berjudul *Kitab Pengetahuan Bahasa* merupakan kamus loghat Melayu Johor-Pahang-Riau-Lingga penggalan pertama serta kamus ekabahasa yang pertama di Nusantara. Beliau juga menulis *Syair Siti Shianah*, *Syair Suluh Pegawai*, *Syair Hukum Nikah*, serta *Syair Sultan Abdul Muluk*. Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Ali_Haji_bin_Raja_Haji_Ahmad.

¹⁰ Nama penuh beliau ialah al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (juga dikatakan Wan Senik) al-Fatani Antaranya karyanya dalam bidang fiqh ialah seperti *Hidayatul Muta'allim wa 'Umdatul Mu'allim* yang ditulis tahun 1244 H/1828 M. *Bughyatuth Thullab* yang menghuraikan kandungan kitab fiqh as-*Siratul Mustaqim* yang ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri dan kitab fiqh *Sabilal Muhtadin* yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah, "Sheikh Daud Abdullah Fathani", <http://ulamanusantara.blogspot.com/2008/02/sheikh-daud-abdullah-fathani.html>.

manuskrip bersetuju bahawa tradisi penulisan manuskrip berkembang pada abad ke-15 M dan mencapai tahap kegemilangannya pada abad ke-17 M ketika Kesultanan Melayu Islam yang berpusat di Aceh mencapai kegemilangannya. Hal ini dipersetujui oleh sarjana dari Barat dan Timur.¹¹

Namun, suatu hakikat sejarah yang terlakar ialah kegemilangan yang terbina di alam ini menjadi faktor kemaraan kuasa asing terutamanya Barat. Akhirnya, kemaraan yang pada asalnya atas dasar perdagangan dan dikesampingkan dengan faktor lain. Antaranya agama, politik dan sebagainya sehingga akhirnya Kesultanan Melayu Islam Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511 M.

Sebagai satu kuasa asing, memahami selok belok negara yang dijajah secara pensejarahannya dan kebudayaannya amat penting sekali. Maka, dalam usaha memahami perkara tersebut, pengkajian terhadap manuskrip telah dilakukan. Hal ini kerana, manuskrip adalah sumber primer dan bank data bertulis mengenai maklumat yang diperlukan mereka. Maka, tidak hairanlah bahawasanya pengkajian mengenai Manuskrip Melayu dipelopori oleh sarjana Barat terutamanya Belanda sejak abad ke-16 M lagi. Pelbagai cara dan kaedah yang dilakukan untuk mendapatkan manuskrip. Antaranya perpindahan khazanah berharga ini ke negara asal mereka, upah penyalinan, dan sebagainya. Maka, natijahnya yang mesti diperakui ialah jumlah manuskrip yang terdapat di negara asing adalah lebih tinggi berbanding daerah asal kelahirannya.

Setelah hampir lima abad dijajah dengan kuasa luar yang pelbagai, kebanyakan negara di alam ini mengecap kemerdekaan pada akhir abad ke-20 khususnya Malaysia mengecap kemerdekaan pada tahun 1957 M. Hakikatnya, adakah kemerdekaan yang

¹¹ Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 4.

dicapai adalah kebebasan secara hakiki daripada penjajah dan dalam erti kata yang sebenar?. Sistem pentadbiran terutamanya dan pendidikan sehinggalah kepada sistem tulisan yang digunapakai. Tulisan Jawi yang pada asalnya berperanan mengenalkan masyarakat alam ini dengan ilmu pengetahuan akhirnya berhadapan dengan beberapa kekangan sehingga sistem tulisan Rumi mengambil tempat dalam pelbagai urusan terutamanya proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan. Maka, hal ini secara tidak lansung memberi impak dan kesan kepada khazanah intelektual negara ini untuk terus dikenali dan dihayati memandangkan ianya ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi.

Dalam memahami latar belakang manuskrip kini, memahami realiti tulisan Jawi kini adalah terlebih dahulu perlu difahami. Menurut Fauzi Deraman (2005), menjelang tahun 1950, tulisan Jawi benar-benar terpinggir apabila hanya 35% sahaja buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah yang masih dalam tulisan Jawi, selebihnya 65% lagi dalam tulisan Rumi. Hal ini menjadi lebih malang lagi pada tahun 1952 melalui Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pertama di Singapura yang merupakan cubaan pertama yang merupakan usul menjadikan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi.¹² Walaupun percubaan pertama ini tidak berhasil, namun cubaan seterusnya pada tahun 1954 menampakkan hasilnya. Seterusnya, keputusan ini diperkukuhkan lagi dengan keputusan parlimen pada 14 Disember 1959 yang menetapkan tulisan Rumi adalah tulisan bahasa Kebangsaan. Apabila Akta Bahasa 1963 diluluskan, tulisan Rumi telah digunakan. Hampir sepenuhnya dalam kegunaan harian, dengan itu tulisan Jawi terus malap dan terbatas pemakaiannya di kalangan masyarakat.¹³

¹² Fauzi Deraman, "Manuskrip Melayu tentang Hadis di Alam Melayu" (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 21.

¹³ Sidik Fadhil, "Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendaulatannya di Alam Melayu" (makalah, Seminar Tulisan Jawi, 4 September 1995), 1.

Maka, jelaslah bahawa memahami realiti tulisan Jawi kini, secara langsung dapat kita fahami bahawa inilah nasib yang terpaksa dihadapi oleh manuskrip memandangkan khazanah berharga ini kebanyakannya adalah ditulis menggunakan sistem tulisan ini. Namun hakikatnya, inilah khazanah warisan negara yang perlu diketahui demi sebuah penerusan dan kelangsungan kepada pemuliharaan khazanah intelektual bangsa, agama dan negara untuk generasi kini dan akan datang. Seandainya khazanah ini tidak dipelihara dan dipulihara ianya akan pupus ditelan dek masa dan keadaan, dan terus kekal hanya dalam lipatan sejarah yang tidak dibentangkan. Tambahan pula, ianya berhadapan dengan pelbagai faktor yang boleh merosakkannya saban hari. Antaranya cuaca, sifat manusia dan sebagainya yang boleh memusnahkannya dari aspek fizikal dan intelektual.

Walaupun telah dinyatakan bahawa khazanah berharga ini dari sudut jumlahnya lebih banyak tersimpan di negara asing, namun ianya masih terdapat di dalam simpanan masyarakat tempatan. Antaranya pihak istana, ulama, orang perseorangan dan sebagainya. Menyedari hakikat dan realiti ini, langkah yang wajar dan bijak harus diambil dan dimulakan.

Namun, perlu disedari dan diperakui bahawa generasi kini yang agak jauh dengan sebuah sejarah kegemilangan tamadun Melayu Islam suatu ketika dahulu. Hal ini dilihat melalui sikap pelajar kini yang kurang berminat mengetahui sejarah kegemilangan tamadun sendiri. Apatah lagi menghayatinya. Inilah suatu hakikat yang harus diperakui berkenaan impak pengenalan dan pelaksanaan dasar penjajah yang ditinggalkan.

Namun, sesungguhnya khazanah berharga hasil peninggalan para ulama dan cendekiawan terdahulu seharusnya dipelihara walau pelbagai cabarannya kerana ianya menyimpan seribu satu manfaat yang tersembunyi untuk dikaji. Menyedari hakikat ini, Pusat Manuskrip Melayu (PMM) ditubuhkan pada tahun 1983 dan ditempatkan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Bertepatan dengan nama dan tujuan penubuhan, penulis merasakan terpanggil untuk menyorot sejarah tertubuhnya pusat ini sebagai salah sebuah institusi yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk menguruskan Manuskrip Melayu.

Kesedaran mengenai kepentingan Manuskrip Melayu telah timbul di kalangan institusi-institusi semenjak akhir tahun 50-an lagi. Tetapi, usaha serius dan positif kearahnya tidak diambil dengan serta merta. Hal ini disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah faktor kewangan, kemudahan pemuliharaan, tenaga mahir dan sebagainya. Kesimpulannya, pengurusan dalam memelihara dan memulihara khazanah berharga ini adalah penting diberi perhatian.

2. Pengertian Tajuk

a) Pusat Manuskrip Melayu (PMM)

Institusi yang ditubuhkan atas kesedaran pihak kerajaan pada tahun 1983 dengan mengisytiharkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Berikutnya pada tahun 1985, Pusat Manuskrip Melayu diwujudkan di Perpustakaan Negara Malaysia untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pusat kebangsaan tersebut.

b) Peranan

Dalam bahasa Inggeris ialah '*role*' yang bermaksud peranan atau tugas. Definisi secara umumnya ialah bahagian di dalam pekerjaan atau tugas yang dipegang.¹⁴

c) Pengurusan

Terdapat pelbagai definisi pengurusan yang telah dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang pengurusan. Pada amnya, pengurusan merujuk kepada proses pencapaian matlamat organisasi mengikut cara yang berkesan dan cekap. Ini dilakukan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi.¹⁵

Melalui definisi di atas, menunjukkan bahawa pengurusan mempunyai tiga kriteria utama iaitu pertamanya ia mengandungi proses atau siri aktiviti yang saling berkait antara satu sama lain dan membentuk satu sistem yang tersendiri. Kedua, ianya melibatkan usaha-usaha untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Ketiga pencapaian matlamat dicapai melalui kerjasama dengan kumpulan atau individu lain serta penggunaan sumber-sumber yang terdapat dalam organisasi.

Walau bagaimanapun, dilihat dari aspek PMM sebagai sebuah organisasi, takrifan bagi organisasi juga tidak boleh diabaikan. Robbins dan Coulter (2007), mengatakan bahawa organisasi sebagai satu aktiviti kolektif yang dirancang oleh dua orang atau lebih yang mengandungi pembahagian buruh dan autoriti berhierarki untuk mencapai matlamat secara bersama. Maka, tidak dapat tidak organisasi adalah berasaskan tiga elemen iaitu manusia, struktur dan matlamat.¹⁶ Secara kesimpulannya, '*pengurusan organisasi*' merujuk kepada proses merancang, mengorganisasi,

¹⁴ Kamus Dewan, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 325, entri "peranan"

¹⁵ Daft, Richard L., *Management*, ed. ke-4 (Orlando: The Dryden Press, 1997), 8.

¹⁶ Robbins & Coulter, *Management* ed ke-9 (New Jersey: Prentice Hall International, 2007), 27.

memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan.

Dengan melihat kepada definisi kedua-dua perkataan ini iaitu '*pengurusan*' dan '*organisasi*', ianya menunjukkan kesaling kaitan antara keduanya. Pengurusan yang diinterpretasikan dalam proses menyelamatkan Manuskrip Melayu ialah pengurusan yang melibatkan organisasi iaitu PMM. Maka, hendaklah disempurnakan melalui organisasi yang melibatkan individu yang menggerakkan. Manakala, organisasi pula tidak berfungsi tanpa pengurusan yang efektif.

Maka, mengambil kira definisi di atas, penulis akan merungkai bagaimanakah PMM selaku organisasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang seterusnya memainkan peranannya dalam usaha menguruskan Manuskrip Melayu demi untuk mencapai objektif organisasi yang telah digariskan. Hal ini kerana, PMM adalah institusi yang diberi amanah dan tanggungjawab menguruskan khazanah berharga ini.

d) Manuskrip Melayu

Perkataan Manuskrip adalah berasal dari bahasa Latin yang terdiri dari dua perkataan iaitu *manus* yang bermaksud tangan dan *scriptus* ertinya tulisan. Ia bererti tulisan tangan. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai versi atau bahan (sesuatu karya) yang telah disediakan oleh penulis (editor dan sebagainya) untuk dicetak dan diterjemahkan dalam bentuk buku dan lainnya. Ia juga merangkumi artikel, dokumen atau sebarang tulisan yang ditulis dengan tulisan tangan atau ditaip, yang merupakan naskhah asal

penulis dan bersedia untuk dicetak.¹⁷ Manuskrip dalam bahasa Arab disebut *makhtutat* yang membawa erti dan maksud yang sama.¹⁸

Manakala perkataan Melayu membawa pengertian secara umumnya adalah nama khas untuk satu kelompok suku bangsa dan bahasa di sekitar Kepulauan Melayu terutama di Semenanjung Malaysia.¹⁹ Selain itu, ia juga digunakan sebagai nama am bagi pelbagai kelompok serumpun bahasa di kalangan kelompok bahasa Melayu Polinesia.²⁰

Dari aspek sosial dan budaya yang luas, ia membawa maksud mereka yang mendiami wilayah-wilayah semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Selatan Thailand, pesisir Timur Pulau Sumatera, Pesisiran Pulau Borneo dan di merata kawasan yang dipanggil sebagai gugusan pulau-pulau Melayu atau Nusantara.²¹ Penduduknya menggunakan bahasa dan loghat yang pelbagai serta suku bangsa namun merupakan penutur teras bahasa Melayu. Bangsa Melayu adalah antara bangsa yang besar di dunia.²²

¹⁷ Kamus Dewan, ed. ke-3, 860, entri “manuskrip”. The American Heritage Dictionary of the English Language, ed ke-4 (New York: American Heritage Publishing, 1969), 796, entri “manuscript”

¹⁸ al-Mu’jam al-Wasit (Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1960), 244, entri “makhtutat”

¹⁹ Kamus Dewan, ed. Ke-3, 874.

²⁰ *Ibid.*, 1503.

²¹ Nusantara merujuk pengertiannya dari sudut geografi, ia adalah terdiri daripada rantau yang luas dan memanjang dari utaranya Indochina (Selatan Vietnam dan Kemboja), menurun melalui Segenting Kra hinggalah ke Selatan Burma dan Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura. Manakala di bahagian Selatan pula terdiri daripada wilayah kepulauan yang dipisahkan oleh laut dan selat. Ke arah Tenggara, kawasan ini terdiri daripada Pulau Kalimantan dan Kepulauan Filipina di Laut China Selatan, manakala di Barat Daya dan Selatan merentasi Selat Melaka terdapat Kepulauan Indon, Kamus Dewan, ed. Ke-3, 1643.

²² Budaya antara kelompok Melayu berbeza disebabkan pengaruh penjajahan. Filipina dikuasai oleh Perancis, Indonesia oleh Belanda dan Semenanjung Tanah Melayu oleh Inggeris (British), Kamus Dewan, ed. Ke-3, 1503; S. Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan* (Kuala Lumpur: Penerbit Adabi, 1979), 1.

Oleh itu, Manuskrip Melayu ialah hasil sastera Melayu Tradisional bertulis tangan dalam tulisan Jawi oleh penulis Melayu. Semestinya nilai dan harga kandungan yang diwarisi oleh Manuskrip Melayu amat bernilai sekali.

3. Permasalahan Kajian

Menyorot latar belakang masalah yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini, maka penulis membuat beberapa perumusan masalah kajian untuk merungkai beberapa persoalan mengenai subjek kajian pada kali ini:

- a) Bagaimanakah latar belakang tradisi penulisan Manuskrip Melayu?
- b) Apakah sejarah tertubuhnya PMM?.
- c) Bagaimanakah organisasi PMM distruktur dalam usaha mencapai objektif penubuhannya?.
- d) Apakah aktiviti yang dilaksanakan dalam menjayakan matlamat organisasi PMM?.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah suatu keperluan dalam sesebuah penyelidikan supaya ianya lebih terarah dan mencapai serta menjawab kepada tujuan penyelidikan. Maka, di dalam penyelidikan pengkaji pada kali ini penulis meletakkan beberapa objektif kajian yang ingin dicapai:

- a) Menyorot latar belakang Manuskrip Melayu khususnya Manuskrip Melayu Islam.
- b) Menyorot sejarah penubuhan PMM.
- c) Mengetahui penstrukturan dan fungsi organisasi PMM.

- d) Menganalisis peranan PMM dalam pengurusan Manuskrip Melayu.

5. Skop Kajian

Untuk mengelak daripada berlakunya penyelidikan yang tidak terarah dengan berlakunya sebarang penyimpangan, penulis telah meletakkan beberapa skop kajian iaitu:

- a) Kajian ini tertumpu kepada tradisi penulisan Manuskrip Melayu dengan menyorot perkembangan penulisannya mengikut abad yang diwakili oleh sesebuah kesultanan Melayu.
- b) Sejarah penubuhan PMM sebagai institusi yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk menguruskan khazanah berharga ini.
- c) Selain itu, meninjau peranan yang dimainkan oleh PMM selaku organisasi yang menggalas amanah dan tanggungjawab menguruskan khazanah berharga ini dari segenap aspek bermula dari proses mengesan sehinggalah kepada proses menjadikan ianya dikenali.

6. Kepentingan Kajian

Semestinya, aspek kepentingan sesebuah penyelidikan adalah aspek yang tidak dapat dinafikan. Hal ini kerana, menunjukkan kerelevanan sesebuah penyelidikan supaya ianya memberi faedah dan manfaat kepada pihak tertentu. Penulis menyatakan kepentingan penyelidikan pada kali ini seperti berikut:

- a) Ianya berkepentingan mengetahui peranan yang dimainkan oleh Pusat Manuskrip Melayu dalam usaha pemuliharaan Manuskrip Melayu. Selain itu, berkemungkinan penulis akan memberi beberapa cadangan untuk

meningkatkan pengetahuan dan minat masyarakat kepada Manuskrip Melayu.

- b) Mengetahui sejarah kaedah dan pelaksanaan serta langkah yang diambil oleh PMM dalam usaha murni ini dan ianya menimbulkan minat pengkaji seterusnya meneroka bidang pengkajian Manuskrip Melayu.
- c) Penyelidik menyatakan akan pentingnya kajian ini dijalankan demi sebuah kesinambungan penyelidikan ilmiah berkenaan manuskrip terutamanya dalam usaha pemuliharaan Manuskrip Melayu.
- d) Seterusnya, penulis berharap subjek kajian kali ini iaitu Manuskrip Melayu yang berperanan sebagai suatu sumber maklumat pribumi masyarakat Melayu dapat dinilai sebagai warisan yang berharga dan usaha ke arah pemuliharaannya tidak diambil enteng oleh semua pihak sama ada pihak pemerintah dan masyarakat supaya khazanah berharga ini dapat dihayati oleh masyarakat melalui pelaksanaan program atau peranan yang bersesuaian yang bermatlamatkan supaya ianya diketahui dan dikenali oleh masyarakat melalui penubuhan PMM sebagai institusi ke arah usaha murni ini.

7. Sorotan Perpustakaan

Prof. Syed Naquib Al-Attas (1972), menyatakan ‘kedatangan Islam di Kepulauan Melayu Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam pensejarahannya, sebagai semboyan tegas menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan peribadi insan’.²³

Hal ini jelas dilihat melalui perubahan dan galakan Islam sebagai agama yang berpaksikan paradigma tauhid yang seterusnya diterjemahkan di dalam kehidupan

²³ Syed Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 20.

bermasyarakat di alam ini. Maka, menurut Wan Abd Rahman Khudri Wan Abdullah (2002), hasil tauhid ini telah membuahakan kehidupan beribadah, menghiasi akhlak bernilai tasawuf, seterusnya ianya menjalar ke dalam aspek kehidupan lain yang meliputi politik, perundangan, keilmuan, keintelektualan, persuratan dan sebagainya.²⁴

Antara bukti kesan khazanah intelektual dan keilmuan melalui medium penulisan ialah Manuskrip Melayu. Isi kandungannya kaya dan menyentuh pelbagai aspek. Ding Choo Ming (2008), menyatakan ianya merupakan sumber pribumi masyarakat Melayu memandangkan terakam di dalamnya seribu satu keilmuan dan sejarah tentang alam ini yang meliputi aspek perundangan, ketatanegaraan, hiburan, falsafah, agama, dan sebagainya.²⁵

Justeru, ianya perlu diberi perhatian dalam usaha menyelamatkan dan mengekalkannya sebagai khazanah warisan bernilai. Maka, usaha serius ini haruslah dimainkan oleh badan-badan tertentu yang berautoriti dan bertanggungjawab seperti PMM yang diamanahkan.

Tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai hasil kajian dan penulisan mengenai khazanah berharga ini oleh para sarjana terutamanya yang terlibat secara langsung dengan Manuskrip Melayu. Antara nama-nama yang sering muncul ialah Ding Choo Ming,²⁶ Wan Ali Wan Mamat,²⁷ Mahayudin Haji Yahya,²⁸ Abu Hassan Sham dan ramai

²⁴ Wan Abd Rahman Khudri Wan Abdullah, “*Impak Kemasukan Islam ke Nusantara ke Atas Kehidupan Sosial Masyarakat Melayu*”, dalam *Tamadun Islam Suatu Sorotan* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 135.

²⁵ Ding Choo Ming, *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu* (Selangor: Penerbit UKM, 2008).

²⁶ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002); Ding Choo Ming, “Masalah Pengumpulan, Pendokumentasian dan Pengajian Manuskrip Melayu”, *Jurnal Filologi* 7 (Perpustakaan Negara Malaysia, 1999); Ding Choo Ming, “Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu”, dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu* (Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia, 10-11 Julai 2006).

lagi barisan pengkaji terutamanya dari kalangan ahli akademik. Perkara yang sering dibincangkan adalah topik berkaitan pengenalan mengenai manuskrip secara asasnya, sejarah penulisan, peralatan, teknik, dan usaha peliharaan dan pemuliharaannya. Pelbagai medium digunakan dalam usaha menyampaikan kesedaran mengenai Manuskrip Melayu seperti bengkel, seminar, jurnal, tesis, buku, dan beberapa lagi platform yang diguna pakai.

Secara asasnya, kebanyakan penulisan hanya menyentuh mengenai sejarah manuskrip dan kaedah penulisannya. Kajian secara terperinci dan mendalam mengenai usaha sesebuah institusi terutamanya PMM yang menjadi subjek kajian penulis kali ini dalam memelihara dan memelihara manuskrip jarang dibincangkan dan dikaji. Seandainya ianya dibincangkan, ianya hanya berbentuk mendasar sahaja. Antaranya Ding Choo Ming melalui bukunya *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*, membincangkan tentang hal ehwal berkaitan kajian mengenai Manuskrip Melayu serta ciri-cirinya, sumbangan orientalis dalam bidang Manuskrip Melayu, masalah memperoleh dan seterusnya beliau mengutarakan pandangan berkaitan realiti pengajian manuskrip terkini dan cadangan menarik minat orang ramai terhadap manuskrip. Namun, beliau juga ada menyentuh secara sepintas lalu mengenai PMM selaku antara beberapa institusi yang ada menyimpan Manuskrip Melayu.

Manakala, buku terbitan PMM berjudul *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*²⁹ pada tahun 1997 yang memuatkan kompilasi beberapa artikel para sarjana mengikut tema-tema tertentu juga lebih menyentuh mengenai tradisi penulisan Manuskrip Melayu

²⁷ Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).

²⁸ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 62-93.

²⁹ Perpustakaan Negara Malaysia, *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997).

merangkumi tulisan, teknik penulisan, alatan, peranan institusi istana sebagai pusat penyebarannya. Abu Hassan Sham³⁰ melalui artikel beliau bertajuk *Langkah-Langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu* menyenaraikan beberapa saranan termasuklah kerjasama daripada pelbagai pihak yang diamanahkan menyimpan Manuskrip Melayu termasuklah PMM. Namun, beliau tidak menyentuh secara lebih lanjut mengenai institusi ini.

Selain itu, gandingan dua penulis Shaharom Tengku Sulaiman dan Wan Abdul Kader Wan Dollah³¹ melalui bukunya *Kepustakawanan Dalam Pelbagai Perspektif di bawah subtopik Manuskrip Melayu: Warisan Keilmuan Yang Bernilai* yang hanya menyentuh secara sepintas lalu mengenai tradisi penulisan Manuskrip Melayu dan peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam usaha menyelamatkan khazanah berharga tersebut. Namun, peranannya juga tidak diperbincangkan secara terperinci. Ianya hanya berkaitan fungsi dan beberapa seminar dan pameran yang dilaksanakan. Peranannya selaku institusi yang menguruskan Manuskrip Melayu tidak dibincangkan secara terperinci dan mendalam.

Menyedari usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah berharga ini bukanlah suatu usaha yang boleh dipandang enteng, pengkaji melihat kekurangan dan kelompangan mengenainya perlu dipenuhi. Bahkan ianya melibatkan sesebuah institusi yang diamanahkan. Maka, kajian mengenai PMM, Perpustakaan Negara Malaysia kali ini dijadikan subjek kajian.

³⁰ Abu Hassan Sham, "Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu", dalam Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 265-273.

³¹ Shaharom Tengku Sulaiman dan Wan Abdul Kader Wan Dollah, *Kepustakawanan dalam Pelbagai Perspektif*. (Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd, 1996).

8. Metodologi Penyelidikan

Metodologi ditakrifkan sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data yang akan digunakan sebagai asas bagi membentuk inferensi dan pentafsiran. Ia bertujuan menghurai dan membuat jangkaan tentang sesuatu fenomena sebagai satu prosedur yang sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.³²

8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha penulis mendapatkan data penyelidikan, beberapa pendekatan digunakan iaitu:

i. Kajian Perpustakaan

Proses pembacaan dan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian menjadi sumber asas dalam pengumpulan dan pemerolehan data atau maklumat dalam kajian ini. Kebanyakan data diperolehi daripada sumber sekunder iaitu buku, jurnal, tesis, dan sebagainya.

ii. Dokumentasi

Penulis menggunakan beberapa dokumen dalam usaha memperoleh maklumat kajian. Antaranya fail, akta dan minit mesyuarat atau laporan mesyuarat.

³² Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001), 26.

iii. Kajian Lapangan

a. Temu Bual

Penulis akan menggunakan metode ini dalam usaha mendapatkan data berkenaan subjek kajian. Antara responden temu bual ialah Timbalan Pengarah PMM yang akan ditemu bual secara berstruktur. Seterusnya, penulis juga akan menemu bual beberapa kakitangan PMM. Antara informen di dalam proses temu bual ialah pegawai yang terlibat secara langsung dalam usaha penyimpanan dan pengurusan Manuskrip Melayu. Antaranya:

- Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.
- Penolong Pengarah PMM.
- Pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pegawai dari Perpustakaan Universiti Malaya.
- Pegawai dari Arkib Negara Malaysia.
- Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin, Pensyarah dan bekas pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang terlibat secara langsung dengan Manuskrip Melayu.
- Ding Choo Ming, sarjana yang terlibat dalam kajian Manuskrip Melayu.
- Wan Ali Wan Mamat, mantan Pengarah PMM.

b. Metode Observasi

Metode observasi merupakan kaedah yang memerlukan penulis melakukan pengamatan secara langsung terhadap sebarang proses yang

melibatkan usaha pengurusan di PMM. Antaranya lawatan ke bilik simpanan manuskrip, bahagian Pemuliharaan PNM dan ruang penyelidikan PMM.

iv. Metode Soal Selidik

Penyelidik mengedarkan soalan kaji selidik kepada pegawai dan pustakawan yang ditugaskan di PMM. Kaji selidik ini bertujuan memperoleh data berkaitan latar belakang secara umum dan terutamanya kebolehan membaca dan menulis Jawi di kalangan pegawai. Hal ini kerana, aspek kebolehan dalam kedua-dua aspek ini penting diberi perhatian di kalangan pegawai yang mengendalikan manuskrip.

8.2 Metode Analisis Data

Setelah data dikumpul, penulis akan menjalankan usaha penganalisan data terhadap data-data tersebut. Dua kaedah penganalisan data akan diaplikasikan iaitu:

i. Metode Induktif

Ianya berasal daripada bahasa Latin “*inducere*” yang bermaksud “membawa atau menuju kepada”. Pemikiran ini biasanya menuju kepada pemikiran khusus kepada pernyataan umum.³³

Penulis menggunakan metode ini dalam menganalisis data dalam bab yang kedua dan ketiga yang mana penulis akan menjelaskan berkenaan sumbangan dan peranan Islam di Alam Melayu. Seterusnya metode ini juga digunakan pada bab ketiga menyentuh tentang tradisi penulisan manuskrip yang terangkum di dalamnya beberapa aspek seperti peralatan penulisan, perhiasan dan sebagainya yang merupakan asas pengenalan kepada sesebuah manuskrip. Seterusnya penulis

³³ Mohd Michael Abdullah, *Pemikiran Kritis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995), 103.

akan membahaskan tentang unsur yang terdapat dalam manuskrip seperti perubatan, perundangan, hiburan, ketatanegaraan, dan sebagainya.

ii. Metode Deduktif

Perkataan deduktif berasal daripada perkataan Latin “*deducere*” yang membawa maksud “membawa atau menuju daripada” hujahnya biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada khusus.³⁴

Metode ini akan digunakan oleh penulis dalam menganalisis data dan fakta di dalam bab empat penyelidikan ini. Dalam bab ini penulis akan menganalisis data berkenaan sejarah dan peranan yang dimainkan oleh PMM yang memainkan peranan sebagai institusi yang memelihara Manuskrip Melayu.

9. Sistematika Penulisan

Dalam menjadikan penyelidikan penulis sebuah penyelidikan yang terarah dan tersusun, penulis menetapkan sistematika penulisan yang diterjemahkan melalui bab-bab tertentu. Umumnya, penulis membahagikan pembahagian bab kepada lima.

Pada bab pertama penulisan yang mana merupakan bahagian pengenalan kepada penyelidikan penulis, penulis telah menyetengahkan bab ini dengan perkara penting dalam sesebuah penyelidikan. Perkara tersebut ialah latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, sorotan perpustakaan dan sistematika penulisan penulis.

³⁴ *Ibid.*

Seterusnya pada bab kedua penulisan, penulis menetapkan tentang sumbangan dan peranan Islam sebagai agama yang berperanan dalam membina dan membentuk sebuah ketamadunan di gugusan kepulauan Melayu dalam segenap aspek kehidupan masyarakat terutamanya dalam aspek penulisan dan kesusasteraan. Seterusnya, kegemilangan tradisi penulisan Manuskrip Melayu disorot mengikut abad. Penulis juga memuatkan peralatan yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah karya serta ciri-ciri sesebuah manuskrip dan faktor pendorong kepada penulisannya.

Kemudian, pada bab ketiga penulisan, penulis akan memberi fokus Perpustakaan Negara Malaysia selaku institusi yang diberi amanah menguruskan khazanah berharga ini. Penulis akan menyentuh mengenai sejarah PNM dan struktur organisasi. Selain itu, beberapa akta yang melibatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Manuskrip Melayu.

Pada bab keempat penulisan penulis yang merupakan bab kepada analisis dan sekaligus menjawab kepada subjek kajian penulis, penulis menetapkan pada bab ini berkenaan tentang sebuah sorotan sejarah kewujudan PMM sebagai institusi yang memainkan peranan sebagai institusi yang menguruskan Manuskrip Melayu. Aspek yang dikupas ialah penstrukturan organisasi PMM, dasar bahagian dan aktiviti yang dijalankan.

Akhirnya, pada bab kelima penulisan dan merangkap bab terakhir kepada penulisan penulis, maka penulis membuat kesimpulan daripada hasil penyelidikan. Seterusnya meletakkan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak tertentu dalam usaha menjadikan subjek kajian serta dapatan penyelidikan penulis dapat dimanfaatkan secara bersama.

BAB DUA:

**TRADISI
PENULISAN MANUSKRIP
DAN PENGURUSANNYA
DI MALAYSIA**

BAB 2:
TRADISI PENULISAN MANUSKRIP DAN PENGURUSANNYA
DI MALAYSIA

1. Pendahuluan

Realiti yang terpatri sesungguhnya kedatangan Islam ke alam ini membawa impak dan kesan yang mendalam terhadap pembinaan ketamadunan masyarakat dalam segenap aspek. Dalam kita menyorot perjalanan sejarah masyarakat alam ini yang panjang, latar belakang sosio budayanya mestilah difahami terlebih dahulu.

Selaku masyarakat yang terdiri daripada individu dan kelompok masyarakat semestinya mereka mempunyai perasaan, pemikiran sistem nilai dan tindakan yang dilahirkan atau diucapkan dalam pelbagai cara atau medium. Umumnya, medium yang digunapakai ialah lisan, tulisan dan gerakan atau perlakuan. Begitu juga yang berlaku terhadap kelompok masyarakat rantau ini. Dalam memahami aspek ini, sebuah sorotan terhadap sejarah warna-warni dan keberagaman kuasa dan pengaruh yang terdapat di alam ini yang pelbagai yang berlaku dalam kehidupan masyarakatnya. Termasuklah bidang penulisan.

Sebagai alam yang terdiri daripada rumpun Melayu seperti Aceh, Batak, Bugis, dan sebagainya, masyarakat Melayu tradisional tidak mempunyai suatu sistem bahasa dan tulisan yang selaras. Mereka menggunakan bahasa dan tulisan mengikut kelompok masing. Tulisan juga dicipta mengikut kelompok tertentu. Antaranya tulisan

Lampung, Batak, Rencong, dan sebagainya.¹ Begitu juga medium penulisan yang terdiri daripada batu, papan, logam, kulit binatang, dan sebagainya.

Sehingga apabila pengaruh Hindu Buddha datang dan menguasai alam ini sekitar abad ke-5 dan dibawa bersamanya sistem tulisan seperti tulisan Pallava, Nagiri dan Kawi serta kesusasteraannya iaitu epik *Mahabrata* dan *Ramayana*. Namun, dalam menilai sejauhmanakah pengaruh ini mempengaruhi masyarakatnya, Prof Syed Naquib al-Attas menyatakan:

“Falsafah agama Hindu tidak mempengaruhi masyarakat Melayu-Indonesia. Masyarakat Melayu-Indonesia lebih cenderung kepada sifat-sifat kesenian daripada sifat falsafah. Unsur-unsur falsafah yang bersendikan budi dan pengetahuan akhlah dengan sendirinya tersingkir, jauh terusir terkucar-kacir pada bukan tempatnya”.²

Hal ini kerana, perhatian dan penekanan penulisan pada tahap ini tertakluk kepada nilai dan kepentingan golongan bangsawan di istana dan kraton. Mereka menggunakan wadah bahasa dan tulisan untuk memperkukuhkan ideologi dan kedudukan mereka semata. Maka, lahirlah penulisannya bercorak elitis, penuh dengan dongengan dan khayalan semata. Syed Mohd Naquib (1967) juga menyatakan:

“Agama Hindu dan Buddha tidak berhasil mempengaruhi intelek Melayu untuk melahirkan ahli fikir dan failasuf dari kalangan bumiputera samada di Jawa mahupun Sumatera”³

Sesudah Hindu dan Buddha, Islam datang menyinari Alam Melayu. Walaupun tiada tarikh yang tepat tentang kedatangannya ke alam ini, namun apa yang dilihat dan dinilai ialah kesan dan impak yang diterima oleh masyarakat dalam segenap aspek kehidupan khususnya penulisan. Hal ini kerana, Islam telah membawa bersama suatu

¹ Muhd Yusuf Hashim, “Manuskrip Melayu: Warisan Keilmuan yang bernilai” dalam *Warisan Dunia Melayu-Teras Perpaduan Malaysia* (Kuala Lumpur: Biro Penerbitan GAPENA, 1985), 68.

² Prof. Syed Naquib, “*Islam dan Kebudayaan Melayu*”, (Seminar Peradaban Sa-Malaysia, 15-17 Julai 1967, Kolej Islam, Petaling Jaya), 13.

³*Ibid.*, 16.

sistem tulisan kepada masyarakat alam ini yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Tulisan ini terbentuk hasil pertembungan dan penyerapan agama dan budaya baru ini. Tulisan ini telah diubahsuaikan dari sistem tulisan huruf Arab dengan sedikit inovasi setempat.⁴

Natijahnya, penggunaan tulisan Jawi dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa dakwah Islam dan *Lingua Franca* menyebabkan kegiatan dan penghasilan karya bertulis amat rancak yang dikenali dengan tradisi penulisan Manuskrip Melayu. Maka, lahirnya karya yang pelbagai sejak ianya diperkenalkan. Semangat ilmu dan tradisi penulisan Islam yang dirintis oleh umat Islam terdahulu kini dilanjutkan oleh tokoh-tokoh intelegensia serta ulama Melayu yang produktif menyampaikan risalah Islam melalui medium ini khususnya ketika era kerancakan dan kegemilangannya pada sekitar abad ke-15 hingga ke-17. Antaranya Hamzah Fansuri (m. 1607 M),⁵ Syamsuddin Sumaterani (m. 1630 M),⁶ Nuruddin al-Raniri (m. 1658 M),⁷ dan sebagainya bersama karya masing-masing yang menjadi rujukan dan panduan.

Namun, suatu realiti sejarah yang harus diterima bahawa kegemilangan Islam di alam ini tidak hanya berada pada pola yang sama. Kedatangan pihak penjajah luar khususnya Barat yang silih berganti akhirnya mempengaruhi serta ‘membantut’ kerancakan tradisi ini. Hal ini kerana, campur tangan yang dimainkan di dalam

⁴*Ibid.*, 41.

⁵Tidak banyak diketahui mengenai latar belakang beliau. Di mana dan bila beliau dilahirkan masih kesamaran. Hanya diketahui beliau dilahirkan di Fansur (Barus). Menurut al-Attas, beliau hidup sebelum pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah, Shah (1588 – 1604 M) berakhir dan meninggal sebelum 1607 M. Lihat “New Light of the Life of Hamzah Fansuri,” *JMBRAS* XI, no.1 (1967), 48. Dalam sumber lain beliau berpendapat Hamzah hidup antara 1550-1600. Syed Naquib Al-Attas, *The Origin of Malay Shair* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 11.

⁶Beliau merupakan murid kepada Hamzah Fansuri. Sangat disegani. Memegang jawatan Mufti dan memakai gelaran Syeikhul Islam dan merupakan Penasihat Kanan kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1604-1636 M)

⁷ Nama penuh beliau ialah Nur al-Din ibn Ali ibn Hasanji ibn Muhammad Hamid al-Raniry. Berketurunan Arab dan bermastatutin di Ranir (Rander) di Gujerat. Mempelajari Bahasa Melayu sejak berada di Gujerat dan di Meka, Tiba di Aceh pada 1637M dan meninggal pada tahun 1658 M. Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniri* (Jakarta: C.V. Rajawali, 1983), 38. Lihat juga al-Attas, “Raniri and the Wujudiyah of 17th Century Aceh” dalam *MBRAS* (1969), 12.

pentadbiran masyarakat rantau ini, usaha pemunggaran yang dilakukan, dan sebagainya. Akhirnya, selepas kebanyakan negara di rantau ini mencapai kemerdekaan, khazanah berharga ini yang berperanan sebagai bank data bertulis dan dokumen bersifat premier ini banyak tersimpan di negara luar berbanding negaranya sendiri.

Walaupun menyedari akan perjalanan tradisi penulisan ini mengalami fasa turun naik, namun hakikatnya ialah tradisi besar ini telah mengangkat dan menjadikan aspek keilmuan dan keintelektualan adalah suatu aspek yang dititikberatkan oleh masyarakat alam ini.

2. Ciri-Ciri Manuskrip Melayu

Dalam usaha berkenalan dengan Manuskrip Melayu, maka penulis akan menyenaraikan beberapa persolan mengenai ciri-cirinya yang unik. Hal ini kerana, khazanah berharga ini mempunyai beberapa ciri yang agak berlainan daripada dokumen lain. Antara persoalannya ialah siapakah penulisnya?. Bilakah dan dimanakah ianya dihasilkan?. Dan beberapa lagi ciri yang sentiasa diberi perhatian dalam memastikan bahawa ianya memenuhi kriteria Manuskrip Melayu. Antaranya dari aspek penulisan, fizikal, kandungan, susunan, tarikh, nama pengarang atau penyalin, gaya penulisan, hiasan atau kaligrafi dan sebagainya.

2.1 Penggunaan Tarikh oleh Pengarang atau Penyalin Manuskrip Melayu

Penggunaan tarikh dalam sesebuah karya manuskrip bukanlah suatu yang menjadi kewajipan kepada penulisnya terutamanya pada era awal penulisan manuskrip. Hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan beberapa faktor iaitu anggapan bahawa tarikh dan kronologi adalah suatu hal yang tidak penting. Terutamanya karya yang berkaitan dengan keagamaan. Bagi pengarang, maklumat yang ingin disampaikan adalah lebih penting di samping merasakan bahawa semestinya masyarakat sedia maklum dan makruf berkenaan tarikh sesebuah karya yang dihasilkan.

Walau bagaimanapun, jika wujud tarikh lazimnya dicatatkan pada bahagian mukaddimah atau kolofon. Menurut Jones dan Rowntree (1983):

“to date manuscripts, we look at the internal evidence, what the scribe has written in his text or in addition to it, and we should also look at the external features, such as the style of writing, the ink, the layout. In the page, the circumstances in which the manuscript was acquired and above all at the paper, from such an integral approach we may be able to estimate an approximate date for the binding of the codex, and within these dates perhaps a narrow band of dates within which the manuscript must have been copied. When we take the approach, the watermark becomes just another feature, as indeed does the date, if any, given by the copyist – this is naturally very significant, but should not be regarded as acceptable, unless it is supported by circumstantial evidence”⁸

Antara bukti yang boleh menerangkan *circumstantial evidence* ialah melalui kajian dan perbandingan jumlah kata-kata sanskrit, Arab, Parsi, Jawa dan lain-lain. Umur sesebuah manuskrip dinilai mengikut jumlah perkataan Kuno yang digunakan.⁹

Menurut Mahayudin Haji Yahaya (2001), walaupun terdapat sesetengah karya yang terdapat tarikh yang tertera, namun ianya tidak boleh terus diterima. Tetapi, seharusnya mengambil kira beberapa pertimbangan seperti sifat dalaman dan luaran yang tertera di dalam teks, stail atau bentuk penulisan, suasana dan keadaan manuskrip, dan beberapa lagi aspek lain. Hal ini berkemungkinan kerana, tarikh yang dinyatakan adalah tarikh sesebuah karya itu disalin bukannya ianya dikarang.¹⁰ Perkara ini turut diperakui oleh C. Skinner. Beliau menyatakan bahawa:

‘It is rare enough to be able to identify the author of a classical Malay work, rare still to be able to identify author and date’¹¹

⁸ Russell Jones dan Rowntree Clare, “An Essay At Dating and Descriptions of A Malay Manuscripts” (1983) KM 1, 1.

⁹ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 87.

¹⁰ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 77-78

¹¹ C. Skinner, *Syair Perang Mengkasar (The Rhymed Chronicle of the Macassar War)*. (the Hague: M. Nijhoff, 1963), 43.

Selain itu, adakala penulis menyatakan jangka masa secara umum seperti zaman pemerintahan seseorang raja atau sultan. Contohnya kitab *Asrar al-Insan fi Ma'rifah al-Ruhwa al-Rahman* (Rahsia Insan dalam Mengetahui Tentang Roh dan Tuhan) karangan Nuruddin al-Raniri yang dinyatakan ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani (1636 - 1641), tanpa memberikan tarikh yang tepat.

Penggunaan tarikh adalah salah satu ciri dalam sastera Melayu Tradisional dan berkemungkinan berasal daripada pengaruh sastera Parsi-Arab. Penggunaannya telah dimulakan oleh pengarang Aceh pada kurun ke-16 M ataupun berasal daripada tradisi budaya Celebes yang kemudiannya diwarisi oleh pengarang di empayar Riau-Lingga pada kurun ke-18 M.¹² Selepas kurun ke-16 M atau 18 M, penggunaan tarikh telahpun menjadi kelaziman dan dengan ini, dapat diketahui tarikh keseluruhan karya-karya disiapkan.¹³ Contohnya manuskrip *Hidayat al-Salikin* (Petunjuk Bagi Orang-orang Salik) yang selesai ditulis oleh Syeikh Ab. Samad al-Palembani (m. 1203 M) bertarikh 5 Muharram 1192 H bersamaan 3 Februari 1778 M di Mekah.

2.2 Penyataan Judul Manuskrip Melayu oleh Penulis atau Penyalin

Judul adalah suatu aspek yang penting dalam proses menghubungkan pembaca dengan manuskrip tersebut. Teeuw menyatakan “...names a kind of landmark, points of recognition, indicating the type of text, and as such conventions of the genre”.¹⁴ Namun,

¹² Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 86-87.

¹³ *Ibid.*, 8.

¹⁴ A. Teeuw, “Indonesia as a Field of Literary Study: A Case Study – Genealogical Narrative Texts as an Indonesian Literary Genre” dalam *Unity in Diversity: Indonesia as a Field of Anthropological Study*. Ed. P.E de Josselin de Jong; Dordrecht: Foris. 1984) 38-39.

realiti kini ramai pengkatalog selaku pendokumen kepada manuskrip telah memberikan judul kepada manuskrip yang dikaji khususnya.¹⁵

Judul atau tajuk sesebuah karya kebiasaannya terdapat di bahagian permulaan atau akhir penulisan sesebuah karya. Namun, adakalanya ianya tidak disebutkan. Hal ini disebabkan beberapa faktor sama ada bahagian permulaan dan akhiran karya tersebut hilang atau sifat penyalin yang merasakan karya yang sedia maklum oleh masyarakat pada ketika ianya terhasil tidak perlu dimaklumkan lagi judulnya. Tetapi, perubahan dan peralihan masa dan suasana, akhirnya judul sesebuah karya tersebut dilupakan dan ditelan masa dan waktu.

Dalam mengatasi masalah ini, para pengkaji memberi nama kepada sesebuah karya mengikut kesesuaian isi kandungan yang dibincangkan. Sebagai contoh, *Kitab Hadis-hadis Nabi Mengenai Sembahyang* adalah judul yang diberikan oleh Mahayudin Haji Yahaya sebagai seorang pengkaji Manuskrip Melayu Islam.¹⁶

Walau bagaimanapun, dalam melakukan penetapan judul kepada sesebuah karya, sarjana terkadang melakukan sedikit kesilapan. Contohnya judul *Peringatan Negeri Johor* yang telah diberikan oleh Kratz kepada manuskrip yang dikajinya.¹⁷ Menurut Matheson judul tersebut kurang tepat kerana tema pokok manuskrip tersebut adalah tentang raja-raja Melayu di Riau, terutamanya Sultan

¹⁵ Abu Hassan Sham, *Masalah-masalah Menentukan Judul Naskhah-naskhah Undang-undang Melayu Lama* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari 1974), 29-36.

¹⁶ Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 16-17.

¹⁷ E.U Kratz, *Peringatan Sejarah Negeri Johor: Eine Malaiische Suelle Zur GeschicHte Johors In 18. Jahrhundert* (Wiesbaden: Otto Harraswitz, 1973), 171. Manakala, menurut Dr Tatiana A. Denisova, Sarjana dalam bidang Manuskrip Melayu menyatakan judul *Sejarah Negeri Johor* diberi oleh John Bottom bukan oleh Kratz.

Sulaiman dan pengikut-pengikutnya.¹⁸Selain itu, T. Iskandar memperkatakan tentang judul *Hikayat Aceh* yang kurang tepat. Beliau menyatakan nama tersebut telah diberikan oleh seorang Eropah yang hanya mengambil separuh daripada ayat dalam hikayat tersebut yang berbunyi ‘Ini hikayat Radja Atjeh daripada asal turun temurun’¹⁹

Maka, dengan misalan yang telah dinyatakan terhadap ketidaktepatan penjudulan kepada manuskrip, seharusnya manuskrip tersebut diberi judul dengan tepat mengikut tema yang dibincangkan. Kemungkinan kesilapan yang berlaku disebabkan faktor kehilangan bahagian yang tertera judul tersebut. Selain itu, pengesanan judul manuskrip juga dilakukan dengan meneliti keseluruhan karya dan karya-karya lain daripada penulis yang sama. Berkemungkinan penulis akan menyatakan judul sesebuah karya di dalam karya yang telah ditulis.

2.3 Susunan dan Gaya Penulisan Manuskrip Melayu

Setiap manuskrip terutamanya kitab Jawi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu mukaddimah yang menggunakan pendekatan doksologi Islam iaitu yang termuat pada permulaan penulisan, ia didahului dengan bacaan *basmalah (bismillah)*, diikuti doa pendek seperti *wabihi nasta'in* dan doa yang panjang yang mengandungi pujian kepada Allah dan selawat ke atas Rasul-Nya seperti *Alhamdulillah Rab il-alamin... Wassalatu wassalamu ala Rasulika Saidina Muhammad*. Antara contoh doksologi ialah yang tertera di dalam naskhah *Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra' wa al-Mi'raj (MSS 484)*.²⁰

BISMILLAHIRRAHMANURRAHIM...


“kumulai kitab ini dengan nama Allah yang amat murah lagi yang amat mengasihani akan hambanya yang mukmin di dalam negeri akhirat”

¹⁸Virginia Matheson, “Concepts of Malay Ethos in Indigenous Malay Writings,” *JSAS* 10, no.2 (September 1979), 353.

¹⁹T. Iskandar, “de Hikayat Atjeh,” *VKI*, 26(1959), 19.

²⁰Disalin oleh Wan Abdul Rahman ibn al-Marhum Wan Abd Ghafar Patani pada 5 Rabiul Akhir 1291 H di Meka, Manuskrip ini membicarakan tentang kisah peristiwa Isra' dan Mikraj. Lihat Katalog Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Gambar 2.1:
Contoh bentuk hiasan dan penulisan Manuskrip Melayu



Sumber: *Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra' wa al-Mi'raj* (MSS 484)

Manakala, bahagian isi lazimnya dimulakan dengan ‘*amma ba’du*’ atau ‘*syahadan*’ yang membawa maksud ‘*sebermula*’. Dari segi penyampaian, isi terdapat dua cara yang digunakan iaitu dengan mengemukakan teks dalam bahasa Arab (ghalibnya dakwat berwarna merah) dan terjemahannya (ghalibnya dakwat berwarna hitam) dan cara kedua ialah terus menggunakan bahasa Melayu. Perkataan ‘*ya’ni*’ atau ‘*mafhum*’ digunakan bagi tujuan menerangkan maksud ayat al-Quran dan hadis. Seterusnya, istilah ‘*talib*’ digunakan untuk tujuan ditujukan kepada pembaca. Contohnya ‘ketahuilah olehmu wahai talib...’²¹. Antara contohnya ialah manuskrip *Hidayah al-Salikin* (MSS 2467):²²

‘bermula’

“adapun hasad *ya’ni* dengki maka iaitu sebesar-besar kejahatan manusia yang dicela oleh syara”²³

‘ketahui olehmu’

²¹ *Ibid.*, 21.

²² Manuskrip ini selesai disusun dan diterjemah oleh Abdul Samad Jawi Falembangi pada Hari Selasa, 5 Muharram 1192 (3 Februari 1778 M) di Mekah, Tamat disalin pada 24 Jamadil Akhir 1287 H (21 September 1870 M). Manuskrip ini membicarakan tentang ilmu Feqah dan Tasawuf yang terkandung di dalam satu mukaddimah, 7 bab dan 1 khatama. Katalog Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Pertama, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. 1990), 165.

²³ *Ibid.*, 164. Perkataan ‘adapun’ ditulis dengan dakwat berwarna merah

“ketahui olehmu bahawa hasad itu membatalkan akan ibadat mu dan mendatangkan ini murka Allah”²⁴

Bahagian penutup (kolofon) yang mana biasanya mengandungi doa yang ringkas seperti *Wallahualamu bis sawab*. Ia juga disertai dengan doa yang panjang berupa pujian kepada Allah dan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w., dan kenyataan selesainya sesebuah penulisan. Faktor agama menjadi teras kepada Manuskrip Melayu khususnya agama Islam. Dari sudut gaya penulisan, setiap Manuskrip Melayu sama ada yang bercorak agama atau sebaliknya akan mengetengahkan syiar Islam sekurang-kurangnya di permulaan kata iaitu ucapan *basmalah* kerana pengaruh Islam dan karya-karya tersebut dihasilkan oleh orang-orang Islam.²⁵ Antara contoh kolofon yang terdapat di dalam manuskrip *Hidayah al-Salikin* (MSS 2467):


ترسورة فدا دو فوله امفت ليكر بولن جمادال اخر درفدا تاهن سريب

”درتس لافن فوله / توجه 1287

²⁴*Ibid.*, 164. Perkataan ‘ketahui olehmu’ ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah,

²⁵Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, xviii. Namun, pengkajian terhadap isi kandungan serta objektif penulisannya perlu dilakukan kerana tidak semestinya dengan ucapan perkataan *Basmalah* itu telah mewajarkan ianya sebuah karya dalam lingkungan karya Islam kerana terdapat manuskrip yang bertujuan mengelirukan orang Islam. Contohnya, naskhah *al-Taurah al-Muqaddasah: Sifr al-Khaliqah*, kitab Taurat yang diterjemah dari bahasa Arab ke Bahasa Melayu pada abad ke 17 M yang dimulakan dengan ucapan *Basmala*.

Gambar 2.2:
Bentuk Penulisan Bahagian Kolofon



Sumber: *Hidayah al-Salikin* (MSS 2467)

Selain itu, tajuk kitab atau judul kitab pula disebut sama ada di bahagian permulaan atau akhiran kitab, dan kadang-kadang di mana-mana bahagian disebabkan beberapa faktor, antaranya bahagian permulaan dan akhiran kitab hilang. Pada permulaan penulisan juga akan disertakan tarikh permulaan penulisan atau penyalinan manuskrip. Sekiranya tarikh berada di akhir penulisan, ia biasanya menunjukkan tarikh manuskrip itu selesai ditulis.²⁶

i. Seni Hias atau Iluminasi Manuskrip Melayu

Menurut Brown (1994), iluminasi di dalam bahasa Inggerisnya yang disebut *illumination* berasal dari perkataan Latin iaitu ‘*illuminare*’ yang

²⁶*Ibid.*, 20-21.

bermaksud 'untuk menerangkan atau menghias'.²⁷ Seni hias Manuskrip Melayu biasanya berbentuk corak hiasan yang menggunakan motif bunga, dedaun atau geometri dalam pelbagai warna dan kadangkala ditambah dengan warna emas dan warna perak. Namun, warna perak jarang digunakan.²⁸

Pengarang Manuskrip Melayu menghayati sepenuhnya larangan agama Islam terhadap pemaparan makhluk hidup atau tiada bukti wujudnya tradisi gambar figura dalam Manuskrip Melayu, kecuali bagi manuskrip yang lebih lama terutamanya dari Pulau Jawa. Namun, teks tentang tasawuf biasanya memasukkan lakaran atau gambar rajah esoterik.²⁹

Teks manuskrip juga direka dengan menurut gaya Islam yang khas dengan dua halaman berhadapan yang berhiasan simetri serta mengandungi kolofon berbentuk segitiga tirus yang biasanya dihias dengan warna yang cantik.³⁰ Dari segi tulisan, penulisan Manuskrip Melayu menggunakan kaligrafi atau seni khat yang merupakan fenomena seni yang indah, menarik dan tersusun serta digolongkan sebagai kemuncak kepada etika kesenian Islam yang tinggi. Jenis tulisan yang digunakan ialah khat *Nasakh*, *Riq'ah*, *Thuluth*, dan sebagainya.

Hiasan al-Quran al-Karim dan manuskrip agama yang lain umumnya dikenali sebagai 'sastera kitab' dalam dunia Melayu merupakan kemuncak

²⁷ Brown, Michelle P., *Understanding Illuminated Manuscripts: A Guide to Technical Term*. (London: The J. Paul Getty Museum in association with the British Library, 1994), 69.

²⁸ Annabel Teh Gallop, "Seni Hias Manuskrip Melayu," dalam *Warisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: PNM, 2002), 234.

²⁹ *Ibid.*, perkataan ini berasal dari perkataan Inggeris 'esoteric' iaitu sesuatu yang dapat difahami oleh kumpulan tertentu yang mempunyai pengetahuan yang khusus. Di sini merujuk kepada kumpulan Tasawuf

³⁰ *Ibid.*, 234.

kepada seni Manuskrip Melayu.³¹ Ghalibnya Manuskrip Melayu ditulis dengan tulisan berdakwat hitam. Disebabkan tiada sistem tanda baca melalui kaedah huruf besar atau kecil dalam tulisan Jawi, maka kaedah rubrikasi diguna pakai. Amalan ini dilakukan terhadap perkataan di permulaan ayat dengan menggunakan warna merah seperti 'syahadan', 'alkisah', dan sebagainya. Selain itu, ia juga digunakan dalam menyatakan dalil daripada ayat al-Quran.³²

Selain itu, dalam seni perhiasan, bentuk paling ringkas ialah bingkai ringkas bagi teks. Dalam sesetengah teks, hanya beberapa halaman sahaja yang menggunakan garis. Terdapat sesetengah teks pula dihiasi garisan pada keseluruhan teks. Manakala, bingkai berhias pula kebiasaannya diaplikasikan pada permulaan teks. Pada halaman-halaman seterusnya tidak dihiasi dengan hiasan berbingkai. Walau bagaimanapun, sesetengah manuskrip mempunyai hiasan pada halaman akhir yang terkadang mempunyai kolofon yang mempunyai maklumat mengenai manuskrip tersebut.

Annabel Teh Gallop (2002) dalam membicarakan bentuk seni hias ini, membuktikan bahawa seni hias juga dipengaruhi oleh faktor kedaerahan. Hal ini dilihat melalui perbezaan hasil karya yang lahir di Aceh dan Pantai Timur memandangkan dua kawasan ini dikatakan menghasilkan sejumlah besar Manuskrip Melayu berhias.³³

³¹ Proudfoot, Ian and Hooker, Virginia, "Mediating Space and Time: The Malay Writing Tradition" dalam *Illumination: Writing Traditions of Indonesia*, ed. Ann Kumar dan John, McGlynn. (Jakarta: Lontar Foundation, 1996), 60.

³² Annabel Teh Gallop, "Seni hias Manuskrip Melayu," 238. Lihat juga De Hamel, Christopher, *A History of Illuminated Manuscripts* (Phaidon, 1950), 63.

³³ Annabel Teh Gallop, "Seni Hias Manuskrip Melayu," 246-256.

2.4 Nama Pengarang Atau Penyalin Manuskrip Melayu

Siapakah yang menghasilkan karya ini? Lazimnya sukar sekali pengarang Melayu meletakkan namanya pada karya sendiri. Mahayudin Haji Yahaya (2000) menyatakan bahawa suasana penulis, penyalinan dan penterjemah Melayu yang diterap dengan nilai-nilai Islam yang mendorong umatnya bersifat tawadhu'. Terutamanya apabila seseorang pengarang tersebut adalah pengamal Tasawuf.³⁴

Amin Sweeney (1980) menyatakan bahawa norma masyarakat Melayu yang tidak mahu seseorang itu menunjuk-nunjuk diri sendiri dalam keadaan secara langsung dan nyata.³⁵ Maka, hasil pengarang dianggap sebagai hasil bersama seluruh masyarakat. Umumnya, penulis akan menggelarkan diri mereka sebagai '*faqir*', '*faqiryanghina*', '*faqiryangdhaif*', dan sebagainya. Sekiranya terdapat nama penulis atau pengarang asal sesebuah karya, ghalibnya ia ditulis oleh penyalin atau pemilik karya tersebut. Selain itu, terdapat juga kes penulis atau pengarang akan menyebut hasil karyanya di dalam karya yang lain secara tidak langsung. Contohnya *Syarh Jawharah al-Tawhid*.³⁶

2.5 Peralatan Menulis Manuskrip Melayu

Hasil kekreatifan masyarakat alam ini dan semangat ingin merakamkan ilmu melalui medium penulisan, sesebuah manuskrip dihasilkan dengan menggunakan beberapa peralatan sama ada bersumberkan flora dan fauna atau bahan-bahan lain yang boleh membantu dalam proses penghasilan manuskrip bersesuaian dengan kemudahan yang minimum berbanding penulisan masa kini. Antara peralatan yang digunakan ialah:

³⁴ Mahayudin Haji Yahya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, 55.

³⁵ Amin Sweeney, *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature* (Berkeley: Center for South and South East Asia Studies, University of California, 1980), 25.

³⁶ Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, 14-15.

i. Penggunaan Kertas Sebagai Medium Penulisan

Hampir semua Manuskrip Melayu yang masih terpelihara ditulis pada kertas. Amat sedikit Manuskrip Melayu yang masih terpelihara ditulis pada bahan-bahan selain daripada kertas yang mudah didapati seperti buluh, kulit, daun dan sebagainya. Penggunaan kertas secara meluas ini menimbulkan banyak tanda tanya memandangkan tradisi penggunaan bahan tulisan bukan kertas dipercayai telah lama bertapak di alam Melayu iaitu sejak zaman Hindu lagi, khususnya penggunaan daun lontar.

Wan Ali Wan Mamat (1988) mengatakan bahawa kertas yang digunakan dalam penulisan di Nusantara diimport dari China, India dan Persia (Iran).³⁷ Dapat dikatakan hampir kesemua manuskrip yang bertulisan Jawi menggunakan bahan kertas termasuk yang tertua sama ada dalam bentuk buku atau surat yang masih terpelihara.³⁸ Kertas telah digunakan dengan meluas setelah ketibaan Islam ke alam Melayu dan timbul keperluan untuk menyalin al-Quran dan pelbagai kitab untuk menguatkan kefahaman masyarakat kepada Islam.

Manakala Siti Hawa Salleh (1984) pula mengatakan bahawa kertas Arab dan Cina telah dibawa untuk kegunaan tersebut disamping kertas Eropah yang meningkat penggunaannya selepas ketibaan orang Eropah selepas abad ke-16 M dan setelah aktiviti penyalinan manuskrip dilakukan secara meluas.³⁹ Oleh itu, jenis kertas yang digunakan dalam penulisan Manuskrip Melayu ialah kertas dari

³⁷ Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*, 13.

³⁸ Wan Ali Wan Mamat, "Penyediaan Halaman Kertas Untuk Penulisan Manuskrip Melayu," dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 227.

³⁹ Siti Hawa Salleh, "Alatulis Melayu Tradisional," dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 214. Lihat _____, "Kata Pengantar Manuskrip Melayu Warisan Negara" (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 5.

China, India, dan Arab pada abad ke-16, manakala pada abad ke-19 M kertas Eropah seperti dari England telah digunakan.

Menurut Wan Ali Wan Mamat (1997), penggunaan begitu banyak kertas Eropah dikaitkan dengan beberapa faktor. Antaranya ialah keadaan dan suasana alam Melayu yang menjadi jajahan kolonial untuk sekian lama. Perusahaan membuat kertas di tanah Arab telah menurun beberapa abad sehingga mereka juga mengimport kertas Eropah untuk tujuan menulis manuskrip.⁴⁰ Di samping itu, secara komparatifnya, ketidaksuaian kertas buatan Asia yang bersifat agak nipis yang menyukarkan proses penulisan manuskrip.

Pada zaman permulaan Islam, alat tulis utama masyarakat Arab-Islam ialah kulit binatang dan *papyrus*. Namun, tidak lama selepas itu, iaitu pada pertengahan abad ke-8, kertas telah diperkenalkan kepada dunia Islam sebagai alat tulis oleh orang Cina. Beberapa orang Cina yang menjadi tawanan perang semasa peperangan dengan angkatan Islam di tebing Sungai Tharaz, Turkestan pada tahun 751 mempunyai kemahiran membuat kertas. Daripada mereka dunia Islam mulai membina industri kertas menggunakan bahan mentah pohon flax.

Namun, tidak dinafikan akan penggunaan bahan lain sebagai media penulisan. Terutamanya ketika kertas sukar diperolehi. Munsyi Abdullah mencatatkan bahawa pada pertengahan abad ke-19 bahan yang digunakan oleh kanak-kanak di sekolah Melayu di Melaka menggunakan kayu pulai (*Alstonia scholaris*) sebagai papan tulis. Manakala, seorang pegawai *Madras Light Infantry* yang berada di Melaka pada tahun 1802-1835, Thomas John Newbold

⁴⁰ Wan Ali Wan Mamat "Kegiatan pengumpulan manuskrip Melayu," dalam *Jurnal Filologi*, Jil. 6, PNM 1997), 228-229.

(1807-1850) pula menyatakan bahawa orang Melayu akan menulis di atas daun-daun jika tidak mempunyai kertas. Beliau menyatakan:

“They (the Malays) used the sharp back of the ijo (ijok) for writing, and write in a still Arabic character on paper, and when they cannot procure this, on leaves of certain trees”.⁴¹

Dipercayai bahawa kertas yang digunakan untuk menulis Manuskrip Melayu sebahagian besarnya adalah buatan asing, diimport sama ada dari Barat atau pun Timur. Terdapat beberapa kilang kertas kecil di Indonesia pada abad ke-18 dibina oleh pihak kolonial. Tetapi kemampuannya amat terbatas.

Kertas dipercayai dibawa masuk ke alam Melayu untuk kegunaan persendirian dan kadangkala juga sebagai barangan perniagaan oleh mereka yang pergi menunaikan fardu haji di Mekah. Malah, banyak Manuskrip Melayu yang terhasil di sana memandangkan ramai cerdik pandai Melayu mendapat pendidikan di sana dan bergiat aktif dalam usaha mengarang kitab. Kemudian, karya mereka diterjemahkan dan disalin semula. Ketika Snouck Horgronje berada di Mekah pada pertengahan abad ke-19, beliau menyebut betapa ramainya orang Melayu yang menetap di Mekah.⁴²

Kertas yang digunakan di Mekah pada abad ke-18 dan ke-19 terutamanya bukanlah kertas buatan Arab memandangkan industri pembuatan kertas di Eropah telah berkembang. Hal ini turut berlaku di alam Melayu. Amat

⁴¹ Thomas John Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, (London: Oxford University Press, 1971) vol. 2., 194.

⁴² Hurgronje, Snouck, *Mecca in the Latter Part of the 19th Century* (Leiden: Brill, 1931).

sedikit Manuskrip Melayu yang ditulis menggunakan kertas dari Timur seperti Arab, Parsi, India dan Cina.

ii. Penggunaan *Qalam* atau Pena

Atas dasar kemahiran dan kreativiti serta inovasi masyarakat rantau ini, mereka mencari pelbagai inisiatif dalam menterjemahkan buah fikiran melalui peralatan yang digunakan untuk merakamkan sesebuah penulisan. Antara alat penulisan yang dicipta ialah *qalam* atau pen yang digunakan untuk menulis. Masyarakat menggunakan bahan yang diperoleh di sekeliling mereka. Antara pena yang digunakan ialah pena kabung dan pena resam yang berasal dari tumbuh-tumbuhan. Pena kabung diperbuat daripada duri pokok kabung atau dikenali juga pokok enau. Manakala, pena resam pula ialah batang yang diperolehi dari pokok yang sederhana besar dan diraut menjadi pena. Namun, pena dari jenis resam kurang diminati berbanding pena kabung memandangkan mata penanya cepat kembang dan berbulu serta perlu selalu dipertajamkan.

Selain itu, terdapat satu lagi pena yang digunakan oleh masyarakat Melayu ialah pena bulu yang diperbuat daripada bulu binatang seperti angsa, itik, dan burung helang. Cara ianya dijadikan pena ialah hujung bulu tersebut akan dipotong serong dan diraut halus untuk dijadikan mata pena. Walau bagaimanapun, pena dari jenis bulu juga kurang mendapat tempat di hati masyarakat memandangkan ianya mudah kering dan perlu selalu dipertajamkan.⁴³

iii. Penggunaan Dakwat Untuk Menulis

Dakwat merupakan salah satu aspek penting dalam usaha menterjemahkan hasil tulisan ke atas media penulisan. Selain kertas yang dibawa

⁴³ Wan Ali Wan Mamat, "Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip Melayu," dalam *Warisan Manuskrip Melayu*. (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002), 32.

dari China dan Eropah, dakwat juga dibawa. Namun, keperluan yang terhad ini membawa kepada penghasilan dakwat sendiri mengikut daya kreativiti dan inisiatif masyarakat tempatan. Dengan teknologi yang minimum, mereka menjadikan sumber alam semula jadi sebagai dakwat. Menurut Wan Ali Wan Mamat, masyarakat Melayu menghasilkan dakwat melalui pelbagai cara. Antaranya:⁴⁴

- a) Jelaga dikumpulkan mengikut kadar tertentu. Seterusnya, segenggam getah gajus yang telah dikeringkan dan bersih ditumbuk sehingga menjadi debu. Sedikit kulit manggis masak dibakar hingga kering dan seterusnya ditumbuk hingga lumat. Sedikit lada hitam juga digoreng dan ditumbuk hingga lumat. Seterusnya, semua bahan dicampurkan dan direbus sehingga larut. Seterusnya, dicampur dengan sedikit minyak kelapa dan garam dan seterusnya dikeringkan.
- b) Sarang lelabah, terutamanya yang lama dan hitam dikumpulkan dan dibersihkan. Sedikit kulit buah-buahan seperti manggis masak, rambutan muda, buah jering dan sebagainya yang telah dibakar dan ditumbuk hingga lumat dicampurkan. Seterusnya, campuran ini akan dimasukkan ke dalam bekas yang berisi air dan sedikit minyak kelapa. Seterusnya, ia akan diperam untuk beberapa hari dan boleh digunakan sebagai dakwat.
- c) Sedikit arang, getah pokok gajus yang kering dan bersih serta beras pulut ditumbuk hingga lumat secara berasingan. Kemudian, bahan tersebut dimasukkan ke dalam satu bekas yang berisi air dan direbus supaya menjadi larutan. Seterusnya, larutan tersebut dituang ke dalam satu

⁴⁴ Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1988), 17-19.

cantuman kain dan hasil titisan daripada kain tersebut digunakan sebagai dakwat.

Terdapat beberapa rekod tentang teknik pembuatan dakwat hitam oleh masyarakat Melayu pada zaman silam. William Marsden, di dalam bukunya, *History of Sumatra* mencatatkan bahawa dakwat di sana diperbuat daripada campuran jelaga dan telur putih.⁴⁵ Manakala, Virginia Matheson juga merekodkan kaedah membuat dakwat oleh masyarakat iaitu dengan menggunakan sawang jelaga api atau dapur atau arang serta campuran atau bahan-bahan lain untuk mengekalkan dakwat lekat di atas kertas atau kain sebagai medium penulisan. Selain itu bendalir sotong gurita, getah kulit manggis dan bunga senduduk juga digunakan.⁴⁶

Munshi Abdullah di dalam hikayatnya menyatakan bahawa dakwat-dakwat yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu Melaka pada zamannya diperbuat daripada beras yang dibakar hangus sehingga bertukar menjadi arang, dicampurkan dengan air dan seterusnya ditapis untuk memperolehi dakwat. Jelaga adalah bahan paling utama dalam pembuatan dakwat hitam. Tiga sumber utama untuk memperolehi jelaga ialah asap pelita ayam, sarang lelabah lama dan jelaga-jelaga yang didapati pada periuk. Satu ciri penting dakwat tradisional ialah kekerapan menggunakan kulit buah-buahan sebagai bahan campuran dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutunya, terutama sekali mutu kilauan dan kuasa pelekapannya. Pelbagai jenis buah digunakan antaranya kulit buah manggis masak

⁴⁵William Marsden, *The History of Sumatra, containing an account of the government, laws, customs and manners of the native inhabitants, with a description of the natural productions, and a relation to the ancient political state of that island ; with corrections, additions, and plates.* (London, 1811), 182.

⁴⁶Matheson, V., *Tuhfat al-Nafis, Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1982), xxiv.

dan rambut muda. Selain itu, pelepas yang terdapat pada batang gajus dan minyak kelapa untuk melicinkan pengaliran dakwat semasa digunakan serta garam untuk mengurangkan bau busuk dan air.⁴⁷

Selain dakwat berwarna hitam, terdapat juga dakwat berwarna lain iaitu merah, hijau, ungu, dan sebagainya yang juga dihasilkan melalui kaedah tersendiri. Antaranya untuk mendapatkan dakwat berwarna hijau yang terhasil daripada larutan campuran jus daun tarum tua indigo dan putik kelapa. Selain itu, warna biru yang menggunakan daun tarum indigo, warna kuning yang terhasil daripada campuran kunyit dan kapur yang diperam dan warna merah yang diperbuat daripada teras batang kayu sepang *Brazilwood*.

Kaedah membuat dakwat selain daripada dakwat berwarna hitam terakam di dalam manuskrip berjudul *Adat Segala Raja-raja Melayu* (MS 21041), yang tersimpan di SOAS:

“berbuat dakwat emas, maka ambil air yang hening, bubuh pada satu bekas. Maka ambil perada dahulu, bubuh pada tapak tangan. Maka disirongkan serta dihuli dengan tangan. Tahankan pada bekas air yang hening itu, jangan diberi lumat habis hanyut. Maka air itu dibuangkan. Maka tinggalkan emas semata-mata. Maka ambil air isi getah maja, bubuhkan pada emas itu. Setelah baik rupanya maka ambil daun sudu-sudu. Maka gosok-gosok perah airnya bubuhkan pada emas itu nescaya baik warnanya itu.”⁴⁸

Manakala, cara menghasilkan dakwat hijau pula, dicatatkan dalam manuskrip yang sama:

“berbuat dakwat hijau ambil artal setahil. Maka huli baik-baik. Setelah sudah maka ambil tarum daunnya dan akarnya, maka giling lumat-lumat. Maka ambil airnya, campurkan pada artal itu

⁴⁷ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah I* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1962), 23.

⁴⁸ Wan Ali Wan Mamat “Persiapan untuk kerja menulis manuskrip Melayu”, 31.

dan penghancurnya pun dengan air tawar juga. Akan perekatnya dadah atau getah yang disebut di atas itu. Tamat.”⁴⁹

3. Perkembangan Penulisan Dan Pengumpulan Manuskrip Melayu

3.1 Peringkat Awal Dan Peranan Istana Sebagai Skriptoria (Sekitar Abad ke-15)

Membicarakan peringkat awal tradisi penulisan Manuskrip Melayu, tidak dapat tidak melihat peranan istana sebagai institusi yang mempunyai peranan besar dalam menjayakan tradisi ini. Hal ini kerana, pemusatan segala aspek kehidupan adalah berpusatkan kepada istana yang mana kuasa Sultan sebagai pemerintah adalah kuasa yang tertinggi dalam menjayakan setiap aktiviti kehidupan. Antaranya istana Melaka yang menggalakkan aktiviti keilmuan dan keintelektualan, istana Aceh, dan sebagainya.

Dalam membuktikan dan menyatakan bilakah dan apakah naskhah manuskrip terawal dihasilkan, para sarjana tidak mempunyai kata sepakat. Hal ini kerana, masing-masing mempunyai bukti yang berlainan mengikut penemuan tersendiri. Faktanya, dalam menentukan bilakah dan apakah tarikh dan judul Manuskrip Melayu Islam yang terawal yang dihasilkan adalah suatu perkara yang tidak berpenghujung. Para sarjana berbeza pandangan berkenaan bilakah tarikh yang tepat dalam menentukan manuskrip tertua yang ditulis. Umumnya, mereka berpandangan bahawa sejak abad ke-15 M proses penulisan ini telah berkembang dan mencapai tahap kegemilangannya pada abad ke-17 M ketika Aceh sebagai pusat Kesultanan Islam.⁵⁰

Selain itu, penentuan naskhah manuskrip yang tertua juga masih diperdebatkan antara pengkaji manuskrip sama ada dari Barat dan tempatan. Antaranya de Casparis,

⁴⁹ *Ibid.*, 32.

⁵⁰ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 62.

Johns, S. van Ronkel, Syed Naquib al-Attas dengan menyatakan bukti dan pandangan masing-masing. Menurut de Casparis (1956), penulisan Manuskrip Melayu Jawi bermula selepas 1500 dengan mengatakan:

“Almost all the source materials before that date are inscriptions engraved in stone or metal with only one or two extant manuscripts, but after 1500 there are only few inscriptions but a wealth of manuscripts”.⁵¹

Manakala, Johns menyatakan:

“There are no literary works surviving in that language (Malay) which can be dated earlier than the fifteenth century”.⁵²

Sementara S. Van Ronkel berpendapat bahawa naskah Melayu tertua yang ditemui setakat ini bertarikh tahun 1600.⁵³ Namun, pendapat Ronkel telah disangkal oleh sarjana tempatan iaitu Syed Naquib al-Attas melalui hasil karya beliau iaitu *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay translation of the 'Aqaid of al-Nasafi*. Naskhah ini bertarikh tahun 1590.

Namun, menurut Mahayudin Haji Yahaya (1997), pandangan ini juga masih boleh disangkal memandangkan beliau menyatakan berkenaan dua naskah yang menjadi milik dua beradik yang ditempatkan di Jerman. Kedua naskhah ini dikatakan ditulis pada abad ke-13 M.⁵⁴ Selain itu, terdapat juga pengkaji yang menyatakan berkenaan hal ini dengan mengemukakan bahawa surat-surat dari Sultan Hayat Ternate kepada Raja Portugis adalah yang tertua kerana ianya ditulis pada 1521 dan 1522.⁵⁵

⁵¹ Vlekke, *Nusantara: a History of the East Indian Archipelago*. (The Hague: W. Van Hoeve, 1959), 11.

⁵² Johns, A.H, “Genesis of a Modern Literature,” dalam McVey, Ruth T, Indonesia. (New Haven: HRAF Press), 410.

⁵³ P, S van Ronkel, “Account of Six Malay Manuscripts of the Cambridge University Library, dalam BKL, (1896), 1-7.

⁵⁴ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, 63.

⁵⁵ Hamdan Hassan, “Tradisi penulisan Sastera Melayu Tradisional,” *Jurnal Filologi Melayu* 6, (1997), 17-18.

Namun, sebaliknya juga terdapat pandangan yang menyatakan aktiviti penulisan ini sudah bermula pada abad sebelum itu setidak-tidaknya pada abad ke-9 M. Hal ini kerana, pada ketika ini terdirinya Kerajaan Islam Perlak di Utara Sumatera. Kitab *Izhar al-Haqq* (Kebenaran yang Nyata) ada menyatakan tentang terdirinya kerajaan ini. Pengarang kitab ini mengatakan bahawa pada tahun 840 telah terdiri sebuah kerajaan Shiah di Perlak dan raja pertamanya bernama Sayid Abd Aziz.⁵⁶ Kerajaan Islam Perlak bertahan sehingga abad ke-12 dan pada fasa terakhir pemerintahan, lahir sebuah naskhah berbahasa Arab yang diberi nama *Bahr al-Lahut* karangan Abdullah Arif yang mana beliau dikatakan tiba di Perlak pada abad ke-12.⁵⁷ Kitab ini telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu yang mana tarikh dan masanya tidak dinyatakan. Setakat ini terdapat dua naskhah *Bahr Lahut* iaitu naskhah berbahasa Arab tersimpan di Perpustakaan Kuno Zauyah Tgk Cheiek, Tanoh Abee, Aceh Besar dan naskhah kedua yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu ditemui di Kampung Pernu, Melaka.

Selain itu, Abu Hassan Sham (2006) menyatakan bahawa seandainya kerajaan Islam Pasai diyakini merupakan daerah pertama Islam di rantau ini seperti yang terakam di dalam *Sulalatus Salatin* (Salasilah Segala Raja-raja), maka berkemungkinan terhasilnya karya adalah bermula di sini.⁵⁸ Walau bagaimanapun, sukar sekali menentukan karya-karya yang lahir kerana teks-teks yang wujud adalah hasil daripada proses penyalinan.⁵⁹

Walaupun para sarjana berselisih pandangan berkaitan tarikh dan naskhah terawal, namun, persepakatan tercapai dalam menyatakan era gemilangnya tradisi

⁵⁶ A. Hasjmy (Prof), (1981), "Adakah Kerajaan Islam Perlak Negeri Islam Pertama di Asia Tenggara?" dalam *Sejarah Masuknya dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, (Aceh: Pt. al-Maarif, 1981), 146-148.

⁵⁷ *Ibid.*, 64.

⁵⁸ Abu Hassan Sham, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu," Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, (10-11 Julai 2006), 42.

⁵⁹ *Ibid.*, 43.

penulisan ini iaitu ketika giliran era Kesultanan Islam di Aceh pada abad ke-17. Walau bagaimanapun, faktor yang penting dalam memperkatakan perkembangan pada tahap awalnya ialah faktor naungan istana sebagai skriptoria Melayu yang rancak menjalankan tradisi ini. Tambahan pula faktor minat para sultan terhadap tradisi dan perkembangan agama melalui medium ini juga antara faktor penguat perkembangan pada fasa awal perkembangannya.

3.2 Fasa Kegemilangan Penulisan Manuskrip Melayu (kurun ke-16 hingga ke-17)

Setelah tewasnya Kesultanan Melayu Melaka ke tangan pihak penjajah Portugis pada 1511, Aceh mengambil alih dan meneruskan serta memantapkan lagi kegemilangan Kesultanan Melayu Islam. Ianya berlaku pada abad ke-16M dan 17 M. Para sarjana bersepakat menyatakan bahawa era ini juga merupakan fasa kegemilangan penulisan Manuskrip Melayu. Antara faktor pendorong ke arah kecemerlangan dan kegemilangan ini ialah sistem pendidikan pondok atau pesantren yang diberi perhatian oleh pihak pemerintah.

Selain itu, dengan kemunculan para ulama yang produktif menghasilkan karya tersendiri yang akhirnya menjadi sumber rujukan dalam segenap bidang ilmu. Tambahan pula, status dan kedudukan para ulama yang mendapat tempatan serta dorongan daripada pemerintah di era ini juga antara faktor penting kegemilangan tradisi ini. Tokoh ulama ini bukan sahaja memainkan peranan sebagai ulama yang merangkap penulis semata, namun berperanan di dalam hal ehwal pemerintahan negara seperti ditugaskan sebagai kadhi, mufti, dan sebagainya. Mereka memainkan peranan dengan

menggunakan kemudahan kantor atau pejabat dalam usaha menjalankan penulisan di samping menggunakan pesantren yang menjadi tempat pengajian.⁶⁰

Antara tokoh yang banyak menyumbang pada era ini ialah Hamzah Fansuri (m. 1607 M).⁶¹ Menurut Wan Mohd Shaghir, beliau menghasilkan sebanyak 13 judul karya dalam bentuk prosa dan puisi. Antaranya ialah *Asrar al-Arifin fi Bayan al-Suluk wa Al-Tauhid* (Rahsia Orang yang Arif dalam menerangkan Suluk dan Tauhid), *Syarab al-Asyiqin* (Minuman Bagi Orang yang Asyik), *al-Muntahi*, *Zinat al-Muwahhidin* (Perhiasan bagi Orang yang Bertauhid), dan sebagainya. Beliau merupakan ulama bebas dalam menjalankan aktiviti agama tanpa terikat kepada apa-apa jawatan pentadbiran kerajaan. Hal ini jelas digambarkan melalui rangkap syair beliau:

Aho segala kamu yang menjadi faqir!
Jangan bersahabat dengan raja dan amir
Kerana Rasulullah basir dan nazir
Melarangkan kita saghir dan kabir.⁶²

Selain itu, Syamsuddin al-Sumaterani (m. 1630 M) adalah antara barisan ulama Aceh yang mendapat nama melalui penghasilan karya. Beliau merupakan murid kepada Hamzah Fansuri dan merupakan seorang mufti bergelar Syeikhul Islam dan sekaligus berperanan sebagai penasihat Kanan kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1604-1636 M). Menurut Hooker, terdapat banyak karya beliau yang telah

⁶⁰*Ibid.*, 46.

⁶¹Tidak banyak diketahui mengenai riwayat hidup dan latar belakang Hamzah Fansuri. Di mana dan bila beliau dilahirkan masih samar. Yang diketahui beliau berasal dari Fansur (Barus). Menurut al-Attas, beliau hidup sebelum pemerintahan Sultan Alauddin Ria'yat Syah, Aceh (1588-1604) berakhir dan meninggal sebelum 1607. Naquib Al-Attas, "New Light of the Life of Hamzah Fansuri," *JMBRAS* XI, no.1, (1967), 48. Hamzah hidup di antara 1550-1600. Naquib Al-Attas, *The Origin of Malay Sha'ir* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 11.

⁶²Syed Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 21-24.

hilang.⁶³Manakala, menurut Wan Mohd Shaghir, melalui kajian yang telah beliau lakukan terdapat 24 judul yang telah dihasilkan oleh ulama besar ini.

Manakala, Nuruddin al-Raniri (m. 1658 M) antara ulama produktif yang lahir di era Aceh dengan pelbagai karya yang hebat.*Sirat al-Mustaqim* (Jalan yang Lurus),*Durar al-Faraid bi Syarh al-Aqaid*, *Hidayah al-Habib fi Targhib wa al-Tarhib*, dan banyak lagi barisan senarai naskhah yang telah dihasilkan oleh beliau.

Selain itu, Abdul Rauf al-Singkel (m. 1690 M)⁶⁴ juga antara ulama yang mencipta nama di era kegemilangan ini. Menurut T. Iskandar, beliau merupakan antara pengarang Aceh yang menghasilkan karya yang bersifat ilmu pengetahuan. Beliau merupakan murid kepada Nuruddin al-Raniri. Antara sumbangan besar yang diwariskan ialah beliau merupakan ulama pertama yang menyusun tafsir Al-Quran dalam bahasa Melayu yang berjudul *Turjuman al-Mustafid* yang merupakan terjemahan dan ulasan daripada kitab *al-Baidhawi*. Manakala, dalam disiplin ilmu Fiqh, karyanya yang berjudul *Mar'atul Tullab* (Cermin Penuntut) berdasarkan mazhab Syafie sangat terkenal di Nusantara. Kitab ini ditulis atas permintaan Taj Alam Sifiyat Al-Din Riayat Syah binti Sultan Iskandar Musa. Kitab ini juga menjadi sumber rujukan para hakim di Aceh dalam pelaksanaan hukum syara'.⁶⁵

Selain pengarang yang berautoriti dari sudut penguasaan ilmu agama dan falsafahnya, hasil penulisan dari zaman Aceh banyak melahirkan idea baru seperti menyorot kembali nilai hidup manusia dan bagaimana untuk meghayati dan

⁶³Hooker M.B, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, terj.Rohani Abdul Rahim dkk.(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 7.

⁶⁴ Para pengkaji mengandaikan berdasarkan tarikh kematian guru beliau, Syeikh Ahmad al-Qusyasyi (1661 M), Abdul Rauf tiba di Tanah Melayu sekitar tahun 1642 kira-kira usia 25-30 tahun. Lalu dijangka tarikh kelahirannya adalah 1615. A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 33-34.

⁶⁵ Fauzi bin Deraman, "Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dawud bin Abdallah al-Fataniy" (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997), 29.

mengharungi kehidupan. Selain itu, perubahan cara penulisan juga diperkenalkan oleh cendekiawan yang juga merangkap penulis Aceh. Misalnya tradisi pengenalan diri penulis dan pengolahan bahan atau sumber pengambilannya di bahagian awal teks sebagai contoh teks *Sirat al-Mustaqim*, setelah pembukaan dengan suatu doa dan pujian kepada Tuhan dan rasul-Nya, penulis memperkenalkan latar belakang penulis. Seterusnya, memberi gambaran berkenaan pokok perbincangan kitab yang merangkumi sumber yang digunakan dalam usaha mengolah teks. Contohnya Kitab *Minhaj al-Thalibin* oleh Muhyiddin Nawai Minhaj al-Tullab dan syarahnya, *Fath al-Wahhab* oleh Syeikh al-Islam Imam Abi Zakariya Yahya Ansari, dan banyak lagi.⁶⁶

Seterusnya, cara dan teknik penulisan ini telah ditauladani oleh tokoh-tokoh penulis terkemudian. Antaranya ialah Muhammad Arsyad al-Banjari (m. 1812 M), Syeikh Daud al-Fatani (m. 1847 M), dan ramai lagi. Walaupun peranan Aceh sebagai pusat penulisan tidak sepenting era kegemilangannya selepas abad ke-17, namun, tradisi penulisan bersifat keagamaan sebagai salah satu ciri penulisan terus berkembang di kota-kota pesisir lain. Malah, kegiatan penulisan, penyalinan, penyaduran dan terjemahan kelihatan semakin giat dan menonjol. Abdul Samad al-Falembani (m. 1203 H) menyatakan:

“Aku terjemahkan kitab ini dengan bahasa Jawi serta aku tambah dengan beberapa faedah yang baik-baik supaya memberi manfaat dengan dia, orang yang tiada mengetahui baginya itu dengan bahasa Arab”.⁶⁷

Dengan memetik kenyataan di atas, jelaslah bahawa kegiatan penyalinan dan penulisan naskhah Melayu kelihatannya lebih menonjol pada abad ke-18 dan 19 kerana beberapa faktor. Antaranya kerana pada abad-abad ini bahkan pada akhir abad ke-20

⁶⁶ Hamdan Hassan, “Tradisi penulisan Sastera Melayu Tradisional,” 19

⁶⁷ *Sayr Salikin*, MSS 1779, 3.

pertumbuhan pusat kegiatan agama yang pesat sehingga terlahirnya golongan yang terpelajar Islam. Sementara itu, Mekah pula menjadi destinasi yang terpenting dan tumpuan pelajar-pelajar Islam dari Nusantara dan di sana juga usaha menulis dan menterjemah atau menyalin teks dilakukan.

3.3 Era Penguasaan Pihak Kolonial Barat (kurun ke-18 hingga ke-19)

Diperakui akan kemaraan pihak luar ke alam Melayu pada asalnya adalah disebabkan hubungan perdagangan yang terjalin. Namun, kegemilangan yang berlaku membuka mata pihak luar untuk menguasai alam ini dengan dorongan beberapa faktor lainnya seperti agama, ekonomi, politik, dan sebagainya selain dorongan ingin terus mengukuhkan kedudukan mereka di alam ini dan usaha memahami segenap aspek *worldview* masyarakat adalah amat penting. Jika pada era awal dan perkembangan serta kegemilangannya, tradisi penulisan ini dinaungi oleh institusi istana selaku skriptoria Melayu, namun pada fasa kolonial, ianya secara tidak langsung mengurangkan kuasa naungan istana sebagai skriptoria. Hal ini kerana, penubuhan skriptoria secara individu atau badan oleh pihak kolonial selaku pemerintah kerajaan penjajah di rantau ini. Antaranya skriptoria di Algemeene Secretarie, Batavia adalah skriptoria yang dinaungi Belanda.⁶⁸ Selain itu, Cohen Stuart juga mempunyai skriptoria tersendiri ketika bertugas sebagai pengawet manuskrip untuk Bataviaasch Genootschap dari 1862 hingga 1871.

Ding Choo Ming (2003) dalam menyorot sejarah keterlibatan dan minat pihak luar memahami dan mempelajari berkenaan alam ini ialah dengan terhasilnya kamus-kamus Bahasa Melayu di Netherlands dan United Kingdom yang akhirnya berjaya

⁶⁸ Voorhoeve, P, "A Malay Scriptorium" dalam *Malayan and Indonesian Studies Essays presented to Sir Richard Winstedt*, ed. John Bastin dan R. Roolvink (Oxford: Clarendon Press, 1964), 256-266.

menjalineratkan hubungan perdagangan antara British dan Belanda walaupun sebelumnya masing-masing menubuhkan Syarikat Hindia Timur di United Kingdom dan Belanda untuk tujuan perdagangan.⁶⁹

Antara senarai kata yang terawal ialah senarai kata Melayu-Belanda yang telah dihasilkan oleh Frederik de Houtman pada tahun 1599-1602 yang berjudul *Spraeck ende Wordboeck ende Maleysche ende Madagaskarsche* (Pertuturan dan Daftar Kata Dalam Bahasa-bahasa Melayu dan Madagaskar). Buku pertama ini memainkan peranannya dalam membuka mata pihak Eropah dalam mengenali kebudayaan Nusantara yang sebelum ini tidak diketahui. Karya ini telah diterjemahkan kepada tiga bahasa iaitu Latin, Inggeris dan Perancis.⁷⁰

Natijahnya, minat yang dipupuk tersebut membawa kepada minat terhadap Manuskrip Melayu sebagai bank data bertulis mengenai masyarakat alam ini. Jika kita memperakui abad-abad sebelum kedatangan kolonial adalah fasa penulisan dan penghasilan manuskrip, tetapi pada era kedatangan kolonial tradisi itu berubah menjadi tradisi penyalinan dan pengumpulan manuskrip.

Antara tokoh-tokoh pengumpul ialah Stamford Raffles (1781-1826 M)⁷¹, Earl Crawford (1812-1884 M), Dudley Hervey (1849-1911) dan Richard James Wilkinson (1867-1941 M).⁷² Mereka menggunakan pelbagai pendekatan dalam usaha mengumpul

⁶⁹ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 250.

⁷⁰ A. Teeuw, *Pegawai Bahasa dan Ilmu Bahasa* (Jakarta: Bhratara, 1973), 9-10.

⁷¹ Seorang yang amat berminat dengan Manuskrip Melayu walaupun kehidupannya di rantau ini dipenuhi dengan urusan pentadbiran. Beliau tiba di Pulau Pinang pada tahun 1805, tahun 1811 menjadi Leftenan-Gabenor di Jawa, pada tahun 1818 menjadi pentadbir Bangkahulu. Pengumpul manuskrip yang masyhur. Bukan hanya kerana jumlah koleksi simpanannya sahaja, tetapi masyhur dengan kisah kebakaran kapal The Fame yang mengangkut koleksi beliau ke Eropah pada 1824.

⁷² Seorang pegawai pentadbir di Malaya, jawatan terakhir ialah Colonial Secretary di Singapura. Antara pegawai British yang aktif mengumpul Manuskrip Melayu. Sekitar tahun 1900-1910, beliau menghadihkan banyak mansukrip kepada University of Cambridge. Wan Ali Wan Mamat, "Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu," *Jurnal Filologi Melayu* 5 (1997), 105.

Manuskrip Melayu. Umumnya adalah melalui proses penyalinan, hadiah, pembelian, dan sebagainya. Dengan menggunakan ruang dan peluang mereka sebagai pihak pentadbiran kerajaan penjajahan, peluang keemasan tersebut digunakan sebaik mungkin. Antaranya versi pendek manuskrip *Tuhfat al-Nafis*⁷³ telah dihadiahkan kepada A.L Van Hasselt sempena persaraannya daripada jawatan Residen Belanda.

Manakala, kaedah jual beli pula berlaku apabila pihak Eropah menawarkan nilai yang tinggi terhadap manuskrip. Maka, muncul satu golongan orang tengah yang menjalankan urusan jual beli manuskrip. Menurut Alfred North, semasa beliau berada di Singapura pada Februari 1842 M, Komander Wikes telah meninggalkan wang kepada beliau untuk tujuan pengumpulan manuskrip dan dihantar ke Amerika Syarikat.⁷⁴ Selain itu, Abdullah Munsyi (1796-1854) dalam hikayatnya menyatakan bahawa ayahnya pernah diberikan wang dan surat kuasa oleh pegawai Belanda di Betawi untuk tujuan pengumpulan Manuskrip Melayu. Pengumpul British, Earl Crawford (1812-1884) memperoleh manuskrip dengan pembelian melalui beberapa sumber. Antaranya Van Alstein, Millies dan Barrage.⁷⁵

Selain itu, melalui kaedah penyalinan juga tidak kurang pentingnya diberi perhatian. Hal ini kerana, melalui kuasa penjajah sebagai pemerintah, mereka telah mengupah orang tempatan dalam usaha penyalinan tersebut. Namun, tidak juga dinafikan terdapat usaha penyalinan yang dijalankan oleh pihak Eropah sendiri. Contohnya *Syair Perang Mengkasar* dipercayai telah disalin oleh isteri Francois Valentijn (1666-1727),⁷⁶ Cornelia, di Ambon ketika keluarga Valentijn berada di sana

⁷³ Sekarang di Koninklijk Instituut voor Taal, Land-en Volkenkunde

⁷⁴ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 46.

⁷⁵ Wan Ali Wan Mamat, "Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu," 104.

⁷⁶ Dikatakan orang pertama yang menulis tentang Manuskrip Melayu. Beliau mempunyai koleksi Man

dari tahun 1707 hingga 1712. Selain itu, *Sjair Radja Siak* dikatakan telah disalin oleh Von de Wall sendiri antara tahun 1855 hingga 1860 untuk Genootchap.

Selain itu, proses penyalinan yang dilaksanakan oleh rakyat tempatan ialah jurutulis atau jurusalin adalah yang dilantik oleh pihak Eropah selaku pemerintah atau pegawai pada ketika itu dan dibayar gaji bulanan. Antara tokoh penyalin di kalangan rakyat tempatan yang mendapat nama ialah Abdullah Munsyi (1796-1854)⁷⁷ yang bekerja untuk Raffles (1781-1826). Menurut Abdullah Munsyi, walaupun Raffles sibuk dengan urusan pentadbirannya di rantau ini, namun minatnya terhadap manuskrip sangat mendalam dan beliau banyak menolong Raffles dalam usaha mendapatkan manuskrip. Melalui catatan beliau di dalam hikayatnya, beliau telah diambil bekerja oleh Raffles sebagai jurutulis semasa berada di Melaka dan Singapura. Diantara tugasnya ialah menyalin Manuskrip Melayu.

Raffles meninggalkan Singapura dalam perjalanannya ke England pada akhir tahun 1823 melalui Bangkahulu, Sumatera Barat dengan menaiki Kapal *The Fame*. Tragisnya, kapal tersebut telah terbakar dan tenggelam bersama khazanah manuskrip yang dikumpul dan dibawa. Hanya Raffles dan isterinya dapat menyelamatkan diri.⁷⁸

Mendengar perkhawaran tersebut, Abdullah Munsyi menyatakan:

“maka apabila aku dengar khabar yang demikian itu terbanglah rohku sebab terkenangkan sekalian kitab-kitab bahasa Melayu daripada beberapa zaman (pun?) dipungutnya daripada segenap negeri sekalian itu habis hilang. Maka kitab-kitab itu tiada boleh didapati lagi sebab bukannya kitab cap banyak melainkan tulisan tangan (sic) barangkali dalam sebuah negeri tiada dua kitab semacam itu”.⁷⁹

uskrip Melayu sebanyak 25 naskhah termasuk Hikayat Iskandar Zulkarnain dan Hikayat Muhamad Ali Hanafia,

⁷⁷ Nama penuh beliau ialah Abdullah Abdul Kadir. Dilahirkan pada 7 Safar 1211 H/12 Ogos 1796 M di Kampung Pali, Melaka. Berketurunan Arab-India. Muhd Yusof Ibrahim, *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu* (Kuala Lumpur: Tinta Publisher, 2010), 45.

⁷⁸ Wan Ali Wan Mamat, “Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu,” 102-103.

⁷⁹ Abdullah Abdul Kadir 1840, 118

Daripada usaha penyalinan, pembelian, hadiah, dan sebagainya, akhirnya Manuskrip Melayu di bawa secara besar-besaran ke Eropah. Seterusnya, usaha pengumpulan tidak bererti tanpa penerokaan dan kajian terhadap kandungan intelektualnya dalam memahami segenap aspek kehidupan masyarakat alam ini. Natijahnya, kajian dan bidang berkenaan alam Melayu menjadi suatu kepentingan kepada fokus penting kepada pihak luar terutamanya Inggeris dan Belanda. Menurut Ismail Husein dalam buku Ding Choo Ming (2003), orang yang pertama menghasilkan tesis doktor falsafah dalam bidang pengajian sastera Melayu tradisional ialah Ph. S Van Ronkel pada 1895.⁸⁰

Penubuhan Jabatan Pengajian Melayu/ Indonesia di Universiti Leiden pada 1877 dan School of Oriental and African Studies (SOAS) di Universiti London pada tahun 1917 telah memberi nafas baru kepada pengajian Melayu sebagai satu bidang keserjanaan yang serius. Pusat-pusat pengajian tinggi telah memainkan peranan penting dalam memperkembangkan dan memperkenalkan pengajian Melayu di negara-negara Eropah.

Dari banyak segi, pertengahan abad ke-19 boleh disifatkan sebagai titik masa yang paling bersejarah dalam pengajian Melayu. Ini disebabkan ramai sarjana-pentadbir dari Netherlands dan United Kingdom khususnya dan negara-negara lain di Eropah secara amnya telah berduyun-duyun datang ke Nusantara. Nama seperti Sir Stamford Raffles (1781-1826), William Marsden (1754-1836), Van der Tuuk (1824-1894), dan ramai lagi merupakan beberapa contoh daripada barisan orientalis yang panjang itu.⁸¹

⁸⁰ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 7.

⁸¹ *Ibid.*

Natijahnya yang terhasil ialah akhirnya khazanah berharga Manuskrip Melayu ini terkumpul dan tersimpan dengan banyaknya di negara asing di seluruh dunia berbanding daerah kelahirannya melalui proses pengaliran yang dilaksanakan. Jumlah perangkaan sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut pertemuan demi pertemuan oleh para sarjana.

3.4 Perkembangan Teknologi Percetakan (Akhir Kurun Ke-19 Awal Kurun Ke-20)

Tradisi penulisan manuskrip hanya berakhir kira-kira pada separuh pertama abad ke 19 dengan terdirinya mesin-mesin cetak di Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Batavia yang dikendalikan oleh penduduk tempatan.⁸² Ismail Hussein (1970) menyatakan bahawa ramai sarjana memandang penting kedatangan alat cetak di rantau ini. Ia dianggap sebagai era membawa kepada pemodenan kesusasteraan Melayu.⁸³

Pada peringkat awal kemasukan teknologi percetakan, ianya adalah untuk kepentingan pihak penjajah untuk mencetak bahan keperluan mereka. Pada tahun 1593 M mereka telah mencetak sebuah buku Kristian berjudul *Doctrina Christiana*. Manakala, karya berbahasa Melayu yang mula dicetak ialah *Kamus Melayu-Belanda* hasil karangan Frederick de Houtman bertulis Rumi. Teknologi percetakan terus dikuasai oleh Belanda dalam urusan percetakan buku-buku berbahasa Melayu pada abad ke-17 M dan ke-18 M. Hanya pada permulaan abad ke-19 M barulah muncul kilang-kilang percetakan tempatan.⁸⁴

Dengan tertubuhnya syarikat percetakan, ramai pemilik dan penggemar manuskrip tidak melepaskan peluang dan ruang ini. Sesungguhnya pekerjaan utama

⁸² Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, 12.

⁸³ Ismail Hussein, "Masalah Pensejarahan Sastera Melayu Baru". 4, Bil 1-2 April-Ogos 1970, 223.

⁸⁴ Annabel Teh Gallop, "Early Malay Printing, an Introduction to the Library Collections," *JMBRAS* LXIII (1990), 85-124.

Abdullah adalah membantu pihak Inggeris mencetak karya-karya agama Kristian di Mission Press, tetapi dengan mencetak naskhah Melayu, beliau telah memanfaatkan teknologi baru itu untuk kepentingan Manuskrip Melayu pula terutamanya karya *Sejarah Melayu*.

Manakala, dalam memahami percetakan Manuskrip Melayu Islam yang dikenali dengan kitab Jawi, sorotan kepada latar belakang dan suasana pendidikan Islam di Timur Tengah di kalangan orang Melayu perlu difahami. Hal ini kerana, kerancangan anak-anak Melayu yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah terutamanya Mekah juga seiring dengan teknologi percetakan yang dibawa masuk ke alam Melayu. Natiujahnya, kitab yang melalui proses percetakan dipanggil dengan nama *Kitab Jawi*.⁸⁵ Antara individu yang memainkan peranan besar ialah Syeikh Ahmad al-Fatani. Jasa dan usahanya tidak boleh dilupakan. Beliau telah dilantik oleh Sultan Turki (Sultan Abdul Hamid Khan Thani) mengetuai percetakan karya-karya dengan mencetak kitab-kitab Melayu. Percetakan tersebut bernama Matba'ah al-Amariyyah yang mulanya berpusat di Istanbul, kemudian di Mesir dan akhirnya di Mekah. Antara kitab awal yang dicetak dan ditashihkan ialah *Hidayat al-Salikin* karya Abdul Samad al-Falembani.⁸⁶

Di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang dan Singapura terdapat banyak lagi karya Manuskrip Melayu yang dicetak oleh pencetak yang pelbagai seperti Matba'ah Daru'l-Muarif di Pulau Pinang, Nahdi Trading di Bangkok, Pencetakal-Ahmadiyah di Singapura, Pencetak Sulaiman Mari'edi Singapura, dan sebagainya.

⁸⁵ Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, 12-13.

⁸⁶ Abu Hassan Sham (1997) op.cit. , 267-268.

Di Riau terdapat dua pencetak iaitu Ofis Cap Gubernemen di Lingga yang menerbitkan *Muqaddimah fi Intizam* karya Raja Ali Haji. Matba'ah Ahmadiyah menerbitkan *Risalah al-Wafiat fi Syarah Ma'ana fi al-Tahiyat* dan juga *Kaifiat al-Zikri 'ala Tariqat Naqsybandiah*. Selain itu, percetakan ini juga dinamakan dengan nama *Matba'ah al-Riauwiyyah*⁸⁷ iaitu cawangan dari Timur Tengah Matba'ah al-Miriyah al-Kainah, diketuai oleh Syeikh Ahmad Fathani. Beliau telah melantik Raja Ali Kelana⁸⁸ (m. 1919 M) mengetuai percetakan di Riau itu.⁸⁹

Selain percetakan bumiputera yang mencetak karya Manuskrip Melayu, juga terdapat percetakan selain Melayu yang wujud untuk tujuan ini. Antaranya dari pihak Eropah yang mencetak naskhah Melayu bagi tujuan bahan bacaan para siswa yang menuntut dalam bidang yang berkaitan. Antaranya di Royal Military Academy di Breda atau di Utrecht dan di Universiti Leiden. Antara teks yang dicetak ialah *Hikayat Sultan Ibrahim* yang diusahakan oleh D. Lenting.⁹⁰

Walaupun jika ditinjau daripada aspek tujuan percetakan yang berbeza antara pencetak Melayu dan Eropah iaitu dari pihak Melayu selaku pihak pemilik naskhah adalah untuk tujuan ketersebaran karya di kalangan pembacanya sebagai hasil karya

⁸⁷Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), "Syeikh Ahmad Fathani, Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik ke arah Dunia Moden" dalam Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IV, UKM, 14-16 Ogos. Bangi. , 11.

⁸⁸ Nama lengkapnya Raja Ali Kelana bin Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi (Yamtuan Muda ke-10, 1858 M - 1899 M) bin Raja Ali (Yamtuan Muda ke-8, 1844 M - 1857 M) bin Raja Jaafar (Yamtuan Muda ke-6, 1808 M - 1832 M) bin *Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah* (Yamtuan Muda ke-4, 1777 Ma - 1784 M) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda ke-2, 1729 M - 1746 M). Daripada nama-nama tersebut dapat disimpulkan bahawa lima orang Yamtuan Muda mulai ayah hingga ke atas adalah pertalian lurus pada Raja Ali Kelana. Raja Ali Kelana tidak sempat menjadi Yamtuan Muda kerana kerajaan Riau-Lingga dimansuhkan oleh penjajah Belanda dan sultan terakhir Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah, adik beradik dengan Raja Ali Kelana hijrah ke Singapura (1911 M). Perlu dicatatkan di sini bahawa mulai Yamtuan Muda yang pertama (Upu Daeng Merewah) tahun 1722 Masihi sampai tahun 1825 Masihi (masa pemerintahan Raja Jaafar Yamtuan Muda ke-6) bernama Kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang dan takluknya. Mulai tahun 1844 Masihi sampai tahun 1911 Masihi bernama Kerajaan Riau-Lingga dan takluknya.

⁸⁹ Abu Hassan Sham, "Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu" dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 267.

⁹⁰ Abu Hassan Sham (1997). Op. cit. , 268-269.

kekayaan khazanah keilmuan dan keintelektualan bangsa. Manakala, di pihak Barat ianya lebih berbentuk memahami apa yang tersurat dan tersirat untuk audiens sendiri sahaja.

Kesimpulannya, teknologi percetakan jika dilihat dari dimensi positifnya, ianya secara langsung telah mempercepatkan proses penghasilan dan seterusnya penyebaran hasil ulama Melayu yang berupa tradisi penulisan tangan ke hasil percetakan sesebuah karya dengan kemudahan mesin yang dibawa masuk oleh Eropah. Maka, khazanah berharga ini dapat disebar luaskan dengan cepat.

4. Pengurusan Manuskrip Melayu

Pengurusan merupakan satu proses sosial selaras dengan perkembangan manusia dan komuniti di sekelilingnya. Pengurusan dikaitkan dengan pentadbiran dan apabila memperkatakan tentang konsep pengurusan pasti mencakupi tiga elemen utama iaitu pengurus, organisasi, dan tatacara atau garis panduan pengurusan yang telah ditetapkan. Ketiga-tiga elemen mempunyai hubungkait yang sangat rapat dan memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran sesebuah pengurusan. Pengurusan berfungsi untuk:⁹¹

- i) **Merancang:** Melibatkan proses seperti menetapkan matlamat, mewujudkan strategi untuk mencapai matlamat, dan merangka perancangan dalam mengintegrasikan dan mengkoordinasi aktiviti pencapaian maklumat.
- ii) **Mengatur:** Menentukan kerja-kerja yang perlu dilakukan, menentukan pekerja yang terlibat, bagaimana cara kerja tersebut perlu dilakukan, kepada

⁹¹ Zafir Mohd Makhbul, Mohd Hizam Hanafiah dan Fazilah Mohamad Hasun, pengurusan organisasi. (Singapore: cengage learning asia pte ltd, 2009), 21.

siapa laporan perlu diserahkan, dan membuat keputusan pada peringkat yang sepatutnya.

- iii) **Memimpin:**Proses memastikan perjalanan kerja adalah sempurna. Pemimpin perlu memotivasikan pekerja, mengarahkan aktiviti-aktiviti tertentu, menyelesaikan masalah di antara pekerja, dan mengetuai setiap aktiviti pengurusan.
- iv) **Mengawal:**Proses memastikan semua yang dirancang berjalan dengan sempurna. Prestasi sebenar dibandingkan dengan perancangan. Jika terdapat perbezaan pembetulan akan dilakukan oleh pihak pengurusan.

Daripada fungsi pengurusan yang telah disenaraikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa sebuah pengurusan yang cekap adalah penting. Tambahan pula jika aspek pengurusan diterjemahkan kepada usaha mengurus dan memelihara dan memulihara khazanah berharga, manuskrip sebagai khazanah intelektual yang bernilai sudah tentunya diberi penekanan disebabkan sifat keunikan dan keusangannya. Jika aspek pengurusannya diabaikan, maka ianya mengundang kepada faktor kepupusan dan seterusnya kehilangan khazanah tidak ternilai ini.

Mary Lynn Ritzenthaler⁹² di dalam buku beliau *Archives and Manuscripts: Conservation, A Manual on Physical Care and Management* menyatakan bahawa antara faktor kemusnahan dan kehilangan bahan arkib dan manuskrip ialah pengurusan yang tidak cekap yang melibatkan proses penyimpanan, prosedur mengendalikan bahan yang mana memberi kesan kepada bahan. Tambahan pula, pengurusan ini dikendalikan oleh

⁹²Pemuliharaan Kanan di Arkib Negara dan Pentadbiran Rekod. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah di Society of American Archivist (SAA) Basic Archival Conservation Program.

individu yang tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam proses menguruskannya.⁹³

Antara langkah yang perlu diambil ialah:

- i) **Penyediaan persekitaran yang sesuai:** Langkah ini melibatkan beberapa aspek yang diberi perhatian iaitu suhu dan kelembapan yang sesuai, kualiti udara, peralatan kawalan seperti termometer, pencahayaan, peraturan tempat simpanan seperti larangan makan dan minum, kebersihan, keselamatan dan kawalan api dan air.
- ii) **Penyimpanan bahan:**Langkah ini mengambil kira aspek bagaimana bahan disimpan seperti rak yang diperbuat sama ada sesuai atau tidak dijadikan tempat simpanan. Dan tempat simpanan bahan mestilah mengikut jenis bahan yang disimpan dan saiznya supaya ianya tidak rosak. Contohnya warkah, kulit yang mempunyai saiz yang besar disimpan di dalam tempat simpanan yang bersesuaian dengan saiznya.

4.1 Pendokumentasian Manuskrip

Salah satu faktor penting dalam membincangkan pengurusan, aspek pendokumentasian adalah yang menentukan keberjayaan pengurusan Manuskrip Melayu. Hal ini kerana, proses pendokumentasian adalah proses penting dalam memastikan kelestarian dan manfaat serta faedah khazanah berharga ini. Pendokumentasian manuskrip sangat berbeza daripada bahan sejarah dan dokumen lain.

⁹³ Mary Lynn Ritzenthaler, *Archives and Manuscripts: Conservation, A Manual on Physical Care and Management* (Chicago: SAA Basic Manual Series, t.t), 29.

Istilah pendokumentasian telah didefinisikan oleh beberapa sarjana. Antaranya

S.C Bradford berpendapat bahawa dokumentasi ialah:

“The art of collecting, classifying and making readily accessible the records of all kinds of intellectual activity...the...process by which ...is... put before the creative specialist the existing literature, bearing on the subjects of his investigation in order tht he may be made fully ware of previous achievementin his subjects and thus be saved from the dissapations of his genius upon work already done”.⁹⁴

Melalui kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa pendokumentasian merupakan satu proses yang telah dikenalpasti judulnya, telah dikatalog dan diberi pengkelasan yang disertai dengan abstrak dan diberi rujukan yang mempunyai persamaan isi kandungannya atau judul yang terdapat di dalam koleksi yang sama atau berlainan. Pandangan ini selaras dengan pandangan Prof Madya Yusof Iskandar bahawa pendokumentasian manuskrip adalah bukan lagi manuskrip yang terpendam tetapi, manuskrip yang telah diselidiki, dikaji, dipelihara dengan baik,dikatalog, diklasifikasikan serta diterbitkan dan pengetahuan tentangnya tersebar luas.⁹⁵ Manakala, menurut J.H Shera pula:

“Documentation may be regarded a theory a philosophy if you will or librarianship that is dedicated to the exploration of new ways for improving the utility of recorded knowledge, for whatever purpose and at what ever level of use by investigating and developing new means for analysis, organizations and retrieval of graphic records”.⁹⁶

Maka, secara kesimpulannya, definisi yang telah diberikan telah dirangkumkan dengan pendefinisian istilah pendokumentasian yang terdapat dalam istilah sains perpustakaan iaitu:

“The recording of the knowledge and the source of knowledge, organizing such records systematically so that they may be found quickly, and disseminating by various means both the knowledge and the sources of knowledge”.⁹⁷

⁹⁴ Bradford, S.C, *Documentation* (London: Crosby Lockwood & Son, t.t), 5.

⁹⁵Yusof Iskandar (1984) op.cit.

⁹⁶ J.H Shera, *Documentation and The Organization of Knowledge*. (London: Crosby Lockwood & Son, 1966), 72.

⁹⁷ Harrod, L.M, *The Librarian's Glossary Reference Book* (London: A. Deutsc, 1972).

Seterusnya, Ibrahim Kassim (1976) dalam menyentuh definisi dokumentasi Manuskrip Melayu Tradisi ialah suatu proses cara baru mengenai pengumpulan, klasifikasi dan penyebaran semua hasil naskhah Melayu lama tulisan tangan (asli atau salinan) dari berbagai jenis untuk kegunaan sarjana atau kumpulan sarjana dalam bidang tersebut.⁹⁸Ini bermakna bahawa dokumentasi sebagai *instrumental device* bagi melancarkan aliran maklumat yang tercatat di sekitar sarjana atau kumpulan sarjana.

Raja Masittah Raja Ariffin dalam memperkatakan mengenai perbezaan dari aspek pendokumentasian Manuskrip Melayu di kalangan individu atau institusi di negara kita adalah besar jurangnya. Hal ini kerana, semua naskhah yang tersimpan di institusi-institusi luar khususnya Britain dan Eropah dijaga dengan baik dan diawet dengan pelbagai kaedah teknikal dan saintifik.⁹⁹Hal ini dipermudahkan dengan sikap orang Barat yang menghargai khazanah berharga ini dari terus rosak dengan menyerahkannya kepada pihak institusi atau perpustakaan yang boleh menyelamatkannya.

Maka, dalam usaha menjaga dan memelihara serta memulihara khazanah berharga ini dari aspek kenadiran dan mempunyai nilai intransik intelektual, seharusnya ianya didokumen dengan sistematis dan efektif. Proses yang dimaksudkan ialah proses pendokumentasian. Hal ini kerana, Manuskrip Melayu sebagai dokumen dan premier sumbernya untuk dijadikan rujukan dalam memahami segala yang terakam di dalamnya.

⁹⁸ Ibrahim Kassim, "Masalah Dokumentasi Manuskrip Melayu" (makalah, Seminar anjuran bersama Persatuan Perpustakaan Malaysia dan GAPENA, 1976).

⁹⁹Raja Masittah Raja Ariffin, "*Manuskrip Melayu Lama: Suatu Penelitian dari Aspek Pendokumentasian*," *Jurnal Filologi Melayu* 7, (1994), 117.

Persoalannya, adakah pemilik khazanah berharga ini menyedari kepentingan ini terutamanya Manuskrip Melayu masih berada dalam simpanan individu atau keluarga, atau kerabat yang tidak menyediakan kemudahan ini untuk tatapan masyarakat umum. Terdapat pelbagai faktor menyebabkan proses pendokumentasian Manuskrip Melayu terabai. Dalam menentukan hayat dan keberadaan khazanah intelektual yang terkandung di dalam Manuskrip Melayu terus terjamin, bukan hanya proses penerokaan dan pengkajian sahaja perlu dilakukan, malah proses pendokumentasian adalah suatu proses yang tidak boleh dipandang enteng. Misalnya yang berlaku pada 'koleksi Batavian Society'.¹⁰⁰ Ratusan manuskrip dalam koleksi ini lesap sama sekali apabila peraturan itu dibubarkan dan lenyap daripada lipatan sejarah.

4.2 Faktor-Faktor Terabainya Kerja Pendokumentasian

Dalam membicarakan faktor terabainya proses pendokumentasian, pelbagai faktor yang menyumbang kepada proses ini. Dan sekiranya ianya terus diabaikan, maka timbunan manuskrip yang berjumlah yang besar dan dijaga dengan rapi sekalipun, malangnya, isi kandungannya tidak akan diketahui umum dan tidak tersebar luas.

Apabila kajian dan penyelidikan terhadap manuskrip tidak diusahakan, maka kesan negatif akan timbul. Segala kandungan penting di dalamnya mungkin akan musnah ditelan zaman dan hilang daripada koleksi itu sendiri jika keselamatannya tidak terjamin. Keadaan seperti ini lebih teruk lagi jika ditinjau pada koleksi individu. Manuskrip-manuskrip tersebut bukan sahaja disimpan tanpa suatu sistem pemuliharaan yang sepatutnya dan selamat, malangnya lagi anggapan bahawa manuskrip yang ada tidak membawa apa-apa makna dan tidak bernilai. Kemusnahan

¹⁰⁰P. Voorhoeve. *Scriptorium*. Oxford..

manuskrip-manuskrip tersebut adalah akibat daripada terabainya proses pendokumentasian yang kebiasaannya dipengaruhi oleh beberapa faktor:

i. Sifat manusia

Sebagai khazanah yang berada dalam simpanan dan jagaan individu, nasib khazanah berharga ini adalah terletak di tangan individu yang menyimpannya. Sekiranya penyimpan dan pemiliknya mempunyai kesedaran ke arah memastikannya kelestariannya, usaha untuk memelihara dan memuliharanya akan diambil. Malangnya, apa yang berlaku ke atas koleksi manuskrip ialah keengganan pemiliknya untuk berenggang dan menyerahkan koleksinya kepada pihak-pihak berwajib untuk tujuan yang murni ini. Hal ini kerana, khazanah berharga ini dianggap suatu 'intellectual properties' kepada sesebuah keluarga, individu seperti bomoh, guru-guru pondok, dan sebagainya. Mereka sanggup untuk terus menjaga 'amanah' yang diwarisi sejak turun temurun dan jangan sesekali untuk menyerahkan atau dijual kepada pihak lain¹⁰¹ walaupun sekiranya ianya dalam jagaan mereka (pemilik) khazanah berharga ini tidak dipelihara dengan baik dan tidak dilakukan apa-apa penerokaan terhadap kandungan intelektualnya.

Selain itu, sifat penghargaan terhadap khazanah berharga ini juga menjadi faktor. Manuskrip hanya dilihat sebagai satu khazanah lama yang usang dan tidak mempunyai apa-apa nilai yang boleh dilihat. Misalnya peristiwa yang pernah terjadi sekitar tahun 1979 apabila satu timbunan Manuskrip Melayu telah dibakar

¹⁰¹ Siti Mariani S.M Omar, "Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia," dalam *Warisan Manuskrip Melayu*, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002), 39.

di sebuah kampung di Perak kerana menganggap bahawa timbunan kertas usang itu hanyalah sampah semata.

Selain itu, perbalahan dan berlainan pandangan di kalangan masyarakat juga menjadi faktor yang menyumbang ke arah terabainya proses ini. Seperti yang sedia maklum bahawa tempat penyimpanan Manuskrip Melayu kebanyakannya di istana, rumah-rumah pembesar istana, rumah para ulama dan cendekiawan yang mana tempat-tempat tersebut diperbuat daripada kayu dan mudah terbakar. Sejarah Melayu melaporkan bahawa istana Sultan Mansur Syah pernah musnah dijilat api. Antara sebab kebakaran ialah serangan tentera dari pelbagai bangsa bermula dengan Portugis hingga ke Inggeris. Selain itu, perbalahan antara ideologi atau pemikiran juga menjadi faktor seperti peristiwa kebakaran hasil karya Hamzah Fansuri pada zaman Iskandar al-Thani dan Safyatudin oleh penentangannya yang diketuai oleh Nur al-Din al-Raniri yang akhirnya membawa kepada banyaknya hasil karya Hamzah dan pengikutnya dibakar.¹⁰²

ii. Keadaan / Kondisi Alam

Selain sifat manusia selaku pemilik dan penyimpan, faktor persekitaran dan alam juga mendorong kepada keterabaian proses ini. Wan Ali Wan Mamat (1988), menceritakan dengan terperinci sekali faktor ini di dalam bukunya *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Beliau menyatakan antaranya ialah faktor kelembapan, cahaya dan pencemaran udara.¹⁰³ Selain iklim, faktor alam lain iaitu serangga juga adalah antara faktor menyebabkan proses ini terabai. Hal ini kerana, kebanyakan serangga seperti silverfish, lipas, dan sebagainya yang menjadikan

¹⁰² Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, 25.

¹⁰³ Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 57-61.

medium penulisan khususnya kertas sebagai tempat tinggal dan makanannya menyebabkan kerosakan dan kehilangan tulisan dan mukasurat sesebuah manuskrip. Hal ini menyebabkan fakta mengenai manuskrip tidak dapat diperolehi dengan lengkap.

iii. Kekangan, Kelemahan dan Kekurangan Tempat, Peralatan dan Tenaga Mahir.

Kekurangan tempat khas dan alat perkakas seperti ‘bilik pengwasapan’ untuk memulihara manuskrip daripada rosak dan reput akibat serangan serangga dan tempoh yang memakan masa yang sangat panjang. Aziz Deraman (kini Dato’) di dalam kertas kerja beliau bertajuk ‘*Masalah Manuskrip Di Malaysia Dan Masa Depanannya*’ menyatakan keresahan beliau terhadap nasib Manuskrip Melayu berkenaan kemudahan ini. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan institusi di Malaysia selain Arkib Negara dan Perpustakaan-perpustakaan, masih belum dilengkapi dengan makmal dan bengkel awetan serta kakitangan yang mahir dan berkepakaran.¹⁰⁴ Penulis juga bersetuju melalui bukti lawatan penulis ke bahagian Pemuliharaan Perpustakaan Universiti Malaya dan Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka.¹⁰⁵

iv. Kekangan Kewangan

Kekangan kewangan yang dihadapi oleh institusi yang memainkan peranan dalam usaha pemuliharaan khazanah berharga ini. Bertepatan dengan

¹⁰⁴ Aziz Deraman, “Masalah Manuskrip di Malaysia dan Masa Depanannya” (kertas kerja, Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 10 Oktober 1983), 10.

¹⁰⁵ Di Bahagian Pemuliharaan Perpustakaan Universiti Malaya hanya menyediakan kemudahan penyimpanan seperti tempat berhawa dingin dan kelembapan udara dan suhu yang dikawal tanpa usaha membaik pulih kerosakan manuskrip dalam simpanannya. Manakala, di Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, pada peringkat awal, usaha pemuliharaan dilakukan. Kemudian, pihak DBP menghantar kepada syarikat yang mengusahakan. Tetapi, kini, di atas faktor kewangan, manuskrip yang diperolehi hanya disimpan. Temu bual bersama Puan Fatimah Zahrin, Pegawai Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. 17 November 2010. Penulis juga memperoleh maklumat daripada Prof Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin berdasarkan pengalaman beliau ketika bertugas di DBP.

kemudahan teknologi kini yang memudahkan penulis melihat teks melalui sistem pengimejan dan sebagainya memerlukan kepada kos yang agak tinggi. Hal ini dinyatakan oleh Aziz Deraman bahawa faktor kewangan adalah suatu halangan dalam pengolahan dan pengurusan manuskrip yang baik memandangkan peralatan yang melibatkan manuskrip seperti alat-alat mikrofilem / mikrofis adalah mahal harganya.¹⁰⁶

Kesimpulannya, melihat realiti faktor terabainya proses pendokumentasian di atas, seharusnya kesedaran bahawa walaupun natijah daripada pengaliran Manuskrip Melayu dari daerah kelahirannya dan akhirnya kita terpaksa mendapatkan kembali hak kita dengan suatu bayaran yang tinggi, namun seandainya ianya masih terus berada di tangan kita berkemungkinan jumlah manuskrip yang kekal hayatnya akan berkurang jumlahnya berbanding jumlah yang ada sekarang.

4.3 Mengkatalog Manuskrip Melayu

Proses penkatalogan adalah usaha serius dalam memastikan usaha pendokumentasian menjadi sistematis. Mengkatalog manuskrip tidaklah semudah bahan lain seperti buku, terbitan berkala, dan sebagainya. Antara butiran yang harus dan perlu diteliti ialah:¹⁰⁷

- i) Mengenal pasti jumlah naskhah dalam sesuatu koleksi.
- ii) Memastikan bahawa setiap versi yang terdapat di dalam koleksi mempunyai judul yang tepat.

¹⁰⁶*Ibid.*

¹⁰⁷Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham dan Harun Mat Piah, "Strategi Perolehan, Pengawetan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu" (Kertas Kerja dalam Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 7.

- iii) Menentukan penetapan terhadap naskah yang tergolong sebagai ‘tanpa judul’.
- iv) Memastikan urutan jilid dan penggolongan versi setiap naskah.
- v) Mendapatkan maklumat fizikal, termasuk dimensi, jumlah baris, jumlah kata sebaris, jumlah halaman, deskripsi bahagian awal, tera airdan lain-lain yang berkaitan.
- vi) Membuat abstrak atau sinopsis bagi setiap naskah, iaitu melalui pembacaan bahan yang sedia ada atau yang diperolehi daripada naskah itu sendiri.

Antara bukti pendokumentasian dilakukan ialah kewujudan dan penerbitan katalog-katalog manuskrip yang terdapat dalam simpanan. Menurut Ding, terdapat tidak kurang 100 buah katalog Manuskrip Melayu yang boleh dirujuk untuk mencari Manuskrip Melayu yang terdapat di serata negara di dunia ini.¹⁰⁸ Antaranya untuk mengenalpasti manuskrip yang terdapat beberapa buah negara ialah:

Jadual 2.1: Katalog Manuskrip Melayu

Bil	Negara	Penulis	Katalog
1.	Netherland	<ul style="list-style-type: none"> - Klinkert - Juynboll - Ronkel - Hoorhoeve 	<ul style="list-style-type: none"> - Twee Maleische Handschriften - Catalogus. Van de Maleische en Sundaneesche Handschriften der Leid sche Uniyersiteits-Bibliotheek - Supplement – Catalougus der Maleische en Minangkabausche Handschriften in the sche Uniyersiteits-Bibliotheek - Indonesische Handchriften in de Uniyersiteits-Bibliotheek’ te Leiden

¹⁰⁸Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 7.

		- Wan Ali Wan Mamat	- Katalog Manuskrip di Belanda: Catalogue to Malay Manuscripts in the Netherlands.
2.	United Kingdom	<ul style="list-style-type: none"> - Tuuk - Niemann - Blagden - Winstedt - Voorhoeve, - Mohd Taib Osman - Greentree 	<ul style="list-style-type: none"> - “Kort Verslag van der Maleische Handschriften in het East India House te Londen - Kort Verslag der Maleische Handschriften, Toebehooreode aan de Royal Asiatic Society de Londen - Short Account of the Malay Manuscripts Belonging to the Royal Asiatic Society - De Maleische Handschriften in het British Museum - List of Malay Books Bequeathed to the (Royal Asiatic) Society by the late Sir W.E Maxwell - Malay Manuscripts in Libraries in London, Brussels and the Hague - “List of Malay Manuscripts in the Library of the Royal Asiatic Society” - Indonesian Manuscripts in Great Britain: a Catalogue of Manuscripts in Indonesian Languages in British Public Collections - Laporan: naskah-naskah dan Alatan-alatan Melayu di Beberapa Pusat Pengajian di Great Britain dan Jerman Barat,” - <i>Catalogue of Malay Manuscripts Relating to the Malay Language in the Bodleian Library</i>
3.	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Howard - Voorhoeve - Ibrahim Kassim, 	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Malay Manuscripts</i> - Notes on Some Manuscripts in the Library of the Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur - Katalog Manuskrip

		<ul style="list-style-type: none"> - Abu Hassan Sham - Perpustakaan Negara Malaysia - Chambert-Loir, - Harun Mat Piah&Ismail Hamid. 	<ul style="list-style-type: none"> - Naskhah-naskhah Melayu di Muzium Sarawak - Katalog Ringkas Mnauskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia - Malay Manuscripts - catalogues des-catalogues de manuscript malais archipel
4.	Australia	<ul style="list-style-type: none"> - Miller 	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Indonesian and Malayan Traditional Manuscripts in Public Collections in Australia</i>
5.	Jerman	<ul style="list-style-type: none"> - Brockelmann - Overbeck - Mohd Taib Osman 	<ul style="list-style-type: none"> - Katalog der Orientallschen hss. Der Stadtbibliothek zu Hamburg - Malay Manuscripts in the Public Libraries in Germany - Laporan: naskah-naskhah dan Alatan-alatan Melayu di Beberapa Pusat Pengajian di Great Britain dan Jerman Barat

Selain keberadaan dan kewujudan manuskrip di kesan dan didapati melalui proses katalog yang dilakukan, kewujudan naskhah manuskrip juga dikesan di dalam simpanan repositori-repositori juga perlu diberi perhatian. Menurut Ding Choo Ming, terdapat 151 institusi yang menyimpan Manuskrip Melayu yang tersebar di 28 buah negara iaitu:

Jadual 2.2: Repositori Simpanan Manuskrip Melayu

No	Nama Negara	Lokasi
1.	Afrika Selatan	South African Cultural History Museum, South African Library, University of South Africa Library, University of Durban-Westville, Documentation Center.

2	Australia	National Library of Australia, Australian National University Library, Monash. University Library, University of Sydney Library, State Library of New South Wales, Dixon Library (Sudney).
3	Austria	Museum fur Volkerkunde (Viena).
4	Belgium	Bibliotheque Royale Albert I (Brussel)
5	Brunei	Dewan Bahasa dan Pustaka (Bandar Seri Begawan), Muzium Brunei (Bandar Seri Begawan), Pusat Da'wah Islamiah, Pusat Sejarah.
6	Chekoslovakia	Narodni knihovna Ceske republiky (Prague)
7	Denmark	Kongelige Bibliotek (Copenhagan), Nationalmuseet (Copenhagan), Rigarkivet (Copenhagan).
8	France	Bibliotheque Municipale (Marseille), Bibliotheque Nationale (Paris), Missions Estangeres (Paris), Institut National des Langues et Civilizations Orientales (Inalco), Missions Estrangeres de Paris (Inalco), Bibliotheque Municipale (Tournus), Societe Asiqtique (Inalco).
9	Germany	Museum fur Volkerkunda (Berlin), Staatbibliotheek Preussischer Kulturbesitz (Berlin), Universitatsbibliothek (Bonn), Sachsische Landesbibliothek (Dresden), Universitatbibliothek (Hale), Staat- und Universitatsbibliothek, Universitatsbibliothek (Heidelberg), Universitatsbibliothek (Leipzig), Universitatsbibliothek (Marburg), Byerische Staatsbibliothek (Munich), Universitatsbibliothek (Rostok), Stadbibliothek (Trier).
10	Hungary	Perpustakaan Nasional (Budapest).
11	India	International Academy of Indian Culture (New Delhi).
12	Indonesia	Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, Museum Negeri Propinsi (Aceh), Museum Negeri Propinsi Bengkulu, Arsip Nasional Republik Indonesia (Jakarta), Ecole francaise d'Extreme-Orient (Jakarta), Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (Jakarta), Fakultas Sastra Universitas Indonesia (Depok), Keraton Kaprabonan (Cerabon), Keraton Kasepuhan

		(Cerabon), Museum Negeri Propinsi Kalimantan Selatan ‘Lambung Mangkurat’ (Banjarbaru), Museum Negeri Propinsi Kalimantan Timur (Tenggarong), Museum Negeri Propinsi Lampung, Museum Negeri Propinsi Nusa Tenggara Barat (Matam), Yayasan Museum Kebudayaan Samparaja (Bima), Yayasan Kebudayaan Indera Sakti (Pulau Penyengat), Museum Negeri Propinsi Sulawesi Selatan La Galigo (Ujungpandang), Universitas Hasanudin (Ujungpandang), Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara (Ujungpandang), Pusat Dokumentasi dan Informasi Kebudayaan Minangkabau (Padang), Museum Negeri Propinsi Sumatra Utara (Medan).
13	Ireland	Library of Trinity College (Dublin).
14	Italy	Bibliotheca Nazionale Marciana (Venecia).
15	Malaysia	Muzium Negeri Kedah (Alor Star), Perpustakaan Awam Perlis, Muzium Negeri Kelantan, Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Kesenian Islam, Muzium Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Pusat Islam Malaysia, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Muzium Negeri Terengganu, Muzium Sarawak, Muzium Budaya (Melaka), Muzium Sultan Abu Bakar (Pekan), Madrasah al-Ikhsaniyyah, Pulau Tiga.
16	TheNetherland	Koninklijke Instituut voor de Tropen (Amsterdam), Universiteit van Amsterdam, Museum Bronbeek (Arhem), Algemeen Rijksarchief (The Hague), Rijkmuseum Meermamo – Westreenianium en Museum van het Boek (The Hague), Stads of Athenaumbibliotheek (Deventer), Koninklijk Instituut voor Taal- , Land-en Volkenkunde (Leiden), Rijkmuseum voor Volkenkunde (Leiden), Universiteit-bibliotheek (Leiden), Rijkuniversiteits Bibliotheek (Utrecht).
17	Norway	Uiversitetsbiblioteket Oslo
18	Poland	Perpustakaan Nasional (Warsaw), Museum Azji I Pacyfiku

		(Warsaw).
19	Portugal	Arquivo Nacional da Torre do Tombo (Lisbon).
20	Russia	Archiv Akademii Nauk Rossii (Leningrad), Institut Vostokodenija RAN, Russkoe Geograficheskoe Obshchestvo (Leningrad).
21	Singapura	National Heritage Board, National Library Board, National University of Singapore
22	Spain	Bibliotheca Nacional (Madrid), Archivo General de Indias (Seville).
23	Sweden	Univeritesbibliotek (Lund), Kungliga Biblioteket (Stockholm).
24	Switzerland	Offentliche Bibliothek der Universitat (Basel).
25	Thailand	Wachirayan National Library (Bangkok).
26	UnitedKingdom	City of Bristol Museum and Art Gallery (Bristol), Suffolk Record Office (Bury Saint Edmunds), Cambridge University Library (Cambridge), Edinburgh University Library, New College Library (Edinburgh), University of Glasgow Library, Brymor Jones Library, University of Hull, Center for Southeast Asian Studies, University of Hull, British and Foreign Bible Society (London), British Library (London), British Museum (London), Public Record Office (London), Royal Asiatic Society Library (London), School Of Oriental And African Studies, University Of London, Wellcome Institute For The History Of Medicine Library (London), Windsor Royal Archives (London), John Rylands University Library (Manchester), Bodleian Library (University Of Oxford), Institute Of Social Anthropology, University Of Oxford.
27	USA	Harvard University, Houghton Library, Yale University, American Philosophical Society, Princeston University Library, San Francisco College for Women, Library of Congress.
28	Vatican	Bibliotheca Apostolica Vaticana.

5. Pengurusan Manuskrip Melayu di Malaysia

Kebanyakan para sarjana yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan khazanah berharga ini menyuarakan kebimbangan mereka dalam usaha menyelamatkan khazanah bernilai ini dari aspek ketidakwujudan suatu organisasi yang dilantik dan diberi amanah serta tanggungjawab menguruskannya.

Antaranya nama yang tidak asing lagi, Ibrahim Kassim melalui kertas kerja beliau, *Masalah Dokumentasi Manuskrip Melayu* menyuarakan pandangan menubuhkan Pusat Dokumentasi Melayu setelah menyenaraikan lima masalah dokumentasi iaitu:¹⁰⁹

- i) **Masalah pengumpulan:** Masalah ini merangkumi permasalahan berkaitan tiadanya dasar perolehan yang tetap berkenaan kaedah iaitu cara mendapatkan manuskrip
- ii) **Masalah mengkatalog:** Berkaitan dengan masalah ketidakseragaman di antara katalog-katalog yang ada yang akhirnya menimbulkan kerumitan di kalangan penyelidik. Tambahan pula, usaha mengkatalog manuskrip sebagai bahan bukan buku (*non-book material*) adalah berbeza disebabkan kelainan dan keunikan sifatnya sebagai khazanah berharga.
- iii) **Masalah klasifikasi:** Kebanyakan institusi yang ada menyimpan Manuskrip Melayu hanya mengkelaskan dan melabelkan koleksi mereka menurut nombor turut (*running number*) tanpa dikelaskan mengikut klasifikasi.

¹⁰⁹Ibrahim Kassim, "Masalah Dokumentasi Manuskrip Melayu" (makalah, Seminar anjuran bersama Persatuan Perpustakaan Malaysia dan GAPENA, 1976), 8-10

- iv) **Masalah pemeliharaan:** Masalah yang melibatkan pengurusan penyimpanan bagi tujuan memelihara fizikal manuskrip. Antaranya aspek suhu, kelembapan, pembaikan, tempat dan pegawai dan tenaga mahir yang berkemahiran dan layak mengendalikannya.
- v) **Masalah kajian:** Masalah ini disuarakan dengan menyatakan tindakan sewajarnya yang perlu dimainkan oleh mana-mana perpustakaan atau institusi yang memiliki manuskrip untuk menyediakan kemudahan bagi tujuan penyelidikan. Antaranya senarai katalog manuskrip, indeks atau bibliografi, koleksi manuskrip yang disusun secara teratur dan rapi, ruangan atau bilik untuk keselesaan penulis, peralatan menggunakan manuskrip dan kemudahan membuat salinan mikro atau *photocopy*. Selain itu jalinan hubungan di antara institusi atau perpustakaan yang mempunyai koleksi manuskrip sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa adalah penting dalam usaha menyediakan khidmat pinjaman atau perolehan koleksi di antara institusi.

Maka, permasalahan yang disenaraikan diberi penyelesaian dengan usaha mewujudkan Pusat Dokumentasi Manuskrip Melayu yang menggalas tanggungjawab seperti:

- i) Mengesan dan jika perlu membekalkan sama ada asli atau salinan manuskrip yang diperlukan oleh penyelidik.
- ii) Membuat katalog induk manuskrip untuk kemudahan rujukan dan penyelidikan.
- iii) Berfungsi sebagai repository *kebangsaan* bagi Manuskrip Melayu.
- iv) Berkhidmat sebagai clearing house dan pusat rujukan bagi maklumat dan pertanyaan dari dalam juga luar negeri berhubung dengan manuskrip.

Mengambil bahagian yang aktif dalam usaha mengatur program pertukaran maklumat mengenai manuskrip dan juga kemudahan pinjam-meminjam di antara perpustakaan di peringkat dalam dan luar negeri.

5.1 Institusi Yang Menyimpan Manuskrip Melayu di Malaysia

Menyorot beberapa institusi di negara ini yang mempunyai koleksi Manuskrip Melayu, penulis mengetengahkan beberapa institusi yang dilawati iaitu:

i) Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah antara institusi awal yang mengambil langkah melakukan pengumpulan Manuskrip Melayu dalam tahun 60an. Kini, jumlah koleksi yang terdapat di DBP adalah kira-kira 171 buah.usaha perolehan tidak serancak pada tahap awal kesedarannya disebabkan faktor peruntukan kewangan memandangkan untuk memperoleh sesebuah manuskrip memerlukan kepada bayaran yang sangat tinggi. Dari aspek pendokumentasian, pihak DBP menyediakan katalog manuskrip yang terdapat di dalam simpanannya.Manakala, dari sudut pemuliharaan, pada tahap awal penubuhan, DBP menyediakan kemudahan pemuliharaan.Namun, juga atas faktor kewangan dan keselamatan, pihak DBP mengambil inisiatif menjalankan pemuliharaan koleksi manuskrip simpanannya melalui syarikat yang menjalankan perkhidmatan tersebut.¹¹⁰

¹¹⁰Puan Fatimah Zahrin (Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka), dalam temu bual dengan penulis, 29 Oktober 2010.

ii) **Perpustakaan Universiti Malaya**

Melalui penerbitan katalog Manuskrip Melayu bertajuk '*Malay manuscripts a Bibliographical Guide*' karangan J.H Howard dalam tahun 1966 menunjukkan antara usaha serius yang dijalankan oleh institusi ini pada peringkat awal kesedaran mengenai Manuskrip Melayu. Kini, jumlah koleksi Manuskrip Melayu di Perpustakaan Universiti Malaya adalah 326 naskhah asal.¹¹¹

Namun, jumlah koleksi tidak bertambah memandangkan institusi ini hanya memelihara jumlah koleksi yang ada tanpa melakukan sebarang pengesanan dan perolehan baru terhadap Manuskrip Melayu. Bahkan, tidak ada sebarang peruntukan kewangan khusus untuk usaha memperolehinya.

Walau bagaimanapun, institusi ini hanya menjalankan aktiviti pemeliharaan bukan pemuliharaan secara langsung terhadap fizikal manuskrip. Antaranya pewasapan berkala, penyediaan tempat simpanan yang dilengkapi dengan peralatan dan keperluan asas terhadap manuskrip daripada rosak. Manakala, usaha pemuliharaan dari aspek kandungannya dijalankan melalui usaha pemindahan daripada bentuk asal kepada bentuk digital iaitu medium mikrofilem dan mikrofis.¹¹²

iii) **Arkib Negara Malaysia**

Arkib juga terdapat simpanan beberapa Manuskrip Melayu. Tetapi, mengambil kira bidang tugas arkib yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629), penafsiran 'arkib' ialah 'rekod yang dipelihara bagi

¹¹¹Puan Haslina Husain dan Noraslinda Sanusi (Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2010.

¹¹²Puan Haslina Husain dan Noraslinda Sanusi (Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya) dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2010. Serta lawatan ke bahagian Pemeliharaan dan Pemuliharaan Perpustakaan Universiti Malaya.

nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau keduanya'. Oleh itu, apabila Manuskrip Melayu yang ditafsirkan sebagai dokumen yang ditulis tangan atau ditaip dalam Bahasa Melayu, tulisan Jawi atau Rumi dan tidak diterbitkan, sudah tentunya akan meliputi kebanyakan surat-menyurat yang terdapat di dalam koleksi Arkib Negara yang dihasilkan atau diterima oleh pemerintah atau penjawat-penjawat awam. Di dalam penggunaan di Arkib, bahan-bahan manuskrip ini lebih dikenali dengan istilah 'rekod' atau 'arkib'.¹¹³

Maka, melalui pengistilahan ini jelas menunjukkan bahawa Arkib Negara Malaysia lebih memberi penekanan dan fokus kepada sumber-sumber berasaskan fail atau dokumen. Seperti institusi lainnya, Arkib juga memperoleh bahan melalui pemberian hadiah, pembelian, dan sebagainya. Mengambil kira faktor ini, tidak dinafikan terdapat beberapa manuskrip selain fail atau dokumen yang wujud di institusi ini. Hal ini berkemungkinan ianya diletakkan bersama koleksi fail dan dokumen yang diserahkan bersama oleh pemilik asal bahan tersebut kepada pihak Arkib.¹¹⁴

Seterusnya, melalui temubual yang dijalankan, informer menyatakan bahawa setelah penubuhan dan pengisytiharan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan kewujudan Pusat Manuskrip Melayu, segala urusan dan penyerahan Manuskrip Melayu oleh mana-mana

¹¹³ Samsiah Muhamad (Dr. Hajah) "Pemeliharaan Manuskrip Melayu: Koleksi Agung Warisan Dunia" (makalah, Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 10-11 Julai 2006).

¹¹⁴ En Zaidin Mohd Noor (Ketua Seksyen Perkhidmatan Repositori Arkib Negara Malaysia) dalam temubual dengan penulis, 21 Oktober 2010.

individu atau institusi ke Arkib Negara Malaysia akan dicadangkan untuk menyerahkannya kepada pihak Pusat Manuskrip Melayu.¹¹⁵

Namun, penulis tidak menafikan masih terdapat naskhah manuskrip Melayu yang tersimpan pada individu-individu tertentu dan institusi-institusi lain selain yang telah disebutkan di atas. Antaranya di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), dan beberapa lagi institusi lain.

5.2 Realiti Pengumpulan Manuskrip Di Malaysia

Ding Choo Ming (2003) menyatakan bahawa kalau suatu masa dahulu koleksi Manuskrip Melayu di institusi di Malaysia kecil jumlahnya berbanding dengan apa yang ada di United Kingdom, Netherlands dan negara-negara Eropah lain, gambaran tersebut kini telah berubah.¹¹⁶

Selain itu, Wan Ali Wan Mamat (1993) dalam laporannya mengenai pengesanan dan pendokumentasian Manuskrip Melayu di Selatan Sumatera dan Jawa Barat menyatakan bahawa jumlah Manuskrip Melayu yang terdapat di Sumatera adalah besar. Melalui usaha beliau ini, sejumlah 1,000 judul ditemui. Walau bagaimanapun, beliau percaya masih banyak Manuskrip Melayu yang masih belum dikesan dan didokumenkan.¹¹⁷

¹¹⁵*Ibid.*

¹¹⁶ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*, 47.

¹¹⁷ Wan Ali Wan Mamat, "Pengesanan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu di Sumatera, Indonesia," *Jurnal Filologi Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993), 141.

Namun, menyurut sejarah kesedaran mengenainya adalah penting. Kesedaran mengenai kepentingan Manuskrip Melayu telah mula timbul di kalangan institusi-institusi semenjak akhir tahun 50-an lagi tetapi usaha positif tidak diambil dengan serta merta. Usaha-usaha mula diambil hanya dalam tahun 60an apabila institusi-institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Malaya mengesan dan mengumpul manuskrip-Manuskrip Melayu untuk simpanan di perpustakaan masing-masing.¹¹⁸ Satu usaha secara bersungguh telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1963 untuk mendapatkan manuskrip-manuskrip dari kerabat-kerabat di raja di Kedah dan orang-orang perseorangan. Bahan-bahan tersebut diperolehi secara hadiah atau dibeli terus. Pada ketika itu harga sebuah manuskrip amat rendah jika dibandingkan dengan sekarang.

Manakala, perpustakaan Universiti Malaya pula melalui Usaha Penerbitan Mengenai Manuskrip Melayu Dengan Terhasilnya Buku '*Malay Manuscripts a Bibliographical Guide*' karangan J.H Howard dalam tahun 1966. Penerbitan ini didapati amat berguna kerana mengandungi maklumat asas mengenai manuskrip-manuskrip yang berada di dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya sama ada di dalam bentuk asal atau mikrofilem. Buku panduan ini juga menyenaraikan manuskrip-Manuskrip Melayu yang terdapat di institusi-institusi di Eropah seperti yang diketahui pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, Hamdan Hassan menyatakan hasil daripada maklumat yang beliau terima daripada Tuan Haji Ibrahim Ismail dari Universiti Malaya yang menyatakan bahawa dokumentasi terawal tentang manuskrip yang tersimpan di semenanjung ialah *Catalogue of Works dealing with linguistics and ethnography in the*

¹¹⁸Zakiah Hanum, "Pengesanan, Perolehan, dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu" (makalah, Seminar Manuskrip Melayu, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Kedah, 23 Oktober 1986), 2.

library of the federated Malays States Museums at Kuala Lumpur and Taiping yang disusun oleh I.H.N. Evans. Dokumentasi tersebut telah dicetak oleh Federated Malay States Printing Office, Kuala Lumpur pada tahun 1925.¹¹⁹

Seterusnya, beliau menyatakan bahawa usaha mengumpul manuskrip oleh institusi kerajaan meningkat dengan mendadak pada akhir 80an, mungkin kerana meningkatnya kesedaran pihak-pihak berkenaan akan perlunya manuskrip diselamatkan. Institusi utama yang aktif mengumpul ialah Pusat Islam, Perpustakaan Negara, dan Muzium Terengganu. Namun, jumlah sebenar tidak diketahui kerana senarai perolehan tidak diterbitkan.¹²⁰

Pelbagai aktiviti dan langkah yang telah dibincangkan dan diambil dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap Manuskrip Melayu khususnya pengumpulan dan pemuliharaan. Selain itu, jawatankuasa ini juga telah menyusulkan cadangan supaya ditubuhkan dan dipusatkan Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia.

Pada waktu-waktu itu usaha-usaha untuk mengesan dan memperolehi Manuskrip Melayu dijalankan sebagai kegiatan sampingan. Institusi-institusi menghadapi masalah disebabkan faktor-faktor kewangan, keutamaan dasar perolehan bahan-bahan khususnya bagi perpustakaan kekurangan kepakaran, dan lain-lain. Tahun-tahun lepas itu memperlihatkan minat yang kian bertambah di kalangan institusi dan orang ramai. Akhbar-akhbar dan majalah juga memainkan peranan masing-masing dengan menerbitkan makalah-makalah mengenai manuskrip di seberang laut seringkali dibincang hangat oleh ahli-ahli politik terutamanya semasa persidangan Parlimen. Dari sudut yang lain pula pihak-pihak yang berminat seperti Jabatan Pengajian Melayu,

¹¹⁹ Hamdan Hassan, "Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu," 108.

¹²⁰ *Ibid.*

Universiti Malaya, Gapena, dan lain-lain. Seringkali juga menyuarakan rasa keinginan melihat manuskrip-manuskrip itu atau sekurang-kurangnya salinan-salinannya diperolehi untuk menjadi khazanah negara.

Seterusnya perkara ini dibangkitkan berkali-kali di persidangan-persidangan tertentu anjuran pihak universiti tempatan. Satu seminar khusus mengenai Manuskrip Melayu diadakan pada 10 Oktober 1983 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Beberapa ketetapan yang penting telah dibuat di pertemuan sehari itu. Natijahnya, melalui pertemuan ini Perpustakaan Negara Malaysia diisytiharkan sebagai Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu. Kesimpulannya, di semua persidangan atau perjumpaan mengenai kebudayaan atau dokumentasi, Manuskrip Melayu menjadi topik dan fokus utama di dalam perbincangan sehingga para pustakawan mendapati perlu untuk memasukkan perolehan manuskrip di dalam kegiatan tahunan masing-masing. Perolehan ini dijalankan secara persendirian tanpa sebarang penyelarasan dari mana-mana pihak. Akibatnya, terjadilah keadaan yang tidak begitu sihat, di mana terdapat institusi-institusi berlumba untuk mendapatkan manuskrip dari koleksi-koleksi orang perseorangan.

Aziz Deraman¹²¹ dalam membicarakan masalah Manuskrip Melayu di Malaysia di Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu menyatakan bahawa di Malaysia setakat 1983 masih tidak kedapatan satu senarai induk manuskrip yang telah dikesan dan diterbitkan oleh mana-mana institusi. Sehingga tertubuhnya satu jawatankuasa yang

¹²¹ Aziz Deraman beliau merupakan mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Profesor Adjung di Universiti Utara Malaysia. Dilahirkan pada tahun 1948 dan merupakan anak kelahiran Kelantan Darul Naim. Dikenali sebagai budayawan-pentadbir, mendukung kekayaan warisan tradisi kebudayaan dan keagamaan. Beliau banyak diberi anugerah dan penghargaan di pelbagai peringkat sama ada di peringkat negara dan negeri. Antaranya D.P.S.K., D.S.P.N., J.S.M., K.M.N., D.M.M., dan pengiktirafan seperti A.S Pushkin Memorial Medal, Rusia (1999), Profesor Kehormat, Guangdong University Of Foreign Studies, China (2001), Anugerah Khas Presiden ABIM (2003), Anugerah Pencetus MASTERA, Indonesia (2005), Soka University Award of Honour (Education and Culture), Tokyo, Jepun (2006), Prof Adjung, Universiti Utara Malaysia (2007)

diberi nama Jawatankuasa Menyusun Katalog Induk Manuskrip Melayu Lama yang dianggotai oleh individu yang berkepakaran dalam Manuskrip Melayu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Prof Muhammad Haji Salleh (UKM), Raja Masittah Raja Ariffin (DBP) sebagai Setiausaha. Dan keanggotaannya terdiri daripada Dr. Harun Mat Piah (UKM), Prof. Madya Siti Hawa Salleh (UKM), Sdr. Abu Hassan Sham (UM), Sdr. Hamdan Hassan (UM) dan Puan Ruhani Rustam (DBP).

Sememangnya tujuan akhir kepada jawatankuasa ini ialah menerbitkan katalog induk disamping membincangkan dan melaksanakan hal-hal berkaitan Manuskrip Melayu. Antaranya ialah galakan yang meluas terhadap masyarakat yang mempunyai Manuskrip Melayu supaya tampil untuk menyerahkan khazanah berharga tersebut untuk didokumen dan dipulihara. Selain itu, usaha untuk mengesan dan memperoleh Manuskrip Melayu dalam simpanan kerabat diraja dan istana juga giat dilakukan. Selain itu, jawatankuasa ini juga mencadangkan supaya Manuskrip Melayu dipusatkan di suatu institusi dan Perpustakaan Negara adalah antara cadangan yang diketengahkan.¹²² Menurut Dr. Raja Masittah, hal ini kerana, usaha menjejak dan mendapatkan seterusnya memulihara manuskrip adalah suatu usaha yang berat dan harus dipersediakan dengan keperluan asas yang cukup dan berkesan. Antaranya ialah keperluan tenaga mahir, kewangan dan tempat penyimpanan.¹²³

Sehingga pada 1983, Perpustakaan Negara Malaysia telah diisytiharkan sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu ketika Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu oleh Dato Anwar Ibrahim pada ketika tersebut sebagai Menteri Belia dan Sukan. Bertepatan dengan pengisytiharannya sebagai pusat Kebangsaan, maka Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membuat tinjauan

¹²²Prof Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin (Pensyarah Universiti Putra Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 3 Disember 2010.

¹²³*Ibid.*

ringkas mengenai jumlah manuskrip yang terdapat di negara ini. Pada ketika itu didapati sejumlah lebih kurang 200 judul terdapat di perpustakaan Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Memandangkan jumlahnya terlalu sedikit dan menyedari bahawa negara kita semestinya masih mempunyai individu yang menyimpan khazanah berharga ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah membawa perkara ini kepada pihak kerajaan. Maka, menyedari bahawa manuskrip adalah khazanah berharga dan warisan yang merakamkan kebudayaan dan keintelektualan yang penting dipelihara dan dihargai, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Manuskrip Melayu pada 10 Julai 1985 dan dijadikan bahagian di bawah Perpustakaan Negara Malaysia.

6. Kesimpulan

Sesungguhnya, tradisi penulisan manuskrip yang merupakan hasil cetus minda dan kreativiti serta semangat keintelektualan cendekiawan merangkap penulis pada zaman awal tercetusnya mengalami sebuah perjalanan sejarah naik turunnya. Hal ini dilihat daripada faktor perubahan yang berlaku di rantau ini. Hingga akhirnya khazanah milik rantau ini dipunggah dan disimpan serta dipelihara dan dipulihara dengan baik sekali oleh 'pemungghanya'.

Hakikatnya, dalam usaha menyelamatkan dan menguruskan khazanah berharga dan unik ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Hal ini disebabkan faktor usia dan medium penulisannya yang pelbagai seperti kulit, kain, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, berbekalkan minat dan kesungguhan untuk memperoleh dan menyimpannya, masalah tersebut dapat diatasi dengan sebaiknya melalui langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kepupusannya. Antaranya mengambilkira aspek yang mengundang kepada kerosakannya, ianya dielakkan dan diatasi dengan penyediaan kelengkapan yang secukupnya.

Namun, realiti kesedaran di kalangan rantau serta negara kelahirannya hanya wujud setelah memperoleh kemerdekaan khususnya Malaysia. Di Malaysia, kesedaran mengenainya agak lewat iaitu hanya pada akhir tahun 1950-an hasil gembelingan tenaga pelbagai pihak terutamanya para sarjana yang terlibat secara langsung dengan khazanah berharga ini. Atas kerisauan dan kekhawatiran pelbagai pihak mengenai nasib yang bakal menimpa khazanah intelektual negara ini jika ianya terus dilupakan dan dibiarkan tanpa suatu usaha untuk menguruskannya, pelbagai usaha dilakukan. Antaranya seminar yang membincangkan perkara ini sehinggalah diisytiharkan Perpustakaan Negara Malaysia selaku gedung penyimpanan ilmu dan intelektual sebagai Pusat Kebangsaan khazanah berharga ini. Maka, melalui pengisytiharan dan amanah ini, seharusnya semua pihak baik individu atau institusi memberi kerjasama yang jitu dan padu dalam menjayakan dan merealisasikan tanggungjawab ini memandangkan manuskrip adalah khazanah negara dan hak masyarakat secara bersama sebagai dokumen berharga serta berstatus sumber premier negara.

BAB TIGA:

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: SEJARAH PENUBUHAN DAN BAHAGIAN MANUSKRIP MELAYU

BAB 3:
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: SEJARAH PENUBUHAN DAN
BAHAGIAN PUSAT MANUSKRIP MELAYU

1. Pendahuluan

Sejarah telah merakamkan bahawa kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini bergantung erat dengan kemajuan ilmu yang terdapat pada bangsanya. Hal ini kerana, ilmulah yang berfungsi membawa sesuatu bangsa tersebut ke darjat kemuliaan, kebahagiaan dan kekuasaan. Maka, perpustakaan merupakan tempat yang paling mudah untuk mengumpul dan menyebarkan ilmu pengetahuan.¹

Ditinjau dari sudut sejarah, didapati pelbagai bentuk perpustakaan telah pun wujud sejak daripada zaman awal tamadun lagi. Kesusasteraan tertua yang mempunyai hubung kait dengan perpustakaan yang pernah ditemui manusia ialah kesusasteraan orang Sumeria yang bertanggungjawab membina tamadun di Lembah Euphrates di Iraq.²

Tamadun orang Sumeria ini telah berkembang subur sehingga ke tahun 400 S.M. Mereka membangunkan perpustakaan-perpustakaan di Assyria dan Babylon untuk menyimpan tulisan-tulisan pahat yang diperbuat daripada tanah liat tersebut. Di antara perpustakaan terbesar yang mereka dirikan ialah perpustakaan yang diasaskan oleh raja Assurbanipal di istananya pada kira-kira tahun 600 S.M.³

Perpustakaan semakin bertambah bilangannya dari semasa ke semasa. Raja-raja dan paderi-paderi telah menubuhkan perpustakaan di istana dan gereja. Di samping itu,

¹ Abdullah Ibrahim, *Islam dan Ilmu Pengetahuan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 134.

² Azam bin Hamzah, *Sejarah Dan Tamadun Islam (711-1492 M)* (Selangor: Hizbi Sdn.Bhd, 1991), 46.

³ *Ibid.*, 47.

terdapat juga perpustakaan yang berasaskan oleh orang perseorangan. Kebanyakan perpustakaan ini menyediakan khidmat asas sebagai tempat untuk menjaga dan menyimpan rekod-rekod tertentu untuk kegunaan masa akan datang.

Tetapi apa yang lebih penting, Islam memperkenalkan idea baru dalam penggunaan perpustakaan. Mereka telah memperkenalkan idea bahawa perpustakaan bukan sekadar bangunan tempat menyimpan koleksi tulisan atau manuskrip yang diukir di atas tanah-tanah liat, daun-daun, gulungan kertas yang diperbuat daripada kulit atau buku-buku. Dengan kata lain perpustakaan bukan sekadar tempat menyimpan bahan-bahan purba. Tetapi, perpustakaan berperanan lebih dari itu. Ianya dijadikan gedung ilmu pengetahuan yang menjadi pendorong utama atau alat terpenting ke arah membebaskan umat manusia daripada kejahilan di dalam bidang intelektual dan kebudayaan. Umat Islam telah menyedarkan masyarakat dunia tentang keperluan dan kepentingan perpustakaan sebagai alat untuk menimba dan menyebarkan ilmu pengetahuan.⁴

Hal ini dilihat dengan tertubuhnya Perpustakaan Baitul Hikmah pada zaman kegemilangan Islam oleh Khalifah Harun al-Rasyid dan diperluaskan pada zaman pemerintahan al-Makmun. Peranan dan aktiviti perpustakaan yang diasaskan ini bukan sekadar menjalankan tugas asasnya. Namun, menjalankan aktiviti penterjemahan, penyalinan dan penjilidan. Pada zaman tersebut pemerintah menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi dalam aspek mengembangkan ilmu pengetahuan. Perpustakaan seperti yang terdapat di Baghdad, Iraq mempunyai koleksi buku dan pelbagai manuskrip yang besar. Di Sepanyol pula terdapat 70 buah perpustakaan yang didirikan

⁴ *Ibid.*

di bandar-bandar utama, dan perpustakaan yang terbesar ialah Cordova yang mempunyai koleksi antara 400,000 hingga 600,000 naskhah.⁵

Maka jelas bahawa betapa masyarakat terdahulu membina ketamadunan keilmuan melalui infrastruktur perpustakaan yang berfungsi sebagai sarana penyimpan karya yang pelbagai. Berinspirasi contoh dan tauladan ini serta seiring dengan kepesatan dunia tanpa sempadan kini, penubuhan perpustakaan adalah suatu infrastruktur yang tidak ketinggalan mengalami perkembangan yang positif dan dijadikan institusi penting di setiap negara sebagai tempat penyimpanan dan rujukan masyarakat. Tidak keterlaluan pada hemat penulis dalam menyatakan bahawa perpustakaan berfungsi sebagai 'Pusat Sumber Ilmu' (*Knowledge Research Centre*) yang menyerupai sebuah empangan ilmu (*reservoir of knowledge*) yang dapat mengumpul, menapis dan menyalurkan ilmu pengetahuan yang terpilih dan terkini kepada masyarakat yang kian dahagakan ilmu.

Bertepatan dengan ledakan transformasi teknologi, sumber maklumat diinterpretasikan dalam pelbagai bentuk sama ada berbentuk bahan bercetak, bahan tidak bercetak, dan bahan digital. Namun, suatu khazanah ilmu yang tidak dapat dinafikan dan diketepikan ialah bahan berbentuk manuskrip asal yang merupakan khazanah warisan keintelektualan ilmunan silam.

Menyedari peranan perpustakaan sebagai sarana penyimpan khazanah ilmu dan intelektual ini, Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun sudah pastinya tidak ketinggalan dalam memandang serius dan mengambil langkah positif ke arah penubuhan perpustakaan. Bertitik tolak kesedaran ini, tertubuhnya PNM (PNM) sebagai

⁵ Oli Mohamed, "Knowledge and Librarian" (makalah, Kongres Pustakawan Dan Ahli Sains Maklumat Muslim, Universiti Utara Malaysia (UUM), 20-22 Oktober 1986), 1.

suatu mercu tanda bahawa betapa kemajuan dari aspek keilmuan dan keintelektualan adalah suatu infrastruktur yang diberi penekanan.

Menyedari hakikat peranan dan fungsi yang dimainkan oleh perpustakaan sebagai gedung penyimpanan pengetahuan, PNM dengan berbekalkan keazaman ingin bersama dan seiring dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju pada masa hadapan telah diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan tugas-tugas merekod dan memberi perkhidmatan sumber maklumat perpustakaan kepada generasi masa kini. Maka sangatlah bertepatan pengisytiharannya sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu oleh pihak kerajaan ketika khazanah berharga itu masih dalam kondisi yang tidak menentu sebagai suatu jaminan kepada sebuah pelestarian hayatnya.

2. Latar Belakang Penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia

Dalam memahami perkembangan institusi ini, usaha menyorot latar belakang perjalanan sejarahnya adalah perlu. Senario perkembangan perpustakaan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1817 dengan penubuhan perpustakaan awam di Pulau Pinang. Gerakan penubuhan yang lebih terancang bermula melalui usaha *Adult Education Association* di Perpustakaan Tanah Melayu.⁶ Melalui kerjasama bersama persatuan *Malayan Library Group* pada tahun 1955 *Memorandum on Public Library Services for the Education of Malaya* telah disediakan untuk dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu bagi mencadangkan penubuhan sistem perpustakaan di seluruh negara. Konsep perpustakaan yang dicadangkan ketika itu ialah berasaskan kepada pengwujudan satu Lembaga Perpustakaan Kebangsaan yang

⁶ Perpustakaan Negara Malaysia, *Pustaka Warisan Bangsa* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1996),1.

akan mempunyai kuasa eksekutif bagi menyediakan perkhidmatan perpustakaan awam ke seluruh negara.

Walau bagaimanapun usaha ini tidak membuahkan hasil yang positif. Dua tahun kemudian satu lagi memorandum iaitu *A Public Library Services for the Federation of Malaya* disediakan oleh *Persatuan Malayan Library Group* untuk membangkitkan isu yang sama kepada Kementerian Pelajaran.⁷ Selain itu, terdapat juga suara-suara luar yang turut menyokong ke arah pengwujudan perpustakaan, antaranya seruan dari persatuan Siswazah Universiti Malaya yang mahu hasrat penubuhan perpustakaan direalisasikan oleh pihak pemerintah Tanah Melayu.

Meskipun desakan lantang disuarakan oleh beberapa persatuan namun usaha untuk mewujudkan institusi ini masih gagal. Pada tahun 1959 pihak kerajaan mula memberi perhatian secara rasmi apabila Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada ketika itu sendiri membangkitkan desakan ini. Walaupun pada dasarnya Kementerian Pelajaran menyokong penubuhan Perpustakaan Negara, namun masih tidak dapat menunaikan tuntutan ini kerana memberi tumpuan yang besar kepada agenda pembangunan pendidikan formal.⁸

Seterusnya, era 60-an menampilkan ‘bunga-bunga’ ke arah keberjayaan penubuhan PNM melalui usaha serius yang diambil. Hal ini dilihat apabila kabinet bersetuju memindahkan tugas-tugas mengenai hal ehwal penubuhan perpustakaan kepada Jabatan Perdana Menteri melalui cadangan Kementerian Pelajaran. Jabatan Perdana Menteri juga bertanggungjawab terhadap hal ehwal arkib. Melalui pemindahan ini, pada tahun 1963 Jabatan Perdana Menteri telah meminta pengarah Arkib mengkaji

⁷ *Ibid.*, 2.

⁸ *Ibid.*, 3.

dan menyediakan laporan mengenai penubuhan sebuah Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur. Desakan ini turut diperjuangkan oleh presiden-presiden Persatuan Perpustakaan Malaysia, terutamanya Tuan Syed Ahmad bin Ali.⁹

Kemudian, pada 16 Februari 1966 hasil daripada laporan tersebut sebuah jawatankuasa PNM telah ditubuhkan untuk mengkaji aspek-aspek seperti fungsi, kewangan, kakitangan serta bangunan perpustakaan. Badan ini dipengerusikan oleh Setiausaha tetap di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Jamil bin Abdul Rais dan dianggotai oleh wakil dari beberapa Kementerian Penerangan, Pustakawan Universiti Malaya dan Pengarah Arkib Negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, ketika mana perjalanan proses ini berlangsung, langkah mewujudkan Perpustakaan Negara telah bermula dengan langkah pertama mewujudkan Perkhidmatan Bibliografi Negara di bawah pengawalan Arkib Negara. Unit ini menjalankan tugas menyediakan Bibliografi Negara, Indeks Majalah, Indeks surat khabar dan Katalog Induk. Pada tahun 1966 juga diwujudkan Unit Perkhidmatan Bibliografi Negara secara rasmi oleh Jabatan Perdana Menteri dengan menguruskan tugas-tugas pelaksanaan mengikut Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 (Akta 35).¹⁰ Kemudian, unit ini ditukarkan kepada Perkhidmatan Perpustakaan Negara serta diperbesarkan dengan tambahan jawatan serta mewujudkan jawatan Penolong Pengarah untuk mentadbir unit berkenaan.

Natijahnya, hasil daripada kajian yang telah dipertanggungjawabkan pada dasarnya, kabinet bersetuju untuk menubuhkan Perpustakaan Negara dan bersedia menerima seorang Pakar Perunding dari UNESCO sebagai penasihat kepada projek

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, 3.

penubuhan Perpustakaan Negara. Kabinet juga bersetuju membentuk Jawatankuasa Rayuan Derma Perpustakaan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan yang bertindak menguruskan hal ehwal pendermaan dari masyarakat umum untuk pembiayaan penubuhan institusi ini. Antara sumbangan permulaan yang diterima dari aspek kewangan ialah daripada Yayasan Lee yang telah menyumbang sebanyak RM 500,000 atas dasar 'ringgit ke ringgit' bagi memulakan tabung Perpustakaan Negara ini.¹¹

Dengan hasil usaha dan langkah gigih yang dilaksanakan, akhirnya pada tahun 70-an menampakkan hasrat murni ini semakin dekat direalisasikan. Hal ini dilihat melalui penubuhan Perpustakaan Negara sebagai bahagian Khas dalam Jabatan Arkib Negara oleh kabinet pada tahun 1971. Berikutan keputusan yang telah diputuskan ini, nama Jabatan Arkib Negara dipinda dan Perpustakaan Negara di bawah pentadbiran seorang Ketua Pengarah. Sir Harold White, bekas Pustakawan Negara Australia telah dilantik menjadi penasihat terhadap penubuhan Perpustakaan Negara bermula November 1970 hingga Februari 1971. Melalui bantuan beliau, Rang Undang-undang Perpustakaan Negara telah dibentuk dan dibahaskan di parlimen.

Selain itu, tahun 70-an juga menyaksikan PNM terus mengorak langkah dari aspek infrastruktur. Hal ini kerana, bangunan PNM dari bangunan Persekutuan, Petaling Jaya ke bangunan kerajaan di Jalan Perdana (dahulunya Jalan Venning). Pada tahun 1972 beberapa bahagian perkhidmatan telah dipindahkan ke Tingkat 6 dan 7, Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman Kuala Lumpur. Pada ketika ini, PNM telah menawarkan perkhidmatannya kepada orang ramai buat pertama kalinya. Selain itu, pada tahun 1972 juga menyaksikan keserlahan fungsi dan peranan PNM melalui pewartaan Akta

¹¹ *Ibid.*, 5.

Perpustakaan Negara 1972. Seterusnya, pada tahun 1977 menyaksikan bahawa PNM menjadi Jabatan Kerajaan Persekutuan dan diletakkan di bawah naungan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seterusnya, pada 1980-an membawa banyak perubahan dari segi struktur dan pentadbiran organisasi bersesuaian dengan perkembangan institusi ini. Dalam menghadapi cabaran yang sedang dan bakal dihadapi, susunan semula organisasi penting dilaksanakan. antara peristiwa penting dan bersejarah dalam era 1980-an juga ialah pada tahun 1982, PNM telah dilantik sebagai pusat Kebangsaan bagi *International Standard Book Number (ISBN)*. Seterusnya, kredibiliti dan kemampuan Perpustakaan Negara juga diakui dengan pengisytiharannya sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu pada 1983.

Hal ini memperlihatkan akan penambahan fungsi dan tanggungjawab PNM sebagai gedung penyimpan khazanah ilmu pengetahuan negara. Rentetan daripada itu, akta sedia ada telah dipinda menjadi Akta PNM (Pindaan) 1987 yang mana melalui akta ini tanggungjawab serta fungsi Ketua Pengarah telah diperkukuhkan dan dimantapkan serta PNM telah diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Selain itu, Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 juga telah dikuatkuasakan menggantikan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 untuk memastikan PNM dapat berfungsi sebagai Pusat Penyerahan Negara.

Selain itu, selaku institusi yang seiring dalam pengaplikasian teknologi dalam urusannya, pada tahun 1988 PNM memperoleh sistem komputer pertamanya. Pada tahun ini juga Dasar Negara bagi perpustakaan dan perkhidmatan maklumat telah diluluskan oleh parlimen. Seiring dengan perkembangan ledakan teknologi maklumat,

PNM juga berusaha menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1990, PNM memulakan Sistem Katalog Awam Dalam Talian atau dikenali *Online Public Access Catalogue* (OPAC) yang membolehkan pengguna perpustakaan mencari sumber maklumat yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia melalui talian. Selain itu, era 1990-an sekali lagi menyaksikan perkembangan PNM dari aspek infrastruktur iaitu dengan perpindahan ke bangunan baru di Jalan Tun Razak pada tahun 1992. Dengan penuh azam untuk menjadikannya pusat sumber terulung bagi rakyat Malaysia kini dan masa depan.

Pada tahun 1993 juga, Perpustakaan Negara telah menubuhkan tiga bahagian penting bertujuan untuk memesatkan lagi fungsi Perpustakaan Negara ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Bahagian yang diwujudkan ialah Bahagian Perhubungan Awam, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan Pusat Sumber Media. Seterusnya, pada tahun 1994 juga menyaksikan satu lagi peristiwa penting dalam sejarah institusi ini iaitu Majlis Perasmian Bangunan Perpustakaan Negara yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri pada 16 Disember 1994. Detik ini melambangkan satu kejayaan besar hasil dari perjuangan dan ketekunan semua pihak yang terlibat dalam usaha merealisasikan penubuhan Perpustakaan Negara.

Kemudian, pada tahun 2002 menyaksikan usaha PNM dalam penstrukturan semula PNM diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Penstrukturan semula ini adalah penting dalam memastikan gerak kerja dan fungsinya dapat dimainkan dengan lancar dan efisien.

2.1 Objektif Penubuhan

“Perpustakaan Negara sangatlah penting bagi kita dan keturunan kita. Sebagai sebuah negara yang masih muda, kita perlu menyimpan catitan-catitan sejarah peristiwa-peristiwa semasa untuk rujukan masa depan dan untuk generasi akan datang. Sejarah negara kita mestilah dipelajari anak-anak kita. Sesebuah negara tidak boleh menjadi negara yang agung jika tidak terdapat apa-apa untuk direnung kembali dan jika tidak terdapat catitan-catitan kejayaan masa lalu”.¹²

Nadi sesebuah negara terletak kepada teras pendidikan rakyatnya. Untuk mencari dan mendapatkan kemudahan tersebut bergantung kepada acuan dan falsafah pendidikan yang disediakan. Bagi memenuhi keperluan ini, Perpustakaan Negara ditubuhkan pada tahun 1966 atas kesedaran untuk menjamin khazanah ilmu warisan dan kemajuan bahan maklumat terkini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

PNM ditubuhkan atas kesedaran untuk memimpin negara dalam mengejar ilmu global pada hari ini. Kewujudan institusi ini adalah untuk menjadi jambatan antara masyarakat dan ilmu melalui pembacaan dan berdiri teguh sebagai wadah maklumat, pendidikan dan penyelidikan yang dinamik serta sentiasa berubah mengikut peredaran zaman teknologi maklumat. Penubuhannya berdasarkan pertimbangan dan tujuan menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan satu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan.

Pada 28 November 1985, Dasar Buku Negara telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan keadaan yang dapat menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan buku serta menjadikan perusahaan penerbitan sebagai satu faktor pembangunan sosial, pendidikan, intelektual dan kebudayaan.¹³

¹² Ucapan oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein semasa lawatan ke PNM pada 19 Oktober 1973.

¹³ Ismail Hussein, “Dasar Buku, Dasar Bahasa dan Budaya Ilmu”, (Kuala Lumpur: Berita Buku Malaysia, Majlis Kemajuan Buku Lisan, April, 1981), 14-15.

Selain itu, PNM ditubuhkan untuk melahirkan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan. Kepimpinan yang meliputi aspek-aspek pengurusan yang melibatkan fungsi dan peranan pustakawan dan individu-individu yang terlibat dengan perpustakaan. Secara kesimpulannya, objektif PNM yang telah digariskan ialah;¹⁴

- i) Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan.
- ii) Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara.
- iii) Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

2.2 Logo

Menyorot sejarah pembinaan ketamadunan kemanusiaan dalam aspek keilmuan dan keintelektualan yang mana menjadikan perpustakaan adalah pusat menghimpun khazanah ini, hal ini dilihat dan interpretasikan oleh PNM melalui logonya. Logo ini dilancarkan pada tahun 1996.¹⁵

2.3 Konsep

Konsep yang diterapkan di dalam logo ini ialah berasaskan simbol tengkolok dan buku yang melambangkan ilmu pengetahuan sebagai asas bagi melahirkan masyarakat maju, berbudaya membaca.¹⁶

¹⁴ Portal Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia, <http://www.pnm.gov.my/index.php?id=3190>, 27 September 2010.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

Gambar 3.1: Logo PNM



Sumber: *Laman sesawang rasmi PNM, www.pnm.gov.my*

Manakala, warna yang digunakan dan bentuk yang telakar memainkan peranan dalam memberi tafsiran kepada logo tersebut. Warna biru melambangkan kestabilan dan keharmonian. Manakala warna merah pula memberi tafsiran kekuatan, dinamik dan agresif.

Seterusnya, lapisan buku yang terbentuk melambangkan semua masyarakat yang bekerjasama untuk mencapai hasrat dan inspirasi PNM menuju kejayaan. Bentuk piramid pula melambangkan mercu kejayaan, keutuhan dan kestabilan. Manakala, garisan padu melambangkan simbol teknologi maklumat. Akhir sekali, lapisan garisan yang teratur melambangkan keharmonian dan semangat kerjasama di antara masyarakat luar dengan PNM. Maka, secara teorinya, logo yang tercipta adalah amat selari dengan peranan dan tujuan penubuhan sebuah institusi perpustakaan.

2.4 Perkhidmatan

PNM menyediakan perkhidmatan berteraskan kepada teras perkhidmatan yang telah digariskan iaitu:¹⁷

- i) Menerajui pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan di Malaysia.
- ii) Pemeliharaan koleksi intelek negara bagi penjanaan ilmu.

¹⁷ *Ibid.*

- iii) Memperkukuh penyampaian perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
- iv) Meningkatkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan melalui ICT.
- v) Penggerak program membaca.

Seperti objektif yang telah dinyatakan di atas iaitu penubuhan yang berobjektifkan kemudahan dan penyediaan sumber perpustakaan kepada generasi kini dan akan datang serta mendepani hal-hal yang berkaitan perpustakaan, pihak PNM menyediakan perkhidmatan yang sewajarnya. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi perkhidmatan kepada orang awam, penerbit buku dan perpustakaan. Setiap peringkat disediakan perkhidmatan yang tertentu seperti berikut:

- i) Untuk Orang Awam
 - a) Perkhidmatan Rujukan.
 - Perkhidmatan Penasihat Pembaca.
 - Perkhidmatan Pemakejan Maklumat.
 - Perkhidmatan Mikrofilem Suratkhobar.
 - Perkhidmatan Malaysiana.
 - Perkhidmatan rujukan penyelidikan.
 - Perkhidmatan terbitan bersiri umum.
 - Perkhidmatan rujukan koleksi media elektronik.
 - Perkhidmatan rujukan Manuskrip Melayu.
 - b) Perkhidmatan pinjaman.
 - c) Perkhidmatan digital.
 - d) Pendaftaran keahlian.
 - e) Perkhidmatan bilik karek.
 - f) Perkhidmatan fotokopi.
 - g) Gerakan literasi maklumat.

- h) Sesi pendidikan pengguna.
- i) Perkhidmatan maklumat komuniti.
- j) Semak status permohonan online keahlian PNM.

ii) Untuk Penerbit

- a) Permohonan International Standard Serial Number (ISSN).¹⁸
- b) Penkatalogan dalam talian.
- c) Permohonan International Standard Book Number (ISBN).¹⁹

iii) Untuk Perpustakaan

- a) Sistem Pembekalan Penerbitan.
- b) Perkhidmatan Pemuliharaan.
- c) Khidmat Nasihat dan perundingan.
- d) Kerjasama dengan perpustakaan lain.

Mengenai kerjasama antara PNM dengan perpustakaan lain, antaranya:

- a) **PERPUN (Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia):** merupakan forum kerjasama di kalangan ketua-ketua perpustakaan universiti dan Ketua Pengarah PNM. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai pengwujudan rangkaian perpustakaan elektronik di institusi pengajian tinggi, perkhidmatan maklumat terkini secara elektronik antara perpustakaan akademik Malaysia dan skim perolehan bahan secara usahasama.

¹⁸ ISSN ialah number unik yang mengandungi 8 angka sebagai satu kod pengenalan bagi setiap terbitan bersiri keluaran negara. Dengan menghantar semua judul terbitan bersiri yang telah diberi nombor ISSN ke pusat ISDS antarabangsa di Paris, Perancis ianya dapat diperkenalkan di peringkat antarabangsa. PNM bertanggungjawab memberi ISSN (*International Standard Serial Number*) kepada semua terbitan bersiri yang diterbitkan di Malaysia.

¹⁹ *International Standard Book Number* (ISBN) merupakan satu kod unik antarabangsa yang mempunyai 10 angka untuk memberi identiti kepada satu judul buku atau edisi baru judul buku dari penerbit. PNM dilantik sebagai pusat Kebangsaan bagi ISBN sejak tahun 1982.

- b) **SCOM (Sub-Committee on Microforms):** Hubungan dan kerjasama yang terjalin di antara Persatuan Pustakawan Malaysia dan Persatuan Perpustakaan Singapura (Library Association of Singapore) telah berjaya mewujudkan *Sub-Committee On Microforms* (SCOM) pada bulan Mei 1968. Walau bagaimanapun, pihak SCOM Singapura telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan keanggotaan dalam SCOM apabila beberapa projek telah dilaksana dan disempurnakan bersama-sama dengan Persatuan Pustakawan Malaysia. Oleh itu, mulai 1980, SCOM di Malaysia telah wujud sebagai sebuah Jawatankuasa Kecil Mengenai Bahan Mikro di bawah *Joint Standing Committee on Bibliographic Services and Library Cooperation* (BILCO).
- c) **MAPEG (Majlis Perpustakaan Khusus Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan):** Merupakan gabungan wakil-wakil dari perpustakaan khusus dalam Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Majlis ini ditubuhkan dengan rasminya pada 17 Oktober 1998.
- d) **Kumpulan Pengguna VTLS (Virginia Technical Library System):** Kumpulan pengguna VTLS telah ditubuhkan pada 17 Ogos 1999 dengan 7 keanggotaan iaitu PNM, Universiti Putra Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Pusat daya Pengeluaran Negara (NPC), Jabatan Perdana Menteri, Institut Latihan Diplomatik dan Hubungan Luar Negari (IDHL) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang. Penubuhan kumpulan pengguna ini adalah untuk bersama-sama berkongsi pengalaman dalam mengendalikan perisian VTLS.

- e) **Perpustakaan CDS/ISIS:** PNM merupakan pusat pengedaran kebangsaan bagi perisian mikro CDS/ISIS yang direkacipta oleh UNESCO. Perisian CDS/ISIS dan WINISIS merupakan perisian yang boleh dimanfaatkan dalam membina pangkalan data khusus bagi perpustakaan.
- f) **ASEAN-COCI (Asean Committee on Culture and Information):** Merupakan jawatankuasa dalam bidang kebudayaan dan maklumat di peringkat ASEAN. Di bawah projek ini terdapat dua jawatankuasa di peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Jawatankuasa Kecil Kebudayaan. PNM menganggotai Jawatankuasa Kecil Kebudayaan di mana terdapat kaitan dengan maklumat dan perpustakaan.
- g) **NLG-SEA (National Library Group Southeast Asia):** NLG-SEA diwujudkan berkaitan dengan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perpustakaan Negara Asia Tenggara yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 7 Mei 1994. Ianya merupakan satu gabungan Ketua-Ketua Perpustakaan Negara di Asia Tenggara untuk menjalankan projek kerjasama di kalangan Perpustakaan Negara di rantau ini.
- h) **CONSAL (Congress of Southeast Asian Librarians):** Merupakan forum di kalangan Pustakawan dari negara Asia Tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek bersama khususnya menganjurkan persidangan dalam jangkamasa tiga tahun sekali. PNM menjadi anggota CONSAL pada tahun 1970. Lembaga Eksekutif yang bertanggungjawab di atas perancangan dan penyelaras aktiviti CONSAL

dan anggotanya terdiri daripada 3 wakil dari Perpustakaan Malaysia. Urusetia Tetap CONSAL bertempat di Singapura mulai tahun 2000.

- i) **CDNLAO (Conference of Directors of National Library of Asia and Oceania):** Merupakan persidangan bagi Pengarah Perpustakaan Negara di Asia dan Oceania.

- j) **Memory of the World:** Laman web ini dibangunkan dengan tujuan pemeliharaan khazanah bangsa dan negara bagi negara-negara Asean seperti Malaysia, Indonesia, Philipines, Thailand, Vietnam, Cambodia, Myanmar dan Laos.

- k) **IFLA (International Federation of Library Associations and Institutions):** Merupakan gabungan Persatuan Perpustakaan di peringkat antarabangsa. PNM menjadi ahli institusi bagi persatuan ini dengan melibatkan diri secara berutus surat. Sebagai ahli institusi, PNM mendapat faedah dan menerima pelbagai penerbitan dan maklumat - jawatankuasa kerja IFLA, pelbagai penulisan dan hasil kajian yang dijalankan oleh IFLA dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan dan profesionalisme kepustakawanan khususnya dalam usaha kerjasama di peringkat antarabangsa.

- l) **APINESS (Program Asia-Pacific Information Network in Social Science):** Suatu program yang diwujudkan di bawah pertubuhan UNESCO pada awal tahun 1986. Ia bertujuan untuk menyelaraskan pengumpulan dan penyebaran maklumat dan aktiviti dalam bidang perkara sains sosial di

negara Asia dan Pasifik. Sejak 1986, mesyuarat diadakan tiap-tiap tahun di antara pakar sains sosial dan pakar maklumat mengenai sains sosial untuk membincangkan perkembangan yang berlaku di negara masing-masing. Tiap-tiap negara melantik sebuah institusi yang bertindak sebagai National Contact Point dan pegawai yang dilantik bertindak sebagai "*liaison office*" bagi negara.

m) **ASTINFO (Regional Network for the Exchange of Information and Experience in Science and Technology for Asia and Pacific Region):**

Merupakan salah satu program UNESCO berkaitan dengan rangkaian pertukaran maklumat dan pengalaman mengenai sains dan teknologi di kalangan negara rantau Asia Pasifik. PNM telah dilantik oleh Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia sebagai pusat penyelaras ASTINFO semenjak tahun 1984.

n) Senarai Pusat Sumber Malaysia di Luar Negara.

2.5 **Visi Dan Misi PNM**²⁰

Semestinya bertepatan dengan objektif penubuhan PNM sebagai gedung warisan ilmu, pihak pengurusan telah menetapkan beberapa perancangan strategik yang dijadikan panduan dan falsafah dalam usaha memastikan hala tuju institusi ini. Hal ini penting kerana, bagi memastikan kewujudan institusi ini sentiasa diperlukan dan fungsinya serta peranannya relevan kepada masyarakat dan negara. Dalam usaha **memastikan institusi ini sentiasa terkehadapan dalam membina koleksi dan menampung khazanah ilmu**, sebuah jawatankuasa telah ditubuh untuk merangka

²⁰ Laman sesawang rasmi PNM, <http://www.pnm.gov.my>, dicapai 27 September 2010

perancangan strategik PNM. Empat konsep iaitu falsafah, wawasan, misi, dan strategi dijadikan sebagai asas penting bagi memastikan institusi ini dapat mengorak langkah secara konsisten.²¹

Konsep falsafah yang cuba ditekankan ialah aspek pembinaan insan yang berbudaya maju dan cintakan ilmu pengetahuan. Sikap kecintaan ini pula ada hubungannya dengan minat membaca sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya kesan dari amalan ini akan terhasil penciptaan baru yang kreatif dan inovatif sekaligus dapat memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.²²

Dalam usaha mencapai maksud tersebut, prasarana perpustakaan juga perlu diambil kira. Konsep wawasan yang terangkum di dalam perancangan ini melihat bahawa untuk mewujudkan persekitaran pembacaan yang baik serta sistem perolehan maklumat secara cekap, kualiti pengurusan dan kemudahan perlu diberi perhatian. Perpustakaan Negara sebagai perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan wawasan 2020 ke arah sebuah negara perindustrian yang maju. Perkaitan antara konsep wawasan dan imej PNM sendiri telah memberi ruang yang luas kepada institusi ini menjadi penyalur sumber ilmu yang canggih pada masa hadapan.²³

Konsep misi pula menekankan kepada aspek fungsi dan sumbangan perpustakaan itu sendiri. PNM dicetuskan atas kesedaran untuk kesinambungan ilmu pada masa hadapan. Misi PNM adalah memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan secara saksama serta berupaya

²¹ Perpustakaan Negara Malaysia, *Maklumat Mengenai Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 3.

²² *Ibid.*, 4

²³ *Ibid.*

mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui prasarana perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara. Misi yang telah ditetapkan oleh PNM ialah:²⁴

- i) Memimpin dalam pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat.
- ii) Menjadi pusat kecemerlangan warisan intelek negara.
- iii) **Mengurus dan menyediakan kemudahan akses sumber maklumat negara.**
- iv) Menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia.

Akhirnya, konsep yang agak penting dalam perancangan strategik ini ialah strategi yang disusun dalam memastikan imej institusi ini sebagai gedung khazanah utama negara tidak dipandang kecil dan kewibawaan serta kredibilitinya dipertikai. Pihak pengurusan telah menyusun strategi sebagai langkah untuk mencapai tahap pengurusan dan penyediaan perkhidmatan yang baik;

- i) Meningkatkan kompetensi dalam bidang kepustakawanan pada tahun 2010.
- ii) Menggubal Pelan Penggantian kepimpinan PNM bagi semua grad anggota setiap 5 tahun sekali.
- iii) Meningkatkan pembangunan perpustakaan.
- iv) Membangunkan pelan induk prasarana perpustakaan di Malaysia menjelang 2015.
- v) **Memantapkan koleksi perpustakaan yang lebih komprehensif dan terkini.**
- vi) Mewujudkan Pusat Pemuliharaan Bahan Audio Visual dan Digital.

²⁴ *Ibid.*, 4.

- vii) Membangunkan persepakatan strategik dengan industri buku menjelang tahun 2009.
- viii) Membangunkan *knowledge hub* mengikut bidang perkara bagi perkongsian maklumat.
- ix) **Memantapkan peranan Pusat Maklumat Malaysiana sebagai Pusat Kecemerlangan Malaysiana.**
- x) Membangunkan program literasi maklumat sehingga akhir tahun 2009.
- xi) Mendekatkan masyarakat dengan perpustakaan (*library 2 u*).
- xii) Mempertingkatkan program membaca dalam menerapkan amalan membaca rakyat Malaysia.
- xiii) **Mempertingkatkan program pembudayaan penggunaan tulisan Jawi bagi masyarakat Malaysia.**
- xiv) Memperluaskan perkhidmatan perpustakaan digital menjelang 2015.
- xv) Menggubal Pelan Pelaksanaan Pendigitan Koleksi sebelum 2009.
- xvi) Menjadikan PNM sebagai '*clearinghouse*' bagi terbitan digital menjelang 2020 melalui kuasa pentadbiran (*administrative power*)

Maka, bertepatan dengan visi yang telah ditetapkan iaitu sebagai peneraju pembangunan, perkhidmatan, kepimpinan perpustakaan bertaraf dunia, PNM menetapkan wawasan, falsafah, misi dan objektifnya yang terarah di samping penyediaan perkhidmatan yang sepatutnya. Ianya dilihat melalui interpretasi pelaksanaan fungsi yang dimainkan. Melalui visi dan misi dalam usaha memastikan institusi ini terkehadapan menyediakan pelbagai sumber maklumat kepada pengguna, PNM tidak mengeneipkan beberapa aspek yang mempunyai kaitan langsung dengan manuskrip Melayu. Antaranya mempertingkatkan program pembudayaan penggunaan

tulisan Jawi bagi masyarakat Malaysia. Maka, secara tidak langsung ianya mempunyai kaitan langsung dengan manuskrip yang ditulis menggunakan tulisan ini.

2.6 Fungsi Utama PNM²⁵

Berteraskan dasar kualiti iaitu "PNM komited untuk memberi perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti dan bertanggungjawab memelihara khazanah warisan sumber ilmu malaysiana bagi memenuhi kepuasan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan amalan penambahbaikan berterusan", PNM memainkan fungsi yang signifikan dalam memenuhi dasar tersebut. Maka, atas kesedaran ini, PNM menetapkan tiga fungsi utamanya yang dimanifestasikan melalui tiga aktiviti utamanya iaitu Aktiviti Pengurusan, Aktiviti Pembangunan Perpustakaan dan Aktiviti Perkhidmatan Maklumat. Kemudian, setiap aktiviti yang ditetapkan dibahagikan pula dengan sub-aktiviti atau bahagian tersendiri yang efektif. Tiga fungsi utama dan sub-aktiviti yang telah ditentukan ialah;

Jadual 3.1: Fungsi PNM Melalui Aktiviti dan Sub Aktiviti

AKTIVITI	SUB-AKTIVITI	BAHAGIAN
PENGURUSAN	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
		Pembangunan Sumber Manusia
	Perancangan dan Perhubungan Korporat	Perancangan dan Dasar Korporat
		Penyelidikan Perpustakaan
		Penerbitan
	Teknologi Maklumat	Teknologi Maklumat
	Audit Dalam	Audit Dalam
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN	Prasarana Ilmu dan Maklumat	Rangkaian Perpustakaan
		Khidmat Nasihat dan Perundingan
		Rangkaian Sistem Perpustakaan
		Gerakan Literasi Maklumat

²⁵ Laman sesawang rasmi PNM, <http://www.pnm.gov.my/index.php?id=3190>, 27 September 2010.

AKTIVITI	SUB-AKTIVITI	BAHAGIAN
	Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
		Pusat Bibliografi Negara
		Khidmat Teknik
		PEMULIHARAAN
PERKHIDMATAN MAKLUMAT	Perkhidmatan Malaysiana	Pusat Maklumat Malaysiana
		PUSAT MANUSKRIP MELAYU (PMM)
		Pakar Maklumat
	Perkhidmatan Maklumat Umum	Maklumat Umum
		Khidmat Pelanggan
		Pinjaman
	Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional	Perkhidmatan Digital
		Pembangunan Kandungan
		Pengurusan Perkhidmatan PERDANA

Sumber: *Laman sesawang rasmi PNM, <http://www.pnm.gov.my>, dicapai pada 27 September 2010*

Maka, jelaslah bahawa daripada fungsi PNM di atas, menunjukkan bahawa aspek yang melibatkan manuskrip tidak diketepikan. Hal ini boleh dipastikan melalui aktiviti pembangunan perpustakaan yang melibatkan bahagian Pemuliharaan yang mana di bawah bahagian ini terdapat salah satu bahagian Pemuliharaan Manuskrip. Manakala, aktiviti Perkhidmatan Maklumat pula di bawah sub-aktiviti Perkhidmatan Malaysiana telah wujudkan suatu bahagian khusus yang menguruskan manuskrip iaitu Bahagian Pusat Manuskrip Melayu.


Justeru, dalam memastikan dasar kualiti ini diaplikasikan, pihak PNM mengambil pelbagai usaha dan inisiatif. Terutamanya dalam usaha menyediakan pegawai-pegawai berdedikasi yang menjadi penggerak dan menjalankan segala program yang ditetapkan. Kemahiran dan pendedahan pegawai kepada bidang tugas masing-masing sering ditekankan melalui bengkel, kursus dan lawatan yang diadakan. Dalam mempersiapkan kualiti perkhidmatan ini, PNM amat komited dalam pelaksanaan MS ISO 9001 : 2008 (Sistem Pengurusan Kualiti).

2.7 Carta Organisasi²⁶

Sesungguhnya pengurusan dan struktur organisasi yang terancang dan sistematis adalah suatu aspek yang penting dalam sesebuah institusi dalam memastikan pengurusan yang efektif dan konsisten. Bertepatan dengan sebuah institusi yang mempunyai misi dan visi yang telah ditetapkan, PNM telah distruktur selaras dengan fungsi yang dimainkan dan perkhidmatan yang disediakan. Hasil penstrukturan semula organisasi pada tahun 2002, penstrukturannya adalah seperti di bawah:

²⁶ *Ibid.*

Carta 3.1: Carta Organisasi Induk PNM



Sumber:: Laman sesawang PNM, <http://www.pnm.gov.my>. Dicapai pada 27 September 2010.

Berdasarkan carta di atas, PNM adalah institusi yang berada di bawah seliaan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Manakala pengurusan dan pengawasan PNM adalah di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah.

Melalui organisasi di atas, jelas menunjukkan bahawa penstrukturan organisasi ini adalah selaras dan bertepatan dengan fungsi utama yang telah digariskan. Tiga fungsi utama diinterpretasikan melalui tiga aktiviti iaitu Aktiviti Pengurusan, Aktiviti Pembangunan Perpustakaan dan Aktiviti Perkhidmatan Maklumat. Kemudian, setiap fungsi dipecahkan menjadi lapan sub-aktiviti di bawah aktiviti utama yang bersesuaian. Seterusnya, dalam memastikan segala fungsi dan aktiviti dapat dilaksanakan secara terancang dan rapi, setiap sub-aktiviti diwujudkan bahagian-bahagian tertentu yang lebih memberi skop dan bidang tugas masing-masing yang lebih terperinci. Terdapat 23 bahagian yang diwujudkan dalam memenuhi tuntutan bidang tugas yang lebih terarah.

2.8 Lembaga Penasihat


Organisasi ini berada di bawah Lembaga PNM yang ditubuhkan bagi tujuan menasihati Ketua Pengarah PNM berkenaan hal-hal yang berkaitan kemajuan PNM. Hal ini jelas dinyatakan di dalam Akta PNM (Pindaan) 1972 Bahagian III Penubuhan Lembaga Penasihat 5. (1) yang menyebut;

“5. (1) menteri hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Penasihat (kemudian daripada ini disebutkn sebagai “Lembaga”) bagi maksud menasihati Ketua Pengarah mengenai kemajuan Perpustakaan”²⁷

²⁷ Akta Perpustakaan Negara 1972 Bahagian III. No 5. (1) (Akta 80).

Maka, memenuhi akta ini, Lembaga Penasihat PNM yang dilantik adalah seperti berikut:

Carta 3.2 : Carta Organisasi Lembaga Penasihat PNM



Sumber: Laman sesawang rasmi PNM, <http://www.pnm.gov.my>, dicapai pada 27 September 2010.

Berdasarkan Lembaga Penasihat yang dilantik, ianya menepati akta yang telah menetapkan perantikan Lembaga iaitu 5. (2). Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- i) Seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri.
- ii) Ketua Pengarah.
- iii) Seorang wakil Kementerian yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perpustakaan.
- iv) Tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

2.9 Sumber Perpustakaan²⁸

Berperanan sebagai perpustakaan bertaraf nasional serta gedung penyimpanan pelbagai sumber maklumat dalam berbagai bentuk, PNM mempunyai sejumlah bahan yang besar dalam pelbagai bentuk simpanan.

Jadual 3.2: Jumlah Koleksi Simpanan PNM Mengikut Jenis Bahan

Koleksi	Jumlah
Jenis bahan	
Bahan Bercetak	3, 175, 266
Manuskrip Melayu	7, 532
Bahan Tidak Bercetak	94, 864
Bahan Digital	87, 212
JUMLAH	3, 364, 874

Sumber: *En. Mohd Zaki Yusof (Pegawai bahagian Penyelidikan PNM) temu bual bersama penulis, 4 April 2011*

3. PNM Dan Pengisytiharan Sebagai Pusat Kabangsaan Manuskrip Melayu

Umumnya, penglibatan PNM dalam usaha pengumpulan Manuskrip Melayu di awal tahun 1970-an adalah terhad. Hal ini kerana tumpuan dan fokus adalah kepada kegiatan membina koleksi terbitan dan menjalankan tradisi perpustakaan, selaras dengan usahanya memenuhi kehendak rakyat. Meskipun demikian, usaha secara kecilan dilaksanakan. Namun, pembinaan koleksi hanya bermula pada tahun 80-an ketika mana pada masa tersebut PNM diterajui oleh Ketua Pengarah yang cenderung ke arah menjadikan PNM sebuah pusat pengkajian dan rujukan di negara ini. Beliau ialah Dato' Mohd Hashim bin Sam Abdul Latiff yang telah menggalakkan pegawai-pegawainya

²⁸ En. Mohd Zaki Yusof, (Pegawai bahagian Penyelidikan PNM). Temu bual bersama penulis, 4 April 2011.

menumpukan perhatian terhadap koleksi nadir dan juga manuskrip.²⁹ Kesedaran ini timbul ketika lawatan beliau ke United Kingdom pada tahun 1982 dan beliau berjaya memperoleh beberapa salinan faksimili surat-surat Sultan-sultan Melayu dari *British Library*.

Rentetan ini, pada tahun 1983 menyaksikan pengisytiharan PNM sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu oleh Y.B Encik Anwar Ibrahim selaku Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan pada ketika itu. Pengisytiharan ini berlangsung ketika Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Maka, bagi memastikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan, satu bahagian baru diwujudkan secara rasminya pada 10 Julai 1985.³⁰ Bermula dari tarikh tersebut, PMM diwujudkan sebagai sebuah bahagian tersendiri. Usaha-usaha untuk memantapkan pusat tersebut dirancang dengan teliti bagi memudahkan penyelidik menyelami kekayaan keilmuan bangsa Melayu dari zaman silam untuk dipusakai dan dipelajari oleh generasi akan datang.³¹ Berikutan ini, dalam tahun 1985, dengan bantuan UNESCO satu tinjauan bagi meningkatkan pemuliharaan secara profesional dan melengkapkan Unit Pemuliharaan dan Reprografi telah diusahakan.³²

Membicarakan perihal peranan PNM melalui kewujudan bahagian PMM, maka khazanah berharga ini bukan sahaja dikumpul dan disimpan, malah akan melalui proses-proses tertentu dalam memastikan ianya memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang. Tambahan pula, bertepatan dengan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan)

²⁹ "Koleksi Manuskrip di Pusat Manuskrip Melayu PNM" (Laporan PMM, 1985-1986), Kertas No.2, ,2.

³⁰ "Penubuhan" (Laporan PMM 1985-1986), Kertas No 1: 2.

³¹ Perpustakaan Negara Malaysia, *Bingkisan Khazanah Budaya Dan Ilmu* (Kuala Lumpur: PNM, 1996), 3.

³² *Ibid.*

1972, Bahagian II (3). Suatu PNM ditubuhkan dengan maksud menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi ‘sumber perpustakaan’³³

Tafsiran kepada ‘sumber perpustakaan’ yang telah dinyatakan di dalam Akta di Bahagian I yang dimaksudkan ialah;

“sumber perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik yang di atas atau di dalamnya maklumat ditulis, direkodkan, disimpan, dipamerkan atau dikeluarkan semula, termasuk **manuskrip**, naskhah taip, buku, akhbar, majalah berkala, risalah, peta, mikroform, kertas muzik, fotograf, filem sinematografi, piring hitam, rakaman video dan audio dan rakaman lain pada kertas, filem atau bahan lain dan salinannya”.³⁴

Maka, usaha dan komitmen yang jitu mesti diambil dan aplikasikan untuk memastikan ianya dapat direalisasikan. Tambahan pula, telah termaktub bahawa antara bidang kuasa Ketua Pengarah ialah;³⁵

(d) menubuhkan di dalam Perpustakaan—

- i) Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemuliharaan sumber perpustakaan yang diterima;
- ii) Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan, pangkalan data, bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan;
- iii) Pusat Kebangsaan bagi Manuskrip Melayu untuk pemerolehan, pendokumentasian dan penggunaan Manuskrip Melayu;

Maka, melalui Akta PNM (Pindaan) 1972 yang diwartakan, organisasi distruktur dengan mapan sekali supaya peranannya dapat diaplikasi.

³³ Akta Perpustakaan Negara 1972 Bahagian II. No 3. (a) (Akta 80).

³⁴ Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 Bahagian I (2).

³⁵ Akta Perpustakaan Negara 1972 Bahagian II. No 4. 2 (d) (iii) (Akta 80).

4. Peranan PNM Dalam Pengurusan Manuskrip Melayu

Dalam memenuhi kriteria piagam pelanggan yang telah digariskan oleh jabatan iaitu “Memastikan ketersediaan koleksi khazanah warisan intelektual negara sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sempurna untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang”, pelbagai inisiatif dan langkah diambil dalam melunasi tanggungjawab ini. Hal ini dilihat melalui objektif kualiti yang ditetapkan iaitu:

Memastikan Manuskrip Melayu dinilai dalam masa 3 ½ bulan selepas diterima daripada pembekal.³⁶

Memastikan proses pendokumentasian Manuskrip Melayu diselesaikan dalam masa enam (6) bulan selepas diperolehi.³⁷

Bertepatan dengan pengistiharan PNM sebagai Pusat Kebangsaan bagi Manuskrip Melayu, maka aspek pengurusannya adalah perkara yang tidak dipandang enteng oleh PNM. Hal ini jelas dilihat melalui bahagian yang diwujudkan di bawah struktur organisasi PNM. Dua bahagian yang terlibat secara langsung dan bertanggungjawab terhadap khazanah intelektual negara ini ialah bahagian Pemuliharaan dan PMM.

4.1 Bahagian Pemuliharaan

Tugas dan fungsi bahagian ini dijelaskan melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) yang menyatakan bahawa:

“Bahagian Pemuliharaan bertanggungjawab memberi perlindungan, pemuliharaan dan pembaikan koleksi PNM”.³⁸

³⁶ Laman sesawang rasmi PNM, “perkhidmatan”, [http:// www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my), dicapai pada 27 September 2010.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Akta Perpustakaan Negara 1987, Bahagian II (No. 3 (a) / 1972).

Bahagian pemuliharaan mendefinisikan pemuliharaan di dalam dasar bahagiannya seperti berikut:

“Berbagai langkah yang diambil untuk perlindungan, pemeliharaan dan pembaikan yang perlu bagi bahan-bahan sumber perpustakaan, bahan nadir dan Manuskrip Melayu untuk penyelenggaraannya dibawah keadaan-keadaan yang dimaksudkan untuk mengelak dan menghalang kerosakan nilai fizikalnya”.³⁹

Dasar bahagian ini bertujuan menentukan pemuliharaan sumber perpustakaan berada di tahap optimum kerana ianya mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan negara. Dasar bahagian ini adalah bagi memenuhi tujuan PNM seperti berikut;

- Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987, Bahagian II, Seksyen 3 (a).

“...menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan”.⁴⁰

- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, Seksyen 3 (i).

“...untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia”.⁴¹

Hal ini bertepatan dengan objektif dasar pemuliharaan yang telah digariskan iaitu objektif pemuliharaan adalah untuk:⁴²

- i) Memelihara kandungan intelek yang terakam dalam sumber perpustakaan.
- ii) Memelihara sebaik mungkin bentuk fizikal asal sumber perpustakaan.

³⁹ Akta Perpustakaan Negara, Akta 331 (No. 2 / 1972).

⁴⁰ Akta Perpustakaan Negara, Bahagian II, Sek. 3 (a) / 1972.

⁴¹ Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, Sek. 3 (i) / 1986.


⁴² Dasar Pemuliharaan Sumber Perpustakaan, laman sesawang rasmi PNM, <http://www.pnm.gov.my>., dicapai pada 27 September 2010.

Maka, bertepatan dengan objektif bahagian ini iaitu memelihara kandungan intelek yang terakam dalam sumber perpustakaan dan memelihara sebaik mungkin bentuk fizikal asal sumber perpustakaan, manuskrip adalah antara sumber perpustakaan yang penting untuk dipulihara. Maka, proses pemuliharaan dilaksanakan dalam menjamin jangka ‘hayat’ manuskrip sebagai khazanah intelektual negara. Penyelidik akan menjelaskan proses pemuliharaan manuskrip yang diaplikasikan dengan lebih lanjut pada bab keempat penulisan yang membicarakan kaedah pemuliharaan manuskrip secara fizikal.

4.2 Struktur Bahagian

Maka, dalam merealisasikan amanah ini, bahagian ini distruktur dengan efisien dan mapan sebagai jaminan kepada kelancaran tugas yang sistematik dan tersusun. Penstrukturan bahagian ini adalah seperti berikut:


Carta 3.3: Carta Organisasi PNM



Sumber: Laman Sesawang Rasmi PNM, “Organisasi”, <http://www.pnm.gov.my>, dicapai pada 27 September 2010.

Melalui struktur organisasi di atas, jelas menunjukkan bahawa bahagian Pemuliharaan berada di bawah aktiviti Pembangunan Perpustakaan dan sub-aktiviti Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian. Manakala, organisasi khusus bagi bahagian Pemuliharaan adalah seperti berikut:

Carta 3.4: Organisasi Bahagian Pemuliharaan



Sumber: *Laman Sesawang Rasmi PNM, "Organisasi", <http://www.pnm.gov.my>, dicapai pada 27 September 2010.*


Merujuk carta organisasi di atas, bahagian Pemuliharaan diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pemuliharaan dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah. Bahagian ini distruktur dengan begitu rapi dengan mewujudkan unit-unit khusus di bawahnya iaitu Unit Pentadbiran, Unit Mikrofilem, Unit Jilidan/ Tinta, Unit Bahan Bercetak, dan Unit Manuskrip Melayu.

Maka, melalui organisasi yang distruktur ini, penulis membuat penilaian bahawa proses dan usaha pemuliharaan manuskrip adalah proses yang dititikberatkan dan dipandang serius sebagai salah satu sumber perpustakaan.

4.3 Bahagian PMM

Merujuk carta di atas, PMM berada di bawah aktiviti Perkhidmatan Maklumat dan sub-aktiviti perkhidmatan Malaysiana. Organisasi khusus bagi bahagian PMM adalah seperti berikut:

Carta 3.5: Organisasi Induk PNM



Sumber: *En Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi, PMM), temu bual bersama penulis 15 Ogos 2010.*

Melalui carta di atas jelas menunjukkan bahawa organisasi bahagian ini adalah distruktur bertepatan dengan fungsi dan peranan yang telah digariskan di dalam dasarnya iaitu:

“Dasar ini merangkumi semua aktiviti berkaitan dengan Manuskrip Melayu iaitu pengesanan, perolehan, penyelenggaraan,

pendokumentasian, penyelidikan, perkhidmatan, penerbitan, mualim tamu dan hadiah penulis jemputan”⁴³.

Melalui dasar yang telah ditetapkan, PMM memainkan peranannya yang serius dalam memastikan objektif serta peranannya direalisasikan. Secara kesimpulannya, dalam menyatakan bahawa PNM adalah institusi yang dipertanggungjawabkan memelihara Manuskrip Melayu, sesungguhnya ianya adalah amanah dan tanggungjawab yang diberi perhatian yang serius oleh pnm melalui penstrukturan organisasi dan bahagian-bahagian yang diwujudkan.

Hal ini kerana, manuskrip adalah khazanah negara sekaligus dokumen serta sumber perpustakaan yang mesti terus dipelihara dan dipulihara untuk rujukan generasi kini dan akan datang sebagai sumber pendidikan dan penyelidikan.

4.4 Jumlah Pengunjung

Salah satu kayu ukur keberkesanan keberadaan insitusi ini sebagai sumber maklumat dan rujukan masyarakat, ianya dapat diperolehi melalui statistik jumlah pengunjung yang mengunjunginya. Statistik pengunjung ke PNM adalah seperti berikut:

Jadual 3.3: Jumlah Pengunjung ke PNM dan PMM Mengikut Tahun

TAHUN	PENGUNJUNG PNM	PENGUNJUNG PMM
2000	499687	902
2001	439836	1033
2002	442531	1800
2003	447943	2598
2004	435602	2237

⁴³ Laman sesawang rasmi PNM, “Akta dan Dasar”, <http://www.pnm.gov.my.>, dicapai pada 27 September 2010.

2005	285688	2098
2006	491497	1348
2007	493134	416
2008	379831	498
2009	413735	465
2010	464317	205

Sumber: *En Mohd Zaki Yusof (Pegawai bahagian Penyelidikan PNM) temu bual bersama penulis, 4 April 2011.*

Jadual di atas menunjukkan statistik pengunjung ke PNM dan PMM sepanjang 11 tahun terakhir. Signifikan pemilihan tahun yang dipilih oleh penulis iaitu dari tahun 2000 hingga 2010 adalah pada tahun tersebut merupakan tahun penstrukturan semula organisasi PNM.

Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan pertambahan dan pengurangan jumlah pengguna ke PNM adalah keadaan yang tidak begitu ketara bagi setiap tahun. Manakala, keadaan ini berbeza berlaku ke atas jumlah pengguna PMM. Pertambahan mendadak yang berlaku dari tahun 2001 hingga ke tahun 2006 menurun dengan begitu ketara pada tahun 2007 dan 2010.

Menurut En. Mohd Zaki Yusof, pegawai di bahagian Penyelidikan PNM, antara faktor pertambahan mendadak yang berlaku ialah keseriusan pengarah di bawah aktiviti Pembangunan Perpustakaan, sub-aktiviti koleksi Malaysiana, Datin Mariani S.M Omar pada tempoh tersebut memberi penekanan yang serius kepada segala aktiviti di bawah seliaan beliau khususnya manuskrip. Malah, beliau sendiri sebagai Pengarah turut

‘turun padang’ dalam melakukan segala aktiviti yang berkaitan seperti usaha promosi, bengkel, seminar, penulisan, dan sebagainya.⁴⁴

Selain itu, penurunan ketara pada tahun 2010 iaitu hanya 205 orang pengguna adalah berkemungkinan usaha pihak PNM yang sedang menjalankan proses pembinaan bangunan baru dan perpindahan bahagian PMM dari bangunan sedia ada ke bangunan baru.

5. Kesimpulan

Keperluan kepada sebuah perpustakaan di peringkat negara akhirnya dipenuhi dan disahut dengan penubuhan PNM pada tahun 1970-an setelah melalui pelbagai langkah dan proses ke arah penubuhannya direalisasikan. Selaku institusi yang berperanan sebagai gedung menyimpan sumber ilmu dan pengetahuan, ianya ditadbir oleh organisasi yang distruktur dengan begitu teliti berlandaskan kepada akta dan dasar yang telah digariskan.

Demi merealisasikan objektif penubuhannya iaitu menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan dan memudahkan penggunaan sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara kepada masyarakat selaku pengguna, PNM menawarkan perkhidmatan yang luas melalui pelbagai bentuk koleksi sumber perpustakaan dari koleksi bahan bercetak sehinggalah kepada bahan berbentuk digital.

⁴⁴ En. Mohd Zaki Yusof (Pegawai Bahagian Penyelidikan Perpustakaan Negara Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 4 April 2011.

Dengan mengambil kira pelbagai dimensi fungsinya sebagai institusi yang berperanan menyimpan koleksi pelbagai jenis bahan perpustakaan sama ada berbentuk cetak atau tidak serta digital, ianya dipilih sebagai 'Pusat Kebangsaan' bagi Manuskrip Melayu pada tahun 1983. Sehingga pada tahun 1985 satu bahagian diwujudkan di bawah organisasi pengurusan Perpustakaan Negara yang dinamakan PMM. Keputusan kerajaan memilih dan meletakkan khazanah berharga Manuskrip Melayu di bawah kelolaan dan seliaan perpustakaan negara adalah suatu langkah bijak dan pilihan tepat memandangkan fungsi dan peranan perpustakaan sebagai gedung simpanan, rujukan dan bacaan kepada masyarakat terutamanya dalam bidang penyelidikan.

Maka, selaku organisasi yang diberi amanah dan tanggungjawab mengendalikan manuskrip sebagai khazanah intelektual lagi bernilai kepada negara, memperlihatkan keseriusannya mewujudkan dua bahagian di bawah struktur organisasinya yang saling mempunyai hubungan langsung iaitu bahagian Pemuliharaan dan PMM. Kedua-dua bahagian ini saling berinteraksi antara satu sama lain dalam usaha menyelamatkan khazanah berharga ini berlandaskan akta dan dasar masing-masing yang digariskan.

BAB 4:

PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU

BAB 4:

PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM PENGURUSAN MANUSKRIP MELAYU

1. Pendahuluan

Secara hakikatnya walaupun Manuskrip Melayu banyak berpindah ke negara luar, namun masih terdapat khazanah berharga ini yang wujud dalam simpanan individu-individu tertentu di negara ini. Mengambil kira faktor usia dan terdedahnya manuskrip kepada faktor yang merosakkan dan memusnahkannya, usaha untuk menyelamatkannya wajar diambil secepat mungkin sebelum khazanah berharga merangkap sumber premier pribumi ini terus lenyap ditelan zaman dengan diwujudkan satu badan atau institusi yang serius serta konsisten menyelamatkan khazanah ini baik dari aspek fizikal dan intelek yang terkandung di dalamnya.

Kebimbangan yang disuarakan pelbagai pihak khususnya para sarjana dan penyelidik terhadap khazanah berharga ini akhirnya didengari oleh pihak kerajaan. Natiujahnya, bukan hanya manuskrip yang terdapat di daerah kelahirannya diambil kira, namun manuskrip lain di merata pelusuk dunia turut dipandang serius dengan pengisytiharan PNM sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Bertepatan dengan pengisytiharan tersebut, amanah dan tanggungjawab ini dipikul dengan satu bahagian yang diwujudkan di bawah aktiviti Perkhidmatan Maklumat dan sub-aktiviti Perkhidmatan Malaysiana melalui penstrukturan semula PNM pada tahun 2002.

Maka, melalui bahagian yang distruktur dengan terancang dan sistematik ini, fungsi dan peranannya dapat direalisasikan dengan jayanya.

2. Latar Belakang Penubuhan

PNM diamanah dan dipertanggungjawabkan sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu oleh Kerajaan Malaysia setelah pengisytiharannya pada 10 Oktober 1983. Pengisytiharan ini ketika Majlis Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun, usaha serius diambil dua tahun kemudian dengan diwujudkan bahagian PMM.¹

Objektif penubuhan PMM adalah selaras dengan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987, bahagian II, Seksyen 4(d), (iii), yang menyatakan bahawa menubuhkan di dalam Perpustakaan;

“ ... Pusat Kebangsaan bagi Manuskrip Melayu untuk perolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip-manuskrip Melayu”.²

3. Objektif

PMM atau PKMM ini menggariskan objektifnya tersendiri dalam usaha merealisasikan fungsi dan peranannya antaranya ialah:

i) Menyediakan panduan untuk memperkukuh PMM sebagai pusat kecemerlangan bagi pengkajian Manuskrip Melayu.³

Objektif ini digariskan bersesuaian dengan status Manuskrip Melayu sebagai bank data bertulis yang terakam di dalamnya seribu satu khazanah intelektual. Seandainya ianya tidak diterokai melalui usaha pengkajian, ia merupakan suatu kerugian besar dan tidak mungkin dapat diketahui dan disebarikan isi kandungannya.

¹ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

² Akta Perpustakaan Negara (Bahagian II, No.4 (d)).

³ Dasar PMM, laman sesawang rasmi PNM, dicapai pada 27 September 2010, <http://www.pnm.gov.my>.

ii) Menggalakkan masyarakat menghargai Manuskrip Melayu⁴

Menyedari manuskrip adalah khazanah intelektual dan sumber premier, usaha menggalakkan masyarakat dari pelbagai lapisan untuk terus menghargainya harus dipertingkatkan. Penghargaan ini meliputi segenap aspek yang melibatkan manuskrip seperti pemuliharaan, penyelidikan, penghayatan, dan sebagainya.⁵

iii) Memupuk minat masyarakat untuk menghayati Manuskrip Melayu⁶

Melalui usaha penyelidikan dan sebagainya, kesedaran untuk menghargai manuskrip sebagai khazanah berharga dapat ditingkatkan. Minat masyarakat harus dipupuk terhadap manuskrip serta segala apa yang terakam di dalamnya.

4. Fungsi⁷

Demi memastikan Manuskrip Melayu yang merupakan khazanah warisan bangsa Melayu dipulihara dan dihayati oleh generasi masa kini dan akan datang, PMM mempunyai tanggungjawab yang besar dalam merealisasikan hasrat murni ini terlaksana. Oleh yang demikian, PMM berperanan penting dalam memastikan objektif bahagian dapat dicapai melalui pelaksanaan fungsi dan peranannya yang bersifat efektif dan konsisten. Fungsi yang dimainkan oleh PMM ialah;

i) Mengesan, memperolehi dan membina koleksi Manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk dari dalam dan luar negeri.⁸

Menyorot perjalanan sejarah tradisi manuskrip yang panjang, khazanah ini bertebaran di serata pelusuk dunia. Ini kerana, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor

⁴ *Ibid.*

⁵ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

⁶ Dasar PMM, laman sesawang rasmi PNM, dicapai pada 27 September 2010, <http://www.pnm.gov.my>.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

perubahannya seperti minat, politik, pentadbiran, ekonomi, dan sebagainya. Natiujahnya, Manuskrip Melayu bukan sahaja boleh ditemui di dalam negara, bahkan kebanyakannya tersimpan di perpustakaan luar negara seperti Perpustakaan Negara Australia, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Perpustakaan Kolej Trinity, Dublin, Ireland dan sebagainya. Oleh itu, PMM berperanan untuk mengesan keberadaan Manuskrip Melayu dan memperoleohnya sama ada melalui pembelian, pertukaran mahupun hadiah.

Pihak PMM juga bertanggungjawab untuk membina koleksi daripada Manuskrip-Manuskrip Melayu yang diperolehi sama ada dalam bentuk manuskrip asli, salinan atau disimpan dalam bentuk mikrofilem.

ii) Mendokumentasi dan menyelenggarakan katalog induk dan menerbitkan bibliografi.⁹

Proses pendokumentasian adalah penting sebagai salah satu usaha pemuliharaan dan sangat diperlukan demi mendapatkan manuskrip. Melalui usaha pengesanan, PMM memainkan peranan penting dalam mendokumentasi dan menyelenggara katalog induk. Usaha ini adalah penting dalam menyimpan segala data berkaitan Manuskrip Melayu sama ada di dalam dan luar negara, walaupun Manuskrip Melayu itu belum diperolehi. Katalog dan bibliografi Manuskrip Melayu ini penting untuk tujuan perolehan dan penulisan serta penyelidikan berkaitan manuskrip.¹⁰

⁹ *Ibid.*

¹⁰ En Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM), dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

iii) Menyediakan kemudahan menyimpan, memulihara dan menyalin Manuskrip Melayu.¹¹

PMM turut berperanan menyediakan kemudahan menyimpan dan memulihara Manuskrip Melayu agar keadaan dan nilai estetikanya dapat dikekalkan dalam bentuk asli atau selainnya. Langkah-langkah keselamatan sangat dititikberatkan kerana nilai Manuskrip Melayu yang tinggi.

Penyalinan Manuskrip Melayu kepada bentuk yang lain seperti mikrofilem juga menjadi peranan dan tanggungjawab PMM agar Manuskrip Melayu dapat digunakan untuk aktiviti lain seperti penerbitan dan penulisan.

iv) Menyediakan kemudahan penulisan Manuskrip Melayu.¹²

Peranan PMM dalam penyediaan kemudahan penulisan Manuskrip Melayu adalah bertujuan untuk memudahkan dan menggalakkan penulis mengkaji tentang manuskrip dan ilmu-ilmu Melayu.

v) Menyebarkan ilmu yang terkandung di dalam Manuskrip Melayu melalui penulisan, penerbitan dan pameran.¹³

PMM berperanan untuk mendidik masyarakat dan menyebarkan ilmu serta pemikiran yang terkandung di dalam Manuskrip Melayu. Oleh itu, PMM berusaha memupuk minat masyarakat agar dapat menghayati Manuskrip Melayu sama ada melalui penerbitan, pameran mahupun penulisan. Hal ini bertepatan dengan objektifnya untuk memupuk minat masyarakat terhadap manuskrip.

¹¹ Dasar PMM, laman sesawang rasmi PNM, dicapai pada 27 September 2010, <http://www.pnm.gov.my>.


¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

5. Struktur¹⁴

Fungsi PMM hanya dapat dibumikan melalui organisasi yang sistematik. Hal ini jelas dilihat melalui organisasi PMM yang distruktur selaras dengan fungsi yang telah ditetapkan.

Carta 4.1: Organisasi PMM



Sumber: *En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.*

Carta organisasi tersebut menunjukkan bahawa keselarasan yang efektif telah distruktur supaya fungsi bahagian PMM dapat dilaksanakan dengan sistematik. Struktur organisasi yang dinaungi oleh Ketua Pengarah PNM, kemudian Timbalan Ketua Pengarah dan seterusnya Pengarah Perkhidmatan Malaysia. Selaku bahagian di bawah Perkhidmatan Malaysia, PMM diketuai oleh Timbalan Pengarah PMM dan dibantu serta disokong dan didokong oleh empat unit di bawah yang saling berpadu dalam merealisasikan peranannya.

¹⁴ *Ibid.*

Seterusnya, bagi melancarkan dan menfokuskan lagi peranan dan tugas tersendiri, setiap unit diasingkan dan dikendali oleh Penolong Pengarah serta dibantu oleh Pembantu Perpustakaan bagi setiap unit yang dipecahkan. Penulis akan menjelaskan dengan lebih lanjut di bahagian program yang telah dilaksanakan di PMM yang selari dengan fungsinya dan objektif bahagian yang telah dikemukakan. Bagi tujuan menyelaraskan dan melancarkan gerak kerja organisasi, setiap bahagian diberi tugas tersendiri iaitu:

i) Unit Pembinaan Koleksi:¹⁵

- a) Menjalankan aktiviti pengesanan Manuskrip Melayu di dalam dan luar negara bagi koleksi institusi dan individu.
- b) Mengurus perolehan Manuskrip Melayu dalam bentuk asal dan salinan dari dalam dan luar negara.
- c) Mengurus penyimpanan koleksi dan aktiviti pemuliharaan serta menentukan peralatan yang diperlukan.
- d) Membina pangkalan data perolehan Manuskrip Melayu.
- e) Menyelenggara koleksi Manuskrip Melayu yang disimpan di Bilik Simpanan Manuskrip Melayu.
- f) Menjalankan persepakatan pintar dengan institusi dalam dan luar negara.
- g) Membangunkan pameran di Bilik Penyelidikan PMM.
- h) Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Malaysiana dan Timbalan Pengarah PMM.

¹⁵ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi, PMM), dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

ii) **Unit Pendokumentasian:**¹⁶

- a) Menyediakan entri katalog deskriptif bagi manuskrip dalam bentuk asal yang diperolehi.
- b) Menyediakan entri katalog Manuskrip Melayu untuk OPAC.
- c) Membina katalog Induk Manuskrip Kebangsaan dan Antarabangsa.
- d) Menyediakan entri Katalog bagi Manuskrip Melayu dalam bentuk salinan yang diperolehi.
- e) Menyelenggara laman web PMM.
- f) Membangunkan pameran di Bilik Penyelidikan PMM.
- g) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan.

Melalui fungsi di atas, jelas bahawa gabungan antara dua unit ini menjalankan fungsi bertepatan dengan dua objektifnya iaitu:¹⁷

- Mengesan, memperoleh dan membina koleksi Manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk dari dalam dan luar negeri sama ada melalui pembelian, pertukaran, hadiah dan amanah yang dikesan melalui lawatan, surat mesyuarat, katalog, rujukan dan lain-lain terbitan dan maklumat melalui orang ramai.
- Mendokumen manuskrip berdasarkan Peraturan Menkatalog Manuskrip Melayu PNM 1988, menyelenggara catalog induk bagi manuskrip yang dikesan di dalam dan luar negara dan menerbitkan bibliografi di bawah Siri Bibliografi.

¹⁶ Puan Iffah Imtiyaz Zainol (Ketua Unit Pendokumentasian PMM), dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

¹⁷ *Ibid.*

iii) Unit Perkhidmatan dan Rujukan¹⁸

- a) Mengendalikan pertanyaan rujukan dan penyelidikan dari dalam dan luar negara.
- b) Mengurus dan menyediakan pakejan maklumat dan bibliografi untuk memenuhi keperluan para penyelidik.
- c) Menyelenggara bahan rujukan sekunder dan latihan ilmiah yang diterima hasil daripada kajian yang dijalankan menggunakan koleksi Manuskrip Melayu PMM.
- d) Mengenal pasti dan mengurus pendigitan Manuskrip Melayu.
- e) Mengurus dan mengedit bahan sekunder untuk Pangkalan Data Kajian Manuskrip Melayu.
- f) Pegawai ISO bahagian PMM.
- g) Membangunkan pameran di Bilik Penyelidikan PMM.
- h) Tugas-tugas lain yang diarahkan ke arah pembangunan ikhtisas jabatan.

iv) Unit Promosi dan Penerbitan¹⁹

- a) Mengurus dan menerbitkan terbitan bahan promosi PMM dalam bentuk cetakan dan elektronik.
- b) Mengurus dan menerbitkan *Jurnal Filologi Melayu* yang diterbitkan secara tahunan.
- c) Mengurus dan menerbitkan Katalog Manuskrip Melayu dalam bentuk cetakan.

¹⁸ Puan Manirah Mansor (Ketua Unit Perkhidmatan dan Rujukan) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

¹⁹ Puan Azila Mohd Noor (Ketua Unit Promosi dan Penerbitan) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

- d) Mengurus dan menerbitkan Warkah Manuskrip Melayu dalam bentuk cetakan dua kali setahun.
- e) Mengurus pameran dalam jabatan dan pameran bergerak di institusi lain di dalam dan luar negara.
- f) Mengendalikan kaunter perkhidmatan pertanyaan rujukan.
- g) Kerja-kerja lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

v) **Unit Jawi**²⁰

Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam mempromosi dan menjadikan minat terhadap manuskrip realiti, fungsi unit ini tidak boleh dipandang enteng. Menyedari hakikat ini, unit ini berfungsi dengan membabitkan dua bidang tugas iaitu:

- a) Penerbitan dan Promosi
 - Mengendalikan penerbitan untuk Unit Tulisan Jawi.
 - Mengendalikan penerbitan hasil penyelidikan tulisan Jawi.
 - Menerbitkan buku transliterasi Jawi dan bahan promosi Jawi.
 - Merancang dan mengurus program dan aktiviti untuk mempromosikan tulisan Jawi melalui;
 - Pameran/ persidangan/ seminar/ bengkel dan lain-lain.
 - Penerbitan katalog/ risalah/ brosur dan lain-lain.
 - Penubuhan Kelab Pencinta Jawi peringkat Jabatan.
 - Menjalankan aktiviti pengesanan bahan-bahan terbitan tulisan Jawi dan berhubung dengan tulisan Jawi dari seluruh negara.
 - Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah.

²⁰ Puan Thalathiah (Ketua Unit Jawi) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

b) Perkhidmatan Rujukan dan Penyelidikan²¹

- Mengurus dan mengendali perkhidmatan rujukan dan penyelidikan.
- Menjalankan aktiviti pengesanan bahan-bahan terbitan tulisan Jawi dan berhubung dengan tulisan Jawi dari seluruh negara.
- Mengurus penyelenggaraan bahan rujukan mengenai tulisan Jawi di Unit Tulisan Jawi, PMM.
- Membina dan menyelenggara pangkalan data terbitan tulisan Jawi dan pangkalan pakar rujuk tulisan Jawi.
- Menjalankan kerja transliterasi Jawi dan melaksanakan penyelidikan memartabatkan Jawi.
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah

Justeru, jelaslah bahawa adunan dan kesinambungan serta kesepaduan unit yang diwujudkan dan fungsi yang telah diagihkan memainkan peranan penting dalam menentukan kelancaran dan sistematis organisasi PMM. Objektif organisasi ini pula hanya akan dapat direalisasikan melalui fungsi yang dilaksanakan.

6. Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu

Penstrukturan PMM juga dilengkapi dengan satu lagi struktur penting iaitu Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu. Antara bidang tugas jawatankuasa ini adalah:²²

²¹ Pn Mastura Hussin (Ketua Unit Perkhidmatan rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.


²² Dasar Manuskrip Melayu, laman sesawang rasmi PNM, dicapai 27 September 2010, <http://www.pnm.gov.my>.

- i) Memberi nasihat tentang langkah-langkah yang perlu diambil supaya PMM dapat menjalankan fungsi-fungsinya yang telah ditetapkan dengan berkesan.
- ii) Memberi nasihat ke arah menjadikan PMM sebagai pusat sumber penyelidikan Manuskrip Melayu yang utama di negara ini.
- iii) Memberi nasihat dalam usaha mengesan dan memperolehi Manuskrip Melayu.
- iv) Memberi nasihat dan membantu usaha serantau PMM.

Maka dengan ini, jelas menunjukkan jawatankuasa tersebut diwujudkan bagi tujuan menasihati PMM dalam segala aktiviti untuk meningkatkan prestasi bahagian ini. Hal ini penting dalam menggerakkan pusat ini di samping struktur organisasi bahagian yang sedia ada dan paduan gerak kerja serta peranan yang dimainkan adalah sangat perlu dalam misi mencapai objektif pusat ini.

Ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang manuskrip khususnya, dan beberapa individu dari beberapa institusi lain. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang pengerusi, setiausaha, dan ahli jawatankuasa. Penstrukturan jawatankuasa terkini adalah seperti berikut:

Carta 4.2: Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu



Sumber: *En. Faisal Hilmie (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu.bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.*

Maka, melihat kepada nama-nama yang memenuhi ruangan jawatankuasa penasihat PMM menunjukkan bahawa mereka merupakan nama yang tidak asing lagi dalam arena penyelidikan Manuskrip Melayu menurut bidang masing-masing. Prof. Dr. Hashim Musa selaku Pengerusi adalah merupakan Profesor di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau banyak melakukan penyelidikan berkaitan perkembangann tulisan Jawi dan kesusasteraan. Kedua-duanya sangat berkait rapat dengan manuskrip Melayu. Manakala, Setiausaha adalah Timbalan Pengarah PMM sendiri. Kemudian, diikuti dengan AJK iaitu, Ketua Pengarah PNM, Dato’ Raslin Abu Bakar, Dato’ Haji Omar Md Hashim, iaitu Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia.

Selain itu, Prof. Madya Dr. Ab Razak Ab Karim, pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang berpengalaman luas dan berpakaran dalam kajian Manuskrip Melayu. Seterusnya, Prof. Emeritus Datin Paduka Zuraina Majid, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Dr. Zubir Idris yang juga merupakan ahli akademik yang bertugas sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, jawatankuasa ini juga melibatkan beberapa orang pengarah dari institusi yang berkaitan iaitu Tn. Hj. Mohd Yusof Abdullah, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Pengarah Arkib Negara Malaysia, dan Mantan Pengarah Perkhidmatan Malaysiana iaitu Puan Siti Mariani S.M. Omar.²³

7. Kewangan dalam Mengurus Manuskrip Melayu

Aspek kewangan adalah suatu aspek yang tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam sesebuah organisasi. Faktor sumber kewangan yang kukuh adalah antara jaminan terhadap pengurusan organisasi yang baik. Sumber kewangan bagi usaha perolehan manuskrip khususnya perolehan melalui pembelian memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, di atas keprihatinan pihak PNM sebagai organisasi yang tidak memandang enteng perkara ini, bidang tugas peruntukan diletakkan di bawah Peruntukan Aktiviti Pembangunan Perpustakaan (Bahagian Khidmat Teknik).²⁴ Selain itu, PMM juga mewujudkan Tabung Amanah Manuskrip Melayu untuk memudahkan penerimaan sumbangan daripada mana-mana pihak. Kewangan yang disalurkan adalah

²³ Ketika memegang jawatan sebagai Pengarah Perkhidmatan Malaysiana, beliau sangat memberi perhatian kepada Manuskrip Melayu dan segala usaha yang berkaitan dengannya. Antaranya menyemarakkan pengetahuan dan penggunaan tulisan Jawi di kalangan kakitangan PNM, turut serta dalam segala aktiviti Manuskrip Melayu seperti pengesanan dan sebagainya. Temu bual bersama En. Zaki, Pegawai bahagian Penyelidikan PNM.

²⁴ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

bertujuan memperoleh Manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk sama ada naskhah asal atau salinan berupa faksimili, foto atau bahan mikro.

Penulis berhasrat memperolehi laporan kewangan bahagian PMM melalui beberapa usaha yang telah dilakukan, namun, di sebabkan ianya adalah sulit untuk dibentangkan. Maka penulis tidak dapat menyatakan di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, hasil temu bual penulis bersama Timbalan Pengarah PMM, beliau menyatakan dari aspek kewangan memperoleh Manuskrip Melayu, pihaknya tidak berhadapan dengan banyak kesulitan. Peruntukan yang diagihkan iaitu kira-kira RM 300,000 setiap tahun agak mencukupi. Jumlah tersebut hanya untuk urusan perolehan. Manakala, untuk tujuan lain seperti promosi, pameran, dan sebagainya terdapat peruntukan lain yang disediakan oleh pihak jabatan.²⁵


8. Pegawai Yang Menguruskan Manuskrip Melayu

Seperti mana yang telah dinyatakan oleh penulis pada bab yang lepas, kemahiran dan pengetahuan pegawai yang mengendalikan dan mengurus Manuskrip Melayu adalah sangat penting kerana keunikannya berbanding sumber perpustakaan yang lain dan ia merupakan khazanah berharga negara. Selain itu, suatu kewajaran dalam memastikan bahagian ini berfungsi melalui penstrukturan dan objektifnya tercapai, pemilihan pegawai merupakan kriteria yang tidak dapat tidak, perlu diberi perhatian. Bertitik tolak daripada faktor ini, pemilihan pegawai di PMM selain daripada pengetahuan tentang ilmu kepustakaan juga bergantung kepada latar belakang kemahiran membaca dan menulis Jawi memandangkan manuskrip ghalibnya adalah ditulis menggunakan sistem tulisan tersebut selain daripada pengetahuan tentang ilmu kepustakawanan.

²⁵ *Ibid.*

Hasil soal selidik yang telah dilakukan oleh penulis terhadap 10 orang daripada 13 orang pegawai PMM, penulis menyimpulkan bahawa latar belakang dan pengetahuan membaca Jawi dan menulis Jawi dalam kalangan pegawainya adalah diberi perhatian ketika proses pemilihan pegawai. Hal ini dibuktikan dengan latar belakang pendidikan menengah pegawai iaitu berpendidikan di Sekolah Menengah Agama (SMA) iaitu seramai 5 orang. Manakala, 4 orang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Selebihnya, seorang di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Penulis membuktikan melalui latar belakang pendidikan di peringkat menengah kerana ianya boleh dijadikan kayu ukur dalam mengukur pengetahuan membaca dan menulis Jawi seseorang.


Carta 4.3: Latar Belakang Pendidikan Menengah Pegawai PMM



Sumber: Soal Selidik, 20-27 Oktober 2011.

Manakala, melalui ruangan pengetahuan membaca Jawi, responden soal selidik yang terdiri daripada pegawai PMM, menunjukkan 5 daripada 10 orang responden berada ditahap sangat baik, 2 orang baik dan 3 orang ditahap sederhana. Pada hemat penulis, tahap sederhana juga diambil kira kerana ianya menunjukkan asas pengetahuan pegawai dalam membaca Jawi.


Carta 4.4: Pengetahuan Membaca Jawi Dalam Kalangan Pegawai PMM



Sumber: Soal Selidik, 20-27 Oktober 2011.

Di ruangan kemahiran menulis Jawi pula, 4 orang responden menyatakan berada ditahap sangat baik, 2 orang ditahap baik, dan 4 orang ditahap sederhana.²⁶

Carta 4.5: Pengetahuan Menulis Jawi Dalam Kalangan Pegawai PMM



Sumber: Soal Selidik, 20-27 Oktober 2011.

Daripada jumlah dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa pemilihan pegawai ke bahagian PMM adalah berlatar belakangkan tahap pengetahuan mereka membaca dan menulis Jawi.

²⁶ Borang Kaji Selidik. 20 Oktober 2011.

Selain itu, dalam usaha meningkatkan kemahiran dan penguasaan pegawai, PNM melalui PMM menyediakan program intensif dan peruntukan juga disediakan.²⁷ Antaranya pada tahun 1986, dua orang Pengawet Kanan telah dihantar untuk mengikuti kursus jangka pendek selama 3 bulan di *Camberwell School Art and Crafts, London*. Kursus ini mendedahkan mengenai teknik-teknik pemuliharaan bahan-bahan arkib dan perpustakaan yang termasuk juga manuskrip.²⁸

Di samping itu pada tahun yang sama juga, Dr. Wan Ali Wan Mamat selaku Pemangku Ketua PMM pada ketika itu juga telah melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat Sarjana di University College London dalam bidang *Library and Information Science* dan tempat beliau diganti oleh Cik Asma Ahmat yang mendapatkan Sarjana di bidang yang sama dan juga dari universiti yang sama. Walau bagaimanapun, PMM tidak menghentikan usaha meningkatkan kemahiran pegawainya hanya pada awal penubuhan sahaja, namun diteruskan dalam memastikan kelangsungan PMM.

Hal ini dibuktikan dengan galakkan dan dorongan PMM dalam melibatkan pegawainya dalam program-program yang melibatkan manuskrip. Antaranya Wacana Manuskrip Melayu, Bengkel Tulisan Jawi, Aktiviti Seni bersama BGLM, Sesi Pendidikan bersama PNM, Ceramah Pemantapan Perkhidmatan PNM, Bengkel menkatalog Manuskrip, Seminar Manuskrip Melayu Islam, Klinik Jawi, Seminar Batu Bersurat, lawatan ke institusi yang menyimpan manuskrip, kursus mengendali bahan, kursus mengendali tempat simpanan, dan banyak lagi. Maka, daripada senarai yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa pegawai PMM terlibat aktif dalam pelbagai bentuk aktiviti sama ada kursus, taklimat, seminar, wacana, bengkel, dan

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Laporan Pusat Manuskrip Melayu 1985- 1986, (Kertas No.1), h.2.

sebagainya dalam memastikan peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tugas berkaitan Manuskrip Melayu.²⁹

Justeru itu, ternyata bahawa keseriusan dan usaha yang gigih diambil dalam membina kepakaran untuk menggerakkan bahagian ini di peringkat awalnya dan impaknya dilihat dan dinilai pada masa kini. Melalui kepakaran yang ada, PMM dapat menjalankan tugas yang sempurna dan berkesan.

9. Tempat Simpanan Manuskrip Melayu

Seperti yang telah dinyatakan di awal bab penulisan, penulis menyatakan bahawa antara faktor kekangan terabainya proses pendokumentasian ialah ketiadaan tempat yang sesuai. Menyedari faktor ini, PMM selaku bahagian yang berperanan menjadi institusi penyimpanan khazanah berharga ini menyediakan kemudahan tempat yang bersesuaian untuk menjamin kelangsungan jangka hayat manuskrip. Kemudahan yang disediakan merangkumi peralatan, bilik, suhu dan sebagainya. Bilik kebal yang menjadi tempat simpanan manuskrip mempunyai daya kebolehtahanan yang tinggi daripada kebakaran untuk melindungi manuskrip. adalah medium keselamatan untuk menyimpan manuskrip di mana bilik ini mempunyai daya kebolehtahanan tinggi dari kebakaran. Hal ini adalah untuk melindungi manuskrip daripada kejadian kebakaran.

Selain itu, peralatan sokongan yang disediakan juga adalah penting untuk diberi penekanan. Antaranya peti besi, rak untuk simpanan manuskrip (kompaktus) dan kabinet mikrofilem. Selain itu, antara peralatan pemuliharaan untuk kawalan persekitaran ialah *dehumidifier* yang berfungsi untuk mengawal kelembapan. Manakala,

²⁹ Soal Selidik, 20-27 Oktober 2011.

thermohydrograf pula berperanan untuk menentukan kesesuaian suhu. Bilik kebal yang beroperasi memerlukan sistem hawa dingin 24 jam. (Lihat Lampiran)

Berdasarkan kepada tiga faktor di atas iaitu kewangan, pegawai dan tempat, penulis menyimpulkan bahawa dalam usaha mengimplimentasikan fungsi dan peranannya sebagai institusi penyimpanan dan pemuliharaan Manuskrip Melayu, PMM mengambil langkah serius dan bersepadu supaya ia dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sememangnya tidak dinafikan berkemungkinan berlaku sedikit kelompongan daripada mana-mana aspek seperti kewangan atau pegawai dan sebagainya. Namun, secara asasnya, penambahbaikan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.³⁰

10. Program Yang Dijalankan Untuk Menguruskan Manuskrip Melayu

Sesungguhnya segala perancangan dan strategi tidak dapat diaplikasi tanpa suatu program dan tindakan melalui aktiviti yang dilaksanakan. Oleh itu, PMM telah menyusun program-programnya yang efektif dan efisien untuk diaplikasikan secara konsisten. Program yang telah dilaksana di PMM adalah seperti berikut; (a) Pengesanan, (b) Perolehan, (c) Pembelian, (d) Pendokumentasian, (e) Keselamatan dan penyimpanan, (f) Pemuliharaan, (g) Reprografi, (h) Penyelidikan, (i) Pinjaman, (j) Pameran, (k) Khidmat nasihat, (l) Penerbitan, (m) Muallim Tamu dan (n) Hadiah Penulis Jemputan.

a). Pengesanan

Memandangkan manuskrip adalah dokumen dan khazanah negara yang nadir sifatnya, dan bukanlah seperti sumber perpustakaan lain yang mudah didapati, maka,

³⁰ Contoh daripada aspek kewangan. Hal ini kerana, memperoleh manuskrip memerlukan kos tinggi. Selain itu, dari aspek pegawai pula, minat dalam menambah pengetahuan mengenai Manuskrip Melayu atau lebih senang disebut sebagai pegawai yang menguasai khazanah berharga yang disimpan dan dipelihara. Dalam bahasa ringkasnya, mereka 'bukan hanya bekerja, tetapi sekaligus menggali'.

proses pengesanan adalah suatu proses yang sangat penting. Usaha pengesanan menjadi penting kerana ia merupakan usaha mendokumenkan manuskrip yang dikesan ke arah pembinaan satu pangkalan data Manuskrip Melayu yang komprehensif. Pengesanan merupakan langkah awal yang dijalankan oleh pihak PMM yang bertujuan untuk mengesan dan mengenal pasti manuskrip-manuskrip Melayu yang terdapat di dalam dan luar negara. Usaha pengesanan ini diselenggarakan oleh Unit Pembinaan Koleksi dan Penyelenggaraan di bawah PMM dengan kerjasama pihak-pihak berkaitan yang terdiri daripada individu selaku penggemar dan pengumpul, institusi mahupun negara.

Pengesanan tidak terhad kepada dalam negara sahaja, bahkan diperluaskan aktiviti ini ke negara-negara lain yang dikenal pasti menyimpan koleksi Manuskrip Melayu yang diperolehi melalui suatu perjalanan proses sejarah yang panjang suatu ketika dahulu. Menyedari akan hakikat ini, PMM mengorak langkah mengesan Manuskrip Melayu yang terdapat di luar negara dengan menghantar pegawainya ke negara-negara tersebut bermula pada tahun 1985 iaitu seperti Belanda (1985), Perancis (1990), Library of Congress, U.S.A (1990), Singapura (1991), Brunei Darussalam (1993), Indonesia (1995), Afrika Selatan (1998), dan Australia (2001).

Natijah daripada usaha penghantaran pegawai ini, PMM berjaya menyediakan katalog induk dan beberapa siri katalog manuskrip luar negara iaitu:

- 1) Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (1985).
- 2) Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (1990).
- 3) Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress, USA (1990).
- 4) Katalog Manuskrip Melayu di Singapura (1991).
- 5) Katalog Manuskrip Melayu di Brunei (1993).

- 6) Katalog Manuskrip Melayu di Indonesia (1995).
- 7) Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998).
- 8) Katalog Manuskrip Melayu di Australia (2001).

PMM telah menggunakan pelbagai cara untuk mengesan keberadaan manuskrip di institusi lain atau dalam simpanan individu, keluarga atau mana-mana pihak yang terlibat termasuklah melalui katalog, artikel yang berkaitan, rujukan dalam lain-lain terbitan dan surat-menyurat. Bahkan pihak PMM mengadakan lawatan ke institusi atau tempat yang dipercayai mempunyai Manuskrip Melayu.³¹ Antaranya perkongsian pengalaman oleh Encik Faizal Hilmie selaku pegawai yang banyak turun padang dalam usaha pengesanan manuskrip ke negeri Kedah hasil makluman dari orang ramai.³²

Pihak PMM sangat menghargai individu yang telah banyak menyumbang jasa dalam pengesanan manuskrip dengan memberikan penghargaan kepada individu tersebut. Ini merupakan inisiatif yang baik daripada pihak PMM untuk menggalakkan orang ramai menyumbang maklumat bagi memudahkan usaha pengesanan dijalankan. Antaranya, Dato' Hj Fathil Basyir dari Pulau Pinang dan Prof Dato' Dr. Taib Osman menerima surat penghargaan dari pihak PMM atas sumbangan Manuskrip Melayu daripada kedua-dua mereka.³³

b). Perolehan

Perolehan merupakan rentetan daripada usaha pengesanan. Perolehan Manuskrip Melayu yang merangkumi manuskrip di dalam dan luar negara dilaksanakan dengan

³¹ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

pelbagai cara. Kebanyakan Manuskrip Melayu yang terdapat di dalam negara diperolehi melalui kaedah pembelian dan hadiah. Selain daripada itu, terdapat juga manuskrip yang diperolehi melalui kaedah wasiat dan amanah. Pada peringkat awal penubuhan PMM, perolehan secara hadiah diberikan oleh Muzium Negara sebanyak 31 naskhah. Selain itu, antara Manuskrip Melayu yang diperolehi dari dalam negara juga ialah *Hikayat Hang Tuah* (MSS 173), yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa peringkat *Memory of the World Programme*, UNESCO pada tahun 2001, telah diperolehi daripada seorang bangsawan Kelantan dan dipercayai milik istana memandangkan bentuk dan tulisannya yang professional. Selain itu, perolehan melalui bentuk hadiah juga diterima daripada Haji Fathil Basyir daripada Pulau Pinang dan Prof Dato' Dr. Taib Osman.³⁴

Manakala, Manuskrip Melayu yang terdapat di luar negara juga tidak diabaikan daripada aspek usaha memperolehnya. Tambahan pula seperti yang diketahui bahawa khazanah bernilai ini banyak tersimpan di negara luar. Umumnya, kebanyakannya diperolehi bukan dalam bentuk yang asal tetapi ghalibnya didapati dalam bentuk mikrofilem. Bentuk salinan faksimile dipilih bagi manuskrip yang beriluminasi dan penting. Salinan foto juga diperolehi tetapi tidak diberi keutamaan dalam pembinaan koleksi Manuskrip Melayu. Selain penyalinan, perolehan manuskrip luar negara juga didapati melalui cara pembelian, pertukaran dan hadiah.

Bagi manuskrip yang diperoleh melalui kaedah pembelian, terdapat jawatankuasa yang dilantik khusus untuk menilai sifat nadir dan nilai estetika manuskrip asal untuk melakukan penentuan harga manuskrip tersebut. Jawatankuasa yang dilantik dikenali sebagai Jawatankuasa Menilai Harga Manuskrip Melayu.

³⁴ Laporan Pusat PMM, 1985-1986. Kertas No.2, .h.2

Kebiasaannya Jawatankuasa ini terdiri daripada 4 ahli yang dipengerusikan oleh Pengarah PMM selaku Pengerusi Jawatankuasa, dibantu oleh Setiausaha iaitu Penolong Pengarah Unit Pembinaan Koleksi dan Pendokumentasian serta dua ahli jawatankuasa penilai. Penilaian dilakukan dengan begitu teliti dan penetapan harga yang dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria penting. Antaranya ialah isi kandungan atau tema penulisan iaitu manuskrip yang berkisar tentang hikayat, sastera, undang-undang adalah dalam kumpulan harga yang tinggi disebabkan kenadirannya dan nilai penulisannya. Manakala, isi kandungan selain daripada bidang perkara yang disebutkan adalah sebaliknya.³⁵

Selain itu, kekemasan naskhah sama ada ilustrasi, iluminasi dan tulisannya juga dipertimbangkan. Aspek ketebalan dan kewujudan naskhah yang sedia dalam simpanan juga diambil kira.³⁶ Sekiranya sesuatu judul manuskrip telah wujud dalam simpanan PMM lebih dari 3 naskah, harganya sedikit rendah berbanding masih belum wujud naskhah yang sama dan bilangannya kurang daripada 3 naskhah. Pembelian Manuskrip Melayu dibuat melalui peruntukan Belanjawan Mengurus, Belanjawan Pembangunan, dan Akaun Amanah Manuskrip Melayu.³⁷ Sehingga kini, jumlah manuskrip dalam simpanan PMM yang diperolehi ialah.³⁸

³⁵ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Jadual 4.1: Jumlah Manuskrip Dalam Simpanan PMM Yang Diperoleh

Jenis	Bilangan naskhah
Keseluruhan	4323 naskhah
Manuskrip Melayu	4073 naskhah
Manuskrip Arab	106 naskhah
Al-Quran	46 naskhah
Warkah / Surat	60 lembar
Manuskrip Tertua	Khalq al-Samawat wa al-Ard (MSS 1517) bertarikh 1637 M. karangan Syeikh Nuruddin al- Raniri.
Manuskrip Termahal	<i>Al- Quran</i> , 4 jilid (MSS 4136).
Manuskrip paling bernilai	Hikayat Hang Tuah (MSS 1713)

Sumber: *En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.*

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya bahawa manuskrip disimpan dalam pelbagai bentuk, sama ada bentuk asal atau salinan mikrofilem dan mikrofis. Manuskrip yang dikesan dan diperolehi dalam bentuk salinan kebanyakannya berasal dari repositori negara-negara luar seperti London, Leiden, Perancis, Denmark, Paris, dan banyak lagi seperti yang telah dinyatakan di bab dua penulisan penulis.

Namun begitu, juga terdapat salinan daripada repositori dari institusi dalam negara seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Negeri Kelantan, Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan Universiti Malaya dan sebagainya. Penulis menyenaraikan jumlah perolehan oleh PMM daripada pelbagai bentuk simpanan sama ada berbentuk asal atau mikrofilem dan mikrifos. Bilangan dikeluarkan mengikut jumlah dan mengikut judul simpanan. Hal ini kerana, terdapat manuskrip yang mempunyai judul yang sama, tetapi mempunyai jumlah lebih daripada satu salinan.

Jumlah perolehan mengikut bilangan salinan yang terdapat di PMM adalah seperti berikut:

i. Manuskrip Asal

Jadual 4.2: Jumlah Manuskrip Asal Dalam Simpanan Mengikut Tahun

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	1987	347
2	1990	421
3	1993	368
4	1997	303
5	1999	298
6	2000	158
7	2001	197
8	2002	271
9	2003	136
10	2006	497
11	2008	380
JUMLAH KESELURUHAN		3406

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

ii. Mikrofilem

Jadual 4.3: Jumlah Koleksi Salinan Manuskrip Melayu Dalam Bentuk Mikrofilem

BIL	TAHUN	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	INDIVIDU	JUMLAH
1	1989	156	481	8	645
2	1998	502	427	15	944
3	2007	885	7	-	892
JUMLAH KESELURUHAN					2481

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

iii. **Mikrofis**

Jadual 4.1: Jumlah Koleksi Manuskrip Dalam Bentuk Mikrofis

BIL	TAHUN	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	INDIVIDU	JUMLAH
1	1989	95	89	-	184
JUMLAH KESELURUHAN					184

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

Manakala, jumlah koleksi manuskrip berbentuk asal mengikut judul adalah seperti berikut:

**Jadual 4.5:
Koleksi Manuskrip Melayu Mengikut Judul Dalam Bentuk Asal**

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	1987	393
2	1990	501
3	1993	624
4	1997	173
5	1999	445
6	2000	236
7	2001	297
8	2002	369
9	2003	224
10	2006	344
11	2008	717
JUMLAH		4323

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

iv. **Mikrofilem**

Jadual 4.6:
Jumlah Manuskrip Simpanan Dalam Bentuk Mikrofilem

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	1989	766
2	1998	590
3	2007	813
JUMLAH		2169

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

v. **Mikrofis**

Jadual 4.7:
Jumlah Manuskrip Melayu Dalam Bentuk Mikrofis Mengikut Judul

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	1989	178
JUMLAH		178

Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*

c) **Pembelian**

Hampir keseluruhan jumlah koleksi yang disimpan di dalam PMM adalah hasil pembelian. Mengambil kira nilai keunikan serta keintelektualan yang tersimpan di dalamnya, ghalibnya untuk mendapatkan sesebuah manuskrip memerlukan kos yang agak tinggi. Walau bagaimanapun, hasil keprihatinan pihak kerajaan melalui PMM, proses pembelian Manuskrip Melayu dibuat melalui peruntukan Belanjawan Mengurus, Belanjawan Pembangunan, dan Akaun Amanah Manuskrip Melayu.

d) Pendokumentasian

Manuskrip tidak akan berfungsi jika hanya disimpan tanpa diterokai nilai khazanah yang tersimpan di dalamnya. Pendokumentasian merupakan antara proses penting dalam pengurusan sumber perpustakaan terutamanya Manuskrip Melayu. Tambahan pula, pendokumentasian Manuskrip Melayu adalah sedikit berlainan dengan sumber perpustakaan yang lain. Hal ini kerana, keunikan tradisi penulisannya menyebabkan penentuan terhadap judul, pengarang, dan beberapa aspek pendokumentasian tidak dapat dikenal pasti. Namun, atas keprihatinan dan tanggungjawab pihak PMM mendokumen khazanah berharga ini berpandukan kepada Peraturan Menkatalog Manuskrip Melayu yang telah digariskan.

Bibliografi atau katalog ini diterbitkan oleh PMM dari semasa ke semasa di bawah Siri Bibliografi Manuskrip bertujuan untuk memudahkan kajian para sarjana serta memudahkan aliran maklumat dalam kalangan sarjana bidang kajian Manuskrip Melayu. Pendekatan PMM dalam memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif Manuskrip Melayu adalah sangat terperinci. Selain daripada nama pengarang, tarikh dan tempat ditulis, entri dalam katalog ini juga memuatkan deskripsi keadaan fizikal manuskrip, dakwat, tulisan, tera air, jilidan dan ringkasan kandungannya. Proses pendokumentasian Manuskrip Melayu dilakukan mengikut garis panduan yang telah disediakan iaitu Peraturan Menkatalog Manuskrip Melayu. (Lihat lampiran).

Melalui proses ini, PMM menyediakan Katalog Induk berdasarkan manuskrip-manuskrip Melayu yang telah dikesan di dalam dan luar negara walaupun manuskrip tersebut tidak dimiliki dan disimpan oleh PMM. Natijah kepada proses pendokumentasian ialah terhasilnya katalog yang diterbitkan yang melibatkan manuskrip di dalam dan di negara. Antara katalog yang tersebut ialah:

1. Katalog Manuskrip Melayu koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas (1987).
2. Katalog Manuskrip Melayu koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas: Tambahan Pertama (1990).
3. Katalog Manuskrip Melayu koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas: Tambahan Kedua (1993).
4. Katalog Manuskrip Melayu koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas: Tambahan Ketiga (1997).
5. Katalog Manuskrip Melayu koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas: Tambahan Keempat (1999).
6. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM (2000).
7. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Pertama (2001).
8. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Kedua (2002).
9. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Ketiga (2003).
10. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Keempat (2006).
11. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Kelima (2008).

Daripada senarai siri katalog di atas, menjelaskan sedikit ketidakseragaman pada pendekatan katalog yang diterbitkan iaitu pada peringkat pertama, hanya katalog ringkas disediakan. Namun bermula tahun 2000 katalog deskriptif mula digunakan. Walau bagaimanapun, pada Siri Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Manuskrip Melayu Tambahan kelima yang diterbitkan pada tahun 2008 PMM kembali menggunakan kaedah katalog ringkas. Hasil temu bual penulis bersama ketua bahagian Unit Pendokumentasian, Puan Effah Imtiaz, beliau menyatakan bahawa antara sebab perubahan tersebut adalah pertambahan unit di bawah PMM iaitu unit Jawi, menyebabkan pengagihan pegawai untuk menjalankan tugas pendokumentasian

berkurangan. Tambahan pula, pendokumentasian manuskrip adalah sedikit berlainan daripada sumber perpustakaan lain disebabkan keunikannya.³⁹

CONTOH KATALOG RINGKAS:⁴⁰

MS 696 ← No. panggilan manuskrip

Idah al-bab li murid an-Nikah ← Judul seragam

ايضاح الباب لمريد النكاح بالصواب ← Judul sebenar

Disalin oleh Haji Abdul Samad bin ← Nama penyalin dan tarikh/tempat
disalin Haji Abdul Rahim pada hari Ahad, 17 Ramadhan 1263 A.H.[29 Ogos 1847
A.D.] tahun 'zal' di Mekah.

Karya asal disusun oleh Syeikh ← Nama pengarang dan tarikh/tempat
dikarang Daud Abdullah Patani pada malam Isnin, 9 Rabiulawal 1224 A.H. [14 April
1809 A.D.] di Mekah.

[70]ff. ; 23 b. ; 24 x 17.2 cm. ← Folio

Ukuran ↑
↑
Baris

Lengkap ← Keadaan lengkap

³⁹ Puan Effah Imtiaz Zainol (Ketua Unit Pendokumentasian), dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.

⁴⁰ Manuskrip Melayu Koleksi PNM: satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama (1990). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.h.vii.

CONTOH KATALOG DESKRIPTIF:⁴¹

MSS 2626 ← No. panggilan mikrofilem (salinan 1).
Nahj al-raghibin wa subul al-muttaqin ← Judul
Diterjemah oleh Daud bin Abdullah bin Idris ← Pengarang/penyalin
Fatani pada tahun 1226H.[1811M.]. Selesai disalin ← Tarikh dikarang/
disalin oleh Abdul Ghafur ibn Shamsudin pada pukul 5 hari Sabtu, 8 Syawal 1271 H.
[24 Jun 1855M.].
[114]ff.+4 ; 23 x 16.7 cm. ; 21 baris. Kertas laid ← Jumlah halaman/
Eropah berwarna putih kekuningan dan ukuran/ baris/
Mempunyai lubang-lubang yang menjejaskan teks kertas di sebahagian halaman
tera air; (i) VG (ii) Bulan sabit berprofil ← Tera air
manusia di dalam perisi (iii) DOME VISINTINI D. CARLO dan 1845 dihiasi mahkota
(iv) DOMENICO VISINTINIQ M. CARLO dan 1844 dihiasi mahkota.
Dakwat berwarna hitam dan coklat. Rubrikasi pada ← Dakwat
perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat bahasa Arab termasuk sabda Nabi.
Tulisan kemas, menarik dan konsisten ← Tulisan
Tidak berjilid, dibalut dengan sekeping kertas tebal berwarna gelap ← Jilidan
Naskhah ini asalnya dimiliki oleh Haji Abdul Salam seperti tercatat di f.1r. ←
Sejarah
تمت الكلام بالخير والتسليماً ← kolofon

⁴¹ Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Kedua 2002. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.h.xi-xii

Kolofon

كفد دلافن هاري بولن شوال هاري سبت

جم فوكل ليم وكاتبه / عبدالغفور ابن

شمس الدين غفرالله... / ... 1271 سنة

ادات تاريخ / ...

Membicarakan tentang hukum jual beli secara ← Ringkasan kandungan terperinci yang dibahagikan kepada beberapa kitab. Antara lain menyatakan hukum berkedai, syarikat, wikalah, ikrar, hukum meminjam, hukum merampas, memelihara kebun, mengupah dan wasiat.

Tidak lengkap ← Lengkap/tidak lengkap

Pada pandangan penulis berdasarkan maklumat yang disertakan melalui kedua-dua jenis katalog ini, ia sudah memenuhi keperluan untuk penulis menjalankan carian manuskrip. Walau bagaimanapun, katalog berbentuk deskriptif adalah lebih menepati kehendak penulis dalam bidang penyelidikan manuskrip untuk membuat penerokaan awal terhadap sesebuah manuskrip kerana ia lebih terperinci dan hampir lengkap.

Selain manuskrip asal, PMM juga mendokumen hasil perolehannya dalam bentuk simpanan yang lain iaitu mikrofilem dan mikrofis. Simpanan dalam bentuk ini juga diterbitkan siri katalognya tersendiri iaitu:

1. Katalog Manuskrip Melayu Mikrofom (1989)
2. Katalog Manuskrip Melayu Mikrofom Tambahan Pertama(1998)
3. Katalog Manuskrip Melayu Mikrofom Tambahan Kedua (2007)

CONTOH KATALOG MIKROFOM:⁴²

Mkm 8587 ← No. panggilan mikrofilem (salinan 1)

Mkm 8588 ← No. panggilan mikrofilem (salinan 2)

b. 'Aqidah al-'awwam ← Judul

Salinan mikrofilem (positif) manuskrip MSS 2144 ← Nombor panggilan manuskrip asal.

Di PNM ← Institusi penyimpanan.

Selain katalog Manuskrip Melayu dalam Negara, PMM juga menyediakan Katalog Manuskrip yang tersimpan di luar negara hasil daripada penghantaran pegawainya ke negara-negara tersebut. Katalog manuskrip luar negara yang diterbitkan ialah:

1. Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (1985).
2. Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (1991).
3. Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat (1992).
4. Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress, USA (1993).
5. Katalog Manuskrip Melayu di Singapura (1993).
6. Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998).

e) Keselamatan dan Penyimpanan

PMM sangat mementingkan aspek penyimpanan dan keselamatan Manuskrip Melayu memandangkan Manuskrip Melayu mempunyai nilai dan kepentingan yang tinggi kepada masyarakat Melayu serta usaha memperolehnya adalah suatu usaha yang

⁴² Manuskrip Melayu Mikrofilem Tambahan Kedua (2007). Kuala Lumpur: PNM, .h.vii

perlu dihargai. Oleh itu, penyediaan kemudahan penyimpanan dan peraturan keselamatan harus dititik beratkan.

Langkah pertama yang telah diambil oleh pihak PMM ialah dengan mengecap tanda hak milik PNM pada semua naskhah manuskrip dengan menggunakan dakwat bebas daripada asid agar pihak PMM dapat mengenal pasti sebarang manuskrip yang hilang atau dicuri. Selain daripada itu, penyemakan inventori dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali.

PMM memastikan tahap keselamatan Manuskrip Melayu yang sangat bernilai itu berada pada tahap tertinggi. Hal ini berikutan Manuskrip Melayu yang mempunyai sifat nadir yang baik dan kandungan yang sangat berharga kepada keintelektualan Melayu mempunyai nilai yang lebih tinggi. Semakin lama usia sesuatu manuskrip semakin tinggi nilai dan antik sesuatu manuskrip tersebut. Maka, semua Manuskrip Melayu yang mempunyai nilai yang sangat tinggi ini telah diberikan perlindungan insuran, pengawasan yang sangat rapi dan disimpan di dalam peti kebal kalis api.

Sebagai contoh, manuskrip yang tertua yang terdapat dalam simpanan PMM iaitu *Khalq al-samawati wa al-ard* (MSS 1517(A)), yang telah dikarang oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri pada 6 Muharam 1047H bersamaan 31 Mei 1637M atas perintah Sultan Iskandar Thani. Manuskrip ini terlalu istimewa dan penting kerana ia merupakan Bab 1 *Bustan al-Salatin* dan menyatakan kejadian tujuh petala langit dan bumi dalam 10 fasal.

Di samping itu juga, manuskrip-manuskrip Melayu yang baru diperolehi dan diserahkan untuk dinilai, akan disimpan di dalam bilik kebal kalis api. Tambahan lagi,

tempat penyimpanan manuskrip juga dilengkapi dengan peralatan dan langkah keselamatan yang cukup supaya terselamat daripada kemungkinan bahaya kecurian, kebakaran, serangga dan sebagainya. Antara kelengkapan peralatannya ialah *dehumidifier* iaitu alat untuk mengawal kelembapan, *Thermo Hidrograf*, *purifire*, pintu kebal, gas keselamatan untuk kemungkinan kebakaran dan kemudahan tempat simpanan manuskrip yang dikenali dengan *compactus*.⁴³

Selain daripada itu, manuskrip yang diperolehi dalam bentuk asal akan disimpan di dalam kotak bebas asid di bilik kebal yang berhawa dingin sepenuh masa (suhu 15-25°C) serta mempunyai kawalan kelembapan (45+5%) kerana manuskrip-manuskrip Melayu yang diperolehi dalam bentuk asal mempunyai usia yang tua dan kandungan manuskrip ini telah ditulis oleh para cendekiawan Melayu terdahulu di atas daun, buluh, kayu dan juga kertas. Peralatan yang digunakan sangat mudah mereput dan terbakar. Oleh yang demikian, PMM telah mengambil langkah keselamatan tersebut bagi memastikan khazanah berharga ini terus kekal daripada generasi ke generasi seterusnya.

Namun begitu, bagi manuskrip yang diperolehi dalam bentuk salinan mikro tidak sesekali dikesampingkan keselamatannya. Salinan mikro ini akan disimpan dalam ruang yang sesuai bagi tujuan pemuliharaan. Bahkan, salinan manuskrip dalam bentuk mikro dibuat dalam beberapa salinan dan disimpan oleh bahagian yang terlibat iaitu salinan generasi pertama dan kedua untuk penyalinan akan disimpan oleh Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi. Salinan ketiga untuk penulisan dan salinan keempat untuk Sistem Pembekalan Penerbitan akan disimpan oleh PMM. Selain itu juga, bagi

⁴³ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010

manuskrip-manuskrip yang belum melalui proses pewasapan perlu diasingkan daripada manuskrip yang telah diwasap.⁴⁴

f) Pemuliharaan

Mengambil kira faktor usia dan terdedah serta berhadapan dengan faktor yang merosakkannya, kebanyakan manuskrip tidak berada dalam kondisi yang baik dan cantik. Atas keprihatinan ini, proses pemuliharaan adalah penting dalam memastikan kelestarian khazanah berharga ini. Maka, program di peringkat pemuliharaan ini melibatkan hubungan langsung antara dua bahagian PNM iaitu bahagian Pemuliharaan dan PMM seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini. Bagi tujuan mengetahui program pemuliharaan ini, penulis membuat lawatan ke bahagian pemuliharaan PNM dan berkesempatan menemu bual En.Nazri, Pegawai Pemuliharaan Manuskrip dari bahagian ini. Dalam temu bual tersebut, beliau membincangkan peringkat-peringkat pemuliharaan seperti berikut:

Pada peringkat permulaan, semua manuskrip yang diterima akan melalui dua proses iaitu pewasapan dan penyahasidan.

i. Pewasapan

Pada peringkat awal, manuskrip akan melalui kaedah pewasapan. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini bahawa manuskrip-manuskrip asal telah ditulis oleh para cendekiawan zaman silam di atas kertas, kulit, daun lontar dan kulit kayu. Kesemua bahan-bahan penulisan ini merupakan bahan semula jadi yang mudah mereput dan dijangkiti serangga seperti anai-anai, pijat, lipas dan sebagainya. Sekiranya tidak dipulihara, maka

⁴⁴ Proses yang menggunakan gas beracun untuk menghapuskan serangga dalam manuskrip. Kertas mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu, Bil. 1, 6 Julai 1991, lampiran I.

manuskrip asal yang menjadi khazanah berharga ini akan lupus. Oleh yang demikian, kaedah pewasapan digunakan untuk membunuh serangga dan kulat yang terdapat di dalam manuskrip dan buku di samping mencegah bahan-bahan ini daripada diserang semula.

Kaedah pewasapan ini melibatkan penggunaan pelbagai jenis bahan kimia. Antara bahan kimia yang lazim digunakan dalam kaedah ini ialah *Paradychlorobenzene* yang merupakan bijirin yang digunakan ke atas anai-anai, pijat dan *silverfish*. Bahan kimia ini mampu membunuh serangga kecil yang berukuran antara 0.1 hingga 0.5 inci dalam jangka masa 14 hari. Selain daripada itu, *Phostoxin* juga dalam bentuk bijirin turut digunakan dalam kaedah pewasapan ini. Bahan kimia ini bertindak balas ke atas serangga seperti lipas dalam jangka waktu yang lebih singkat iaitu tiga hari. Bahan kimia dalam bentuk gas juga digunakan ke atas haiwan atau serangga yang mempunyai saiz yang lebih besar iaitu antara 5 hingga 7 inci seperti tikus rumah. Gas yang digunakan ialah *Methylbromide* gas, yang mampu membunuh serangga dalam tempoh tiga hari.

ii. Penyahasidan (*deacidation*)

Manuskrip Melayu yang baru diterima untuk proses pemuliharaan perlu diuji tahap keasidannya. *ABBY pH pen* digunakan untuk menguji kandungan asid manuskrip tersebut. Manuskrip yang mempunyai kandungan asid mempunyai tahap pH 1 hingga 6, manakala tahap 7 hingga 13 menunjukkan kandungan neutral. Selain itu, ujian kelunturan dakwat juga dijalankan ke atas manuskrip untuk mengetahui kualiti dakwat yang digunakan dalam penulisan manuskrip kerana sebagaimana yang dimaklumi bahawa dakwat yang digunakan oleh para ilmuan terdahulu dalam penulisan manuskrip adalah merupakan bahan-bahan

semula jadi daripada alam sekeliling seperti jelaga dan buah senduduk. Dalam ujian ini, air suling dan *blotting paper* digunakan untuk menguji kelunturan dakwat. Air suling dititikkan ke atas manuskrip dan kemudiannya diletakkan *blotting paper* di atasnya. Dakwat manuskrip yang meluntur akan memberi kesan di *blotting paper*.

Setelah menjalani ujian-ujian tersebut, Manuskrip Melayu berkenaan akan dibersihkan dengan menggunakan berus lembut dan *draft clean pad*. Seterusnya manuskrip akan melalui proses penyahasidan secara kering dengan menggunakan campuran bahan kimia *barium hydroxide* dan *methanol*. Segala proses ini dijalankan di dalam *fume cupboard*. Akhirnya, manuskrip berkenaan dikeringkan di dalam rak pengeringan sebelum menjalani proses selanjutnya.⁴⁵

Gambar 4.1: Peralatan Dan Peringkat Awal Pemuliharaan



Sumber: *Lawatan ke Bahagian Pemuliharaan pada 13 September 2011.*

Manuskrip-manuskrip yang akan menjalani aktiviti pembaikan akan diasingkan mengikut keadaan manuskrip berkenaan dan akan menjalani pembaikan bergantung kepada kesesuaian. Terdapat dua kaedah pelaksanaan

⁴⁵ En.Nasri (Pegawai Bahagian Pemuliharaan Manuskrip Melayu PNM) dalam temu bual dengan penulis. 13 September 2010

pemeliharaan manuskrip secara fizikal iaitu pembaikan tisu dan pembaikan *leafcasting*.

iii. Pembaikan tisu


Pembaikan tisu merupakan proses kerja ke atas manuskrip yang keadaan kertasnya lembut, rapuh, reput dan dakwat kembang serta berlubang dimakan anai-anai dan serangga. Kerja-kerja pembaikan tisu yang menggunakan *machine made roll tissue* ini memerlukan perhatian dan kesabaran yang tinggi.

Langkah pertama yang dilakukan dalam kerja-kerja pembaikan tisu ialah penyediaan perekat. Perekat yang menggunakan *carboxy methyl cellulose* ditimbang terlebih dahulu mengikut kadar yang ditetapkan sebelum dipukul rata bersama air suling.

Seterusnya, manuskrip yang ingin menjalani pembaikan tisu akan dilapisi dengan beberapa lapisan kertas. *Arbex polyester* diletakkan pada lapisan paling bawah. Ini diikuti oleh kertas buatan tangan (*handmade paper*), manuskrip, *machine made roll tissue* dan lapisan teratas ialah *polyester screen*. *Machine made roll tissue* perlu diletakkan dengan berhati-hati di atas manuskrip agar semua permukaan manuskrip sempurna ditutup. Setelah semua lapisan kertas tersebut disusun rapi, perekat yang diperbuat daripada *carboxy methyl cellulose* tadi disapu dengan penuh teliti di atas lapisan tersebut. Kemudiannya, manuskrip yang sudah siap disapu perekat, dikeringkan di dalam rak pengeringan. Manuskrip yang telah benar-benar kering, akan menjalani proses berikutnya.

Perekat yang sudah kering dan mengeras sehingga menutupi manuskrip dikikis dengan berhati-hati dengan menggunakan pisau bedah (*surgical knife*). Proses kerja ini memerlukan ketelitian yang tinggi agar tidak merusak manuskrip. Langkah berikutnya ialah kerja-kerja untuk meratakan manuskrip. Manuskrip akan diratakan dengan menggunakan kaedah *standing press*. Akhir sekali, manuskrip yang telah siap melalui proses pembaikan tisu akan dipotong mengikut *margin* yang dikehendaki sebagaimana yang telah ditetapkan oleh PNM. *Margin* dipotong dengan menggunakan pembaris besi, *NT cutter* dan *cutting mate* agar manuskrip yang telah siap menjalani pembaikan tisu tampak kemas dan rapi.

Gambar 4.2: Proses Pemuliharaan Manuskrip Kaedah Pembaikan Tisu



Sumber: Lawatan ke Bahagian Pemuliharaan pada 13 September 2011.

iv. Pembaikan *Leafcasting*

Pembaikan *Leafcasting* ialah kaedah yang dilakukan dengan menggunakan mesin *Leafcaster*⁴⁶ untuk menghasilkan kerja yang banyak. Proses kerja ini dilakukan pada manuskrip yang kertasnya dalam keadaan baik, dakwat pula tidak kembang. Namun, manuskrip yang berlubang disebabkan anai-anai atau serangga yang lain masih boleh menggunakan kaedah ini.

Manuskrip yang telah sedia untuk menjalani proses pembaikan, akan dilembapkan terlebih dahulu dengan menggunakan span dan air suling. Seterusnya, manuskrip tersebut akan ditutup sepenuhnya dengan menggunakan *polyester film* di atas mesin *Leafcaster*. Pada masa yang sama, *bodlein* dikisar untuk dijadikan serat sebelum dituang ke atas manuskrip yang telah ditutupi serat tadi. Mesin *Leafcaster* kemudiannya dibiarkan beroperasi.


Selesai proses tersebut kita akan mendapati serat akan menutupi ruang yang berlubang pada manuskrip. Seterusnya, manuskrip akan diratakan dengan menggunakan *roller*. Air yang berlebihan pada manuskrip akan diserap menggunakan mesin *hydraulic press* dan *blotting paper*. Manuskrip tersebut kemudiannya disapu dengan perekat yang diperbuat daripada *carboxy methyl cellulose* sebelum diletakkan di dalam rak pengering untuk dikeringkan. Akhirnya, manuskrip tersebut telah siap diperbaiki.

Kesemua manuskrip yang telah siap dipulihara sama ada secara pembaikan tisu atau pembaikan *Leafcasting* akan disimpan di dalam kotak penyimpanan

⁴⁶ Kaedah ini adalah inspirasi dari negara Jerman hasil lawatan seorang pegawai bahagian Pemuliharaan ke negara tersebut. Maklumat hasil temu bual bersama En Nasri, Pegawai dari bahagian Pemuliharaan Manuskrip Melayu.

manuskrip yang dibuat khas bersifat bebas asid. Ini bertujuan untuk memelihara manuskrip yang telah dipulihara daripada rosak akibat sifat asid pada persekitarannya.

Gambar 4.3: Proses Pemuliharaan Manuskrip Kaedah *Leafcasting*



Sumber: Lawatan ke Bahagian Pemuliharaan pada 13 September 2011.

g) Mikrofilem

Mikrofilem merupakan salah satu kaedah pemuliharaan yang telah digunakan dengan membuat salinan manuskrip dalam bentuk mikrofilem. Salinan Manuskrip Melayu ke dalam bentuk mikrofilem adalah dengan menggunakan mesin khas. Selepas manuskrip tersebut dibuat salinan, mikrofilem akan disemak agar tiada kandungan manuskrip yang tertinggal. Akhirnya, mikrofilem tersebut disimpan di dalam kotak sebagai koleksi PMM yang akan digunakan untuk tujuan lain seperti penulisan.

Selain itu, daripada pemuliharaan aspek fizikal manuskrip, pemuliharaan kandungan manuskrip daripada medium asal kepada medium teknologi kini juga tidak dikesampingkan. Selain manuskrip disalin ke bentuk mikrofilem, pihak PMM juga mempunyai perancangan untuk memindahkan manuskrip ke dalam talian. Namun, hasrat ini masih diperingkat perancangan disebabkan kekangan kewangan. Berikutan projek ini dianggarkan menelan kos yang agak tinggi.⁴⁷

h) Reprografi

Reprografi merupakan aktiviti yang dijalankan oleh PMM dalam membuat salinan foto sesuatu manuskrip. Pihak PMM telah menetapkan beberapa syarat kepada pihak-pihak yang ingin membuat salinan foto daripada Manuskrip Melayu iaitu manuskrip asal tidak boleh sama sekali dibuat salinan foto. Salinan foto hanya dibenarkan dibuat kepada salinan kertas.

Walau bagaimanapun, PMM masih membenarkan aktiviti fotografi manuskrip asal dibuat sekiranya salinan dalam bentuk lain tidak dapat memenuhi

⁴⁷ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

keperluan penulis. Permohonan perolehan salinan daripada luar adalah dibenarkan untuk manuskrip-manuskrip kepunyaan PNM sahaja. Namun begitu, PMM telah menetapkan bayaran ke atas permohonan tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu, manuskrip-manuskrip yang terdapat di PNM akan mempunyai empat salinan mikro iaitu salinan generasi pertama untuk pemeliharaan, salinan generasi kedua untuk penyalinan, salinan generasi ketiga untuk penulisan dan salinan generasi keempat untuk Sistem Pembekalan Penerbitan. Manakala mikrofilem atau mikrofilm manuskrip luar negara boleh dibuat salinan tambahan untuk tujuan Sistem Pembekalan Penerbitan sahaja

i) Penyelidikan

PMM amat menggalakkan para sarjana dan penulis mengkaji tentang Manuskrip Melayu. Dalam usaha penggalakkan ini, PMM menyediakan kompilasi kepada semua judul hasil penulisan ilmiah berbentuk penyelidikan di pelbagai peringkat bermula daripada ijazah sarjana muda sehingga ke peringkat doktor falsafah daripada beberapa institusi pengajian tinggi terutamanya UKM dan UM. Senarai judul diklasifikasikan mengikut bidang perkara dan disertakan beberapa maklumat secara terperinci sebagai rujukan pengguna dan pengkaji lain. Selain itu, antara kemudahan perkhidmatan yang disediakan ialah bilik penulisan yang selesa, ruang pameran manuskrip dan penasihat penulis.

Para penulis yang mengkaji tentang ilmu-ilmu Melayu boleh menggunakan salinan mikro untuk tujuan penulisan. Naskhah asal hanya

dibenarkan menjadi rujukan kepada penulis yang ingin mengkaji tentang sifat fizikal manuskrip tersebut dan manuskrip tersebut hanya dibenarkan dirujuk di ruang bacaan PMM sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memastikan naskhah asal Manuskrip Melayu tidak hilang dan dibawa keluar daripada PNM dengan sewenang-wenangnya.

j) Pinjaman

Selain daripada menyediakan rujukan kepada para penulis, PMM turut membenarkan para penulis meminjam salinan mikrofilem atau mikrofis Manuskrip Melayu di bawah Sistem Pembekalan Penerbitan. Di samping itu, PMM juga memberikan pinjaman kepada mana-mana pihak untuk tujuan pameran mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PMM menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan pengumpulan bahan yang dipohon untuk pinjaman, manakala Sistem Pembekalan Penerbitan mengendalikan pengiriman bahan tersebut. Pihak PMM juga bersedia memberi khidmat sebagai perantara antara penulis dengan pihak lain sama ada institusi atau individu yang mempunyai manuskrip yang diperlukan terutamanya institusi di luar negara dan memerlukan proses yang rumit untuk mendapatkannya tanpa urusan yang rasmi.⁴⁸

k) Pameran

PMM turut menjalankan aktiviti pameran secara berkala sama ada berbentuk dalaman mahupun luaran. Pameran dalaman yang dilaksanakan secara berkala dua bulan sekali telah diwajibkan penganjurannya kepada pegawai-

⁴⁸ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

pegawai setiap bahagian di bawah PMM.⁴⁹ Setiap bahagian ini akan mempamerkan manuskrip dan hasil kerja berdasarkan peranan yang dimainkan oleh mereka dalam PMM. Manakala pameran luaran yang diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat Malaysia mengenali dan mengetahui tentang Manuskrip Melayu diadakan oleh PMM berdasarkan tema sambutan perayaan tertentu atau hari-hari kebesaran Islam seperti sambutan Maulidur Rasul, Hari Kebangsaan, Nuzul Al-Quran, Hari Pahlawan dan sebagainya yang bersesuaian dengan kandungannya. Manuskrip yang dipamerkan pada pameran tersebut adalah mengikut kesesuaian tema. Contohnya pada pameran memperingati jasa dan keberanian Hang Tuah pada 21 Julai 2010 hingga 31 Ogos 2010, manuskrip-manuskrip yang berkaitan dengan Hang Tuah dipamerkan seperti *Hikayat Hang Tuah* yang mempunyai pelbagai versi iaitu MSS 1658 (yang telah dikarang oleh Tun Kulah@Kola), MSS 1713 (yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan bertarikh sanat pada 1282 H bersamaan dengan 1865 M), MSS 2580 dan MSS 3903.

Pada kebiasaannya, PMM mengadakan pameran di PNM. Pameran ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada masyarakat tentang nilai estetika dan kepentingan ilmu yang terdapat dalam Manuskrip Melayu agar generasi pada hari ini dapat menghayati serta menghargai kewujudan dan kepentingan khazanah berharga bangsa Melayu ini. Kebanyakan Manuskrip Melayu yang dipamerkan kepada pengunjung adalah manuskrip yang masih dalam keadaan baik dan tidak terlalu uzur. Manuskrip-manuskrip yang terlalu uzur tidak diberi kebenaran untuk dipamerkan.

⁴⁹ *Ibid.*

Pameran melibatkan pameran dalam jabatan, luar jabatan yang melibatkan pelbagai peringkat iaitu kebangsaan ataupun antarabangsa. Senarai pameran yang telah dijalankan oleh pihak PMM adalah seperti berikut:

i. Pameran Antarabangsa

Jadual 4.8: Pameran Peringkat Antarabangsa Oleh PNM

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pameran Manuskrip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu	Jun-Nov 1990	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
2.	Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu	1-31 Oktober 1995	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
3.	Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa 2006	1-31 Okt 2006	Ruang Pameran, Aras 1, PNM

Sumber: *Mastura Husin (Ketua Unit Perkhidmatan Rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.*

ii. Pameran dalam Jabatan

Jadual 4.9: Pameran Dalam Jabatan

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pameran Manuskrip Melayu: Satu Panghayatan Minda	2 - 31 Okt 1995	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
2.	Pameran Program Minggu Sastera Bahasa dan Budaya	27 Sept - 2 Okt 1999	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
3.	Pameran Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang	6 - 30 Okt 2000	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
4.	Pameran Warkah Tulus Ikhlas: Yang Tersurat dan Tersirat	8 - 31 Okt 2001	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
5.	Pameran Karya Agung Warisan Dunia	27 Ogos - 28 Sept 2002	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
6.	Pameran Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam	17 Sept - 6 Okt 2003	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
7.	Pameran Ulama Nusantara Abad ke-19 dan 20	13-30 Jun 2004	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
8.	Pameran Manuskrip Melayu: Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa	10 Julai - 15 Ogos 2006	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
9.	Pameran Manuskrip Melayu	2006	Ruang Pameran, Aras 1,

	sempena Festival Kuala Lumpur		PNM
10.	Pameran Keunggulan Seni Khat dalam Tulisan Jawi	15 Julai – 15 Ogos 2008	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
11.	Pameran Manuskrip Islam sempena Kuala Lumpur as Capital of Islamic Culture (KLCIC)	Julai – Ogos 2009	Ruang Pameran, Aras 1, PNM
13.	Pameran Hikayat Hang Tuah: Legenda Pahlawan Melayu	1 Julai – 30 Sept 2010	Ruang Pameran, Aras 1, PNM

Sumber: *Mastura Husin (Ketua Unit Perkhidmatan Rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.*

iii. Pameran Luar Jabatan

Jadual 4.10: Pameran Luar Jabatan

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pameran Manuskrip Melayu: Kegemilangan Tamadun Melayu	Jun - Nov 1990	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2.	Pameran Manuskrip Lama sempena Minggu Sastera 1998	30 Sept – 5 Okt 1998	Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur
3.	Pameran Perubatan Melayu	23 - 24 Ogos 2002	Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
4.	Minggu Warisan 2005	3 - 9 Disember 2005	Arkib Negara
5.	Pameran Keunggulan Jawi	17 Mac – 7 Mei 2008	Jabatan Muzium Negara Cawangan Terengganu
6.	Pameran Manuskrip 09	9 – 10 Dis 2009	Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai (USIM)
7.	Pameran Sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan- Allahyarham Tun Abdul Razak	27-28 Mac 2010	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
8.	Pameran Kenali Warisan Kita: Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu sempena Karnival	11 – 13 Jun 2010	Pasar Seni, Kuala Lumpur

	Cuti Sekolah		
9.	Pameran Manuskrip Nusantara	26 – 28 Jun 2010	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah

Sumber: Mastura Husin (Ketua Unit Perkhidmatan Rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.

iv. Pameran Bergerak

Jadual 4.11: Pameran Bergerak

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pameran Koleksi Agung Negara Warisan Dunia	12 Nov – 10 Dis 2002	Perbadanan Perpustakaan Awam Perak
2.	Pameran Koleksi Agung Negara Warisan Dunia	12 Dis – 28 Dis 2002	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
3.	Pameran Koleksi Agung Negara Warisan Dunia	4 – 28 Feb 2003	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia
4.	Pameran Koleksi Agung Negara Warisan Dunia	5 Mei – 5 Jun 2003	Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis
5.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	11 – 29 Mei 2004	Perbadanan Perpustakaan Awam Perak
6.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	9 – 30 Ogos 2004	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
7.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	13 – 31 Dis 2004	Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru
8.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	3 - 30 April 2005	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
9.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	23 Jun – 31 Julai 2005	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
10.	Pameran Manuskrip Melayu sempena Program Merakytakan Seni Anjuran KeKKWa	11 - 12 Feb 2006	Putrajaya

11.	Pameran Manuskrip Melayu sempena Program Merakyatkan Seni Anjuran KeKKWa	14 – 17 April 2006	Kedah
12.	Pameran Manuskrip Melayu sempena Program Merakyatkan Seni Anjuran KeKKWa	3 – 6 Mei 2006	Kelantan
13.	Pameran Manuskrip Melayu sempena Program Merakyatkan Seni Anjuran KeKKWa	9 – 12 Sept 2006	Air Keroh, Melaka
14.	Pameran Manuskrip Melayu: Warisan Penilaian Silam	9 – 27 Feb 2008	Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru
15.	Pameran Manuskrip Melayu dan Koleksi Nadir	25 Mei – 25 Jun 2011	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka

Sumber: *Mastura Husin (Ketua Unit Perkhidmatan Rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.*

Daripada jadual senarai pameran bergerak yang telah diadakan oleh pihak PMM, penulis merumuskan peningkatan pengunjung ke PMM dari tahun 2003-2006 mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan usaha mempromosikan khazanah berharga ini melalui pameran bergerak yang diadakan di seluruh negeri. Maka, maklumat dan informasi mengenai manuskrip Melayu dapat disampaikan dan seterusnya mereka akan berminat berkunjung ke PMM untuk melihat dan meneliti dengan lebih dekat lagi khazanah berharga ini.

v. **Pameran Mini**

Jadual 4.12: Pameran Mini

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Ilustrasi	Mac 2002	Bilik Penyelidikan PMM
2.	Hikayat Nabi-Nabi	Jun 2002	Bilik Penyelidikan PMM
3.	Pameran al-Quran dan Hadis	September 2002	Bilik Penyelidikan PMM
4.	Pameran Hadith	April – Jun 2004	Bilik Penyelidikan PMM
5.	Pameran Tarekat	Julai – Sept 2004	Bilik Penyelidikan PMM
6.	Pameran Kitab-kitab Karya Sheikh Nuruddin al-Raniri	Mac - Ogos 2005	Bilik Penyelidikan PMM
7.	Pameran Manuskrip Syair dan Nazam	1 Sept 2005	Bilik Penyelidikan PMM
8.	Pameran Kitab-kitab Fikah	2005	Bilik Penyelidikan PMM
9.	Pameran Kitab-kitab Fikah	Jan- Dis 2006	Bilik Penyelidikan PMM
10.	Pameran Kolofon	Jan – Jun 2007	Bilik Penyelidikan PMM
11.	Pameran Tera Air	Julai – Dis 2007	Bilik Penyelidikan PMM
12.	Pameran Pangabadian Watak Lelaki dalam Manuskrip Melayu	2008	Bilik Penyelidikan PMM
13.	Pameran Kolofon	2008	Bilik Penyelidikan PMM
14.	Kitab Muamalat	2008	Bilik Penyelidikan PMM
15.	Ilmu Pengasih (Ilmu Tradisional Melayu)	2008	Bilik Penyelidikan PMM
16.	Pameran Kitab Aceh	2009	Bilik Penyelidikan PMM
17.	Pameran Kitab Nikah	2009	Bilik Penyelidikan PMM
18.	Pameran Sirat al-Mustaqim	2009	Bilik Penyelidikan PMM
19.	Seni Hias Manuskrip Melayu	2010	Bilik Penyelidikan

			PMM
20.	Pemuliharaan Manuskrip Melayu	2010	Bilik Penyelidikan PMM
21.	Pameran Koleksi Manuskrip Arab	Jan- Feb 2011	Bilik Penyelidikan PMM
22.	Pameran Cerita Nabi-Nabi	Mac – April 2011	Bilik Penyelidikan PMM
23.	Pameran Watermark	Julai - Ogos 2011	Bilik Penyelidikan PMM
24.	Pameran Salasilah	Sept- Okt 2011	Bilik Penyelidikan PMM

Sumber: *Mastura Husin (Ketua Unit Perkhidmatan Rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.*

Selain menganjurkan pameran Manuskrip Melayu, PMM turut mengalu-alukan penganjuran program dan pameran daripada mana-mana pihak. PMM akan memberikan pinjaman kepada mana-mana penganjur yang ingin mempamerkan Manuskrip Melayu. Walau bagaimanapun, Manuskrip Melayu yang digunakan untuk tujuan pameran di luar Perpustakaan Negara perlu diberikan perlindungan insurans dan pihak peminjam bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bahan-bahan tersebut.

l) Khidmat Nasihat

PNM melalui bahagian PMM boleh memberikan nasihat dan saranan dalam bidang penilaian, pendokumentasian dan pemuliharaan manuskrip di samping membantu secara langsung atau tidak kepada sesetengah penulis dalam bidang Manuskrip Melayu. Antaranya keterlibatan beberapa pegawai dari PMM dalam proses penilaian Manuskrip Melayu. Contohnya En. Faizal Hilmie yang terlibat sebagai Jawatankuasa Menilai Manuskrip Melayu di Arkib Negara Malaysia. Selain itu, usaha ‘turun padang’ untuk berhadapan dengan pemilik Manuskrip Melayu yang enggan berpisah dengan manuskripnya. Hal ini dikongsi

oleh En.Faisal Hilmie bersama penulis dalam satu temu bual. Beliau menceritakan pengalaman beliau berhadapan dengan pemilik manuskrip yang enggan berpisah dengan manuskrip contohnya pemilik di negeri Kedah, Kepulauan Bao-Bao, dan sebagainya.⁵⁰

m) Penerbitan

Menyedari hakikat bahawa Manuskrip Melayu merupakan khazanah penting yang mengumpulkan pelbagai bidang keilmuan cendekiawan Melayu terdahulu, PMM turut berperanan dalam menyebarkan ilmu dan hikmah yang terkandung di dalam manuskrip-Manuskrip Melayu agar buah fikiran dan pemikiran cendekiawan Melayu terdahulu dapat dikongsi dan dikembangkan dalam masyarakat pada hari ini.

Oleh kerana itu, peranan PMM yang bukan sekadar memelihara dan mendokumentasi Manuskrip Melayu, telah diperluas dalam bidang penerbitan pada tahun 1992 dengan terhasilnya sebuah jurnal ilmiah yang diberi nama *Jurnal Filologi Melayu*. Selain itu, PMM telah diamanahkan sebagai urusetia yang bertanggungjawab menerbitkan buku dan jurnal berkaitan dengan Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara. Wan Ali Wan Mamat pada ketika itu yang mengetuai PMM menyatakan bahawa “penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan peranan PMM di PNM iaitu menyebarkan ilmu yang terkandung dalam manuskrip melalui penyelidikan dan penerbitan”.⁵¹

⁵⁰ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

⁵¹ Roosfa Hashim, “Jurnal Filologi Melayu 1992-2002: Wadah Perbahasan Manuskrip Melayu”, (Perpustakaan Negara, 2004), 42

Beliau menambah mengenai skop dan fokus yang ditekankan dan diketengahkan oleh jurnal ini dengan menyatakan *Jurnal Filologi Melayu* ini diterbitkan supaya warisan ilmu yang terkandung dalam Manuskrip Melayu dapat disebarkan dengan lebih meluas dan dimanfaatkan oleh masyarakat ramai. Jurnal ini bersifat ilmiah supaya kandungannya dapat menjadi bahan rujukan kepada para penulis Manuskrip Melayu dan pemaparan maklumatnya lebih bererti. Judul sedemikian telah dipilih supaya skop jurnal dapat meliputi aspek-aspek yang lebih luas tetapi lebih berkaitan dan berfaedah dalam kajian Manuskrip Melayu. Penghayatan jurnal ini tidak terhad kepada pencinta sastera lama sahaja, bahkan kepada sesiapa sahaja yang berminat dengan pelbagai warisan ilmu Melayu sama ada mengenai sejarah, perubatan, agama atau lain-lain juga boleh mememanfaatinya”.⁵²

Selain *Jurnal Filologi Melayu*, PMM juga menerbitkan katalog-katalog manuskrip seperti yang telah dijelaskan di peringkat program pendokumentasian. Melalui mandat yang diberikan oleh PNM terhadap PMM dalam usaha penerbitan yang melibatkan Manuskrip Melayu akhirnya beberapa terbitan telah tersenarai. Iaitu:

i. Katalog

1. Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas (1987).
2. Manuskrip Melayu Koleksi PNM: satu katalog Ringkas. Tambahan Pertama (1990).
3. Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua (1993).

⁵² Roosfa Hashim (2004) “Jurnal Filologi Melayu 1992-2002: Wadah Perbahasan Manuskrip Melayu” dalam *Jurnal Filologi Melayu*. h. 3.

4. Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas. Tambahan Ketiga (1997).
5. Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Satu Katalog Ringkas: Tambahan Keempat (1999).
6. Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (1985).
7. Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (1991).
8. Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat (1992).
9. Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress, U.S.A (1993).
10. Katalog Manuskrip di Singapura (1993) Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998).
11. Katalog Manuskrip Melayu Mikroform (1989).
12. Manuskrip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu: katalog pameran (1990).
13. Katalog Induk Manuskrip Melayu di Malaysia (1993).
14. Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa (1995).
15. Katalog Manuskrip Melayu Mikroform. Tambahan Pertama (1998).
16. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM (2000).
17. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Tambahan Pertama (2001).
18. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Tambahan Kedua (2002).
19. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Tambahan Ketiga (2003).

20. Katalog Pameran Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam (2003).
21. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Tambahan Keempat (2006).
22. Katalog Manuskrip Melayu Mikrofon: Tambahan Kedua (2007).
23. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM: Tambahan Kelima (2008).

ii. Jurnal

1. Jurnal Filologi Melayu Jilid 1 (1992).
2. Jurnal Filologi Melayu Jilid 2 (1993).
3. Jurnal Filologi Melayu Jilid 3 (1994).
4. Jurnal Filologi Melayu Jilid 4 (1995).
5. Jurnal Filologi Melayu Jilid 5 (1996).
6. Jurnal Filologi Melayu Jilid 6 (1997).
7. Jurnal Filologi Melayu Jilid 7 (1998).
8. Jurnal Filologi Melayu Jilid 8 (1999).
9. Jurnal Filologi Melayu Bilangan 16 (2009).
10. Jurnal Filologi Melayu Bilangan 17 (2010).

iii. Buku

1. Syair Siti Zubaidah Perang China: Perspektif sejarah oleh Drs. Abdul Rahman al-Ahmadi (1994).
2. Syair-syair Melayu Riau oleh Abu Hassan Sham (1994).
3. Hikayat Ahmad Muhammad oleh Hashim Ismail (1995).

4. Undang-undang Minangkabau: Wacana Intelektual dan Warna Ideologi oleh Umar Junus (1996).
5. Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu (1997).
6. Akayet Inra Patra (1997).
7. Syair Madhi: Citra Melayu Nusantara (1997).
8. Akayet Dowa Mao (1998).
9. Hikayat Indra Quraisyin: Satu Kajian (1998).
10. Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi oleh Drs Abdul Rahman al-Ahmadi (2000).
11. Adab Raja-raja Melayu (2006).
12. Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu (2006).
13. Petua Membina Rumah Melayu: Dari sudut Etnis Antropologi (2006).

iv. CD-ROM

1. CD-ROM Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang (2001).

Maka, daripada senarai penerbitan yang panjang tersebut, jelas menunjukkan usaha produktif yang telah dilaksanakan untuk menjayakan program penerbitan. Program ini melibatkan terbitan pelbagai kategori bahan sama ada jurnal, buku, CD, dan katalog yang berkaitan dengan Manuskrip Melayu dengan tujuan supaya hasil khazanah yang terakam di dalamnya dapat disebarkan dan diketahui.

n) Muallim Tamu

Menyedari bahawa khazanah intelektual yang terakam di dalam manuskrip perlu diterokai dan disebarkan kepada masyarakat, PMM memperkenalkan projek Muallim Tamu bermula pada tahun 1994. Projek ini merupakan inisiatif untuk tujuan penulisan dan penerbitan buku-buku ilmiah dan jurnal khusus berkaitan dengan Manuskrip Melayu. Muallim Tamu merupakan jawatan yang diberikan kepada seorang tokoh ilmuan yang dilantik oleh kerajaan khusus untuk menjalankan penulisan Manuskrip Melayu koleksi PNM bagi tempoh yang telah ditetapkan. Segala hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Muallim Tamu ini, kemudiannya diterbitkan oleh PNM.

Muallim Tamu yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atas cadangan PNM adalah seorang yang telah memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh PNM. Keutamaan diberikan kepada calon-calon daripada warganegara Malaysia untuk menyandang jawatan sebagai Muallim Tamu. Di samping itu, seseorang yang dilantik menjawat jawatan sebagai Muallim Tamu mestilah mempunyai ketokohan dan kemahiran dalam bidang yang ingin dikaji di samping mampu menguasai tulisan Jawi (lama) dengan baik. Selain daripada itu beliau juga mampu memahami bahasa Arab, Sanskrit, dan bahasa-bahasa lain yang sesuai untuk penulisan manuskrip kerana manuskrip ditulis menggunakan beberapa bahasa lain selain bahasa Melayu. Individu yang dilantik menjadi Muallim Tamu juga mestilah berupaya menyiapkan hasil penulisan yang bermutu tinggi dan bersifat ilmiah untuk diterbitkan oleh PNM. Selain daripada itu, individu tersebut tidak boleh terikat dengan mana-mana perkhidmatan atau kerja lain. Ini adalah bertujuan untuk memastikan Muallim Tamu dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada kajian Manuskrip Melayu.

Penulisan dan kajian berkaitan Manuskrip Melayu yang dijalankan oleh Muallim Tamu ini mempunyai tempoh masa yang tertentu sebagaimana yang telah dipersetujui bersama di dalam kontrak. Kebiasaannya, tempoh kontrak Muallim Tamu yang dilantik oleh kerajaan adalah selama setahun. Walau bagaimanapun, kontrak ini boleh dilanjutkan dan ditamatkan pada bila-bila masa berdasarkan prestasi kerja dan kelulusan pihak berkuasa. Sekiranya prestasi yang ditunjukkan oleh Muallim Tamu tidak memberangsangkan dalam tempoh waktu tertentu, PNM boleh mencadangkan kepada pihak berkuasa untuk menamatkan perkhidmatan Muallim Tamu.

Sejak projek Muallim Tamu diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1994, beberapa orang Muallim Tamu yang pernah dilantik untuk menjawat jawatan ini adalah seperti berikut;

i.	1993-1994	Drs. Abdul Rahman al-Ahmadi
ii.	1994-1995	Drs. Umar Junus
iii.	1996-1997	Dr. Abdul Rahman Kaeh
iv.	1997-1998	Drs. Abdul Rahman al-Ahmadi
v.	2001-2003	Dr. Harun Mat Piah
vi.	2003-2004	Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohd Taib Osman

Hakikatnya, Muallim Tamu yang dilantik oleh kerajaan ini mempunyai peranan yang besar dalam mengkaji bidang keilmuan yang terkandung di dalam Manuskrip Melayu agar cernaian ilmu cendekiawan silam dapat dikembangkan

oleh generasi masa kini dalam mencorak tamadun yang lebih unggul pada masa akan datang. Menyedari hakikat tersebut, PNM sangat menitikberatkan soal pemilihan manuskrip yang akan digunakan untuk kajian Muallim Tamu.

Manuskrip yang dikaji mestilah mempunyai naskhah, versi atau salinan dalam koleksi Manuskrip Melayu di PNM dan manuskrip tersebut mempunyai nilai agung dan dianggap istimewa dalam budaya dan sastera Melayu. PNM sangat memberi keutamaan kepada manuskrip yang belum pernah dikaji dan diterbitkan. Namun begitu sekiranya terdapat manuskrip yang pernah diterbitkan, kajian yang dijalankan oleh Muallim Tamu haruslah daripada perspektif yang berbeza. Selain daripada itu, manuskrip yang dipilih menjadi bahan kajian perlulah bersifat kebangsaan dan bukan kedaerahan. Dalam hal ini, PNM perlulah menyediakan senarai manuskrip yang mantap sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemilihan Manuskrip untuk memudahkan calon Muallim Tamu membuat pertimbangan. Walau bagaimanapun, Muallim Tamu perlu memilih manuskrip yang ingin dikaji mengikut kepentingan PNM dan bukan mengikut kehendak dan kecenderungan sendiri agar selari dengan keperluan semasa dalam bidang sejarah dan keilmuan.

PNM tidak pernah menganggap projek Muallim Tamu ini sebagai perkara yang remeh, bahkan projek ini sangat bernilai daripada sudut keilmuan dan keintelektualan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, beberapa garis panduan terhadap bidang tugas Muallim Tamu telah ditetapkan bagi memastikan keberkesanan projek ini. Muallim Tamu perlu menghadirkan diri di PNM mengikut kekerapan sebagaimana yang telah dipersetujui bersama bagi tujuan perbincangan dan sebagainya. Di samping itu juga, Muallim Tamu

bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kemajuan penulisan pada setiap tiga bulan kepada PNM dalam tempoh pengkajian.

Sebagai individu yang bertanggungjawab melaksanakan kajian ke atas Manuskrip Melayu, Muallim Tamu diberi keistimewaan untuk menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang tersedia di PNM selama tempoh pengkajian. Pada akhir tempoh kontrak, Muallim Tamu perlu menyerahkan hasil kajian yang telah sempurna kepada PNM. Hasil kajian ini sangat bernilai dan bermanfaat untuk rujukan para penulis yang lain.

Hasil kajian yang telah sempurna, akan diterbitkan oleh PNM dalam tempoh dua belas bulan selepas karya yang lengkap diterima. Dalam tempoh tersebut, hasil kajian ini akan melalui proses suntingan dan penilaian. Karya Muallim Tamu ini berhak disunting oleh PNM sebelum diterbitkan. Namun begitu, suntingan tersebut tidak boleh mengubah wacana penulis. Oleh hal yang demikian, Muallim Tamu perlu memberi kerjasama yang baik sepanjang kerja penyuntingan dijalankan agar karya yang bakal diterbitkan adalah benar-benar mantap dan komprehensif. Selain daripada itu, PNM juga berhak melantik panel untuk mengkaji isi kandungan penulis agar karya yang dihasilkan tidak menyalahi dan bercanggah dengan agama serta tatasusila masyarakat Malaysia.

PNM yang memegang hak penuh ke atas Hak Cipta Penerbitan sangat teliti dalam soal isi kandungan dan hasil karya yang bakal diterbitkan. Setiap penerbitan hendaklah mempunyai transliterasi teks manuskrip asal agar dapat membantu dan memudahkan para penulis lain yang tidak mahir dengan tulisan Jawi atau bahasa lain dalam memahami manuskrip tersebut. Di samping itu juga, setiap manuskrip yang dikaji oleh Muallim Tamu dan hasil kajian beliau akan

dinilai terlebih dahulu oleh panel penasihat. Ini adalah bertujuan untuk menghasilkan kajian dan karya yang benar-benar bermutu dan mempunyai nilai intelektual yang tinggi. Penilaian yang dibuat oleh panel penasihat juga bertujuan untuk mengelakkan sebarang bentuk kajian yang tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh PNM kerana setiap penerbitan harus mengikut piawaian yang diiktiraf oleh PNM dan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penerbitan, PNM. Jumlah naskhah yang dicetak, ditentukan oleh PNM dari semasa ke semasa.

Individu yang menyandang jawatan Muallim Tamu ini akan menerima elaun setiap bulan daripada skim perkhidmatan yang diterima oleh kerajaan. Selain daripada itu, Muallim Tamu turut menerima royalti sebanyak 10% daripada harga karya beliau yang diterbitkan oleh PNM untuk cetakan kedua dan berikutnya. Memandangkan tanggungjawab besar yang digalas oleh Muallim Tamu ini, maka mereka berhak mendapat keistimewaan mengikut ketetapan PNM sebagai menghargai jasa mereka iaitu berhak menerima enam buah naskhah secara percuma dan boleh membeli 50 buah naskhah dengan potongan harga 30%.

Projek Muallim Tamu ini membuktikan PNM dan PMM mengambil sikap serius dalam mengembang dan membangunkan nilai keintelektualan ilmuan Melayu zaman silam agar dapat diadaptasi dalam peradaban ilmu pada masa kini dan akan datang. Ia juga merupakan usaha yang baik dalam memelihara Manuskrip Melayu daripada sudut intelektual dengan harapan sejarah, tamadun dan ilmu masyarakat Melayu terdahulu terus diterokai dari semasa ke semasa agar

‘tak lapok dek hujan dan tak lejang dek panas’. Natijahnya, Muallim Tamu yang dilantik menghasilkan kajian yang kemudiannya diterbitkan oleh PMM:

Jadual 4.13: Senarai Muallim Tamu Dan Hasil Kajian

BIL	TAHUN	MUALLIM TAMU	HASIL
1	1994	Dr. Abdul Rahman al-Ahmadi	<i>Syair Siti Zubaidah Perang China: Perspektif Sejarah</i>
2	1997	Dr. Umar Junus	<i>Undang-undang Minangkabau: Wacana Intelektual dan Warna Ideologi</i>
3	1997	Dr. Abdul Rahman Kaeh	<i>Syair Mahdi: Citra Melayu Nusantara,</i>
4	2000	Dr. Abdul Rahman al-Ahmadi	<i>Petua Membina Rumah Kayu: Dari Sudut Etnis Antropologi,</i>
5	2005	Dr. Harun Mat Piah	<i>Kitab Tib</i>
6	2006	Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohd Taib Osman	<i>Kitab Adab Raja-raja</i>

Sumber: En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2010.

Walau bagaimanapun, program ini seperti terhenti selepas tahun 2006 yang diakhiri oleh Prof Emeritus Datuk Dr. Mohd Taib Osman. Persoalan yang tertanya dijawab oleh Timbalan Pengarah PMM sendiri, En Faizal Hilmie yang menyatakan bahawa PMM memilih untuk ‘merehatkan’ seketika program ini bagi memberi ruang untuk usaha mevariasikan bentuk kajian lain seperti memperbanyakkan pameran, seminar, dan sebagainya yang hanya memerlukan kajian jangka masa pendek.⁵³

⁵³ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010

o) Hadiah Penulis Jemputan

Hadiah Penulis Jemputan yang diperkenalkan oleh PNM dan PMM merupakan satu lagi inisiatif yang dilaksanakan bagi menggalakkan para sarjana khususnya serta masyarakat amnya menjalankan penulisan ke atas Manuskrip Melayu, seterusnya menggiatkan lagi usaha penerbitan buku-buku ilmiah dan jurnal berkaitan Manuskrip Melayu. Hadiah Penulis Jemputan ini adalah penghargaan pihak kerajaan dalam bentuk anugerah yang diberikan kepada penulis karya yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi berkaitan Manuskrip Melayu serta sesuai untuk diterbitkan sebagai bahan rujukan dan bacaan.

Hasil karya para penulis dinilai oleh panel penilai yang telah dilantik oleh PNM dalam meneliti mutu penulisan dan hasil kajian berkaitan Manuskrip Melayu. Karya yang dipilih terdiri daripada karya-karya yang membicarakan tentang Manuskrip Melayu atau satu aspek daripada Manuskrip Melayu yang bersifat ilmiah, mempunyai mutu yang tinggi dan sesuai untuk diterbitkan sebagai bahan rujukan dan bacaan. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada hasil penulisan peringkat PhD. atau yang setaraf dengannya sama ada karya tersebut telah siap sepenuhnya atau hampir siap kandungannya. Selain daripada itu, keutamaan juga diberikan kepada kajian Manuskrip Melayu yang terdapat dalam koleksi PNM. Hadiah Penulis Jemputan juga hanya akan diberikan kepada karya yang belum pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak sama ada di dalam atau luar negara.

Penerima Hadiah Penulis Jemputan akan dilantik secara rasmi oleh kerajaan selepas perjanjian ditandatangani oleh Ketua Pengarah PNM dengan penulis karya. Namun begitu, keutamaan perlantikan Penulis Jemputan ini

diberikan kepada penulis atau sarjana warganegara Malaysia. Selepas termetrainya perjanjian di antara PNM dan penulis karya, penerima Hadiah Penulis Jemputan akan dibayar honorarium berdasarkan kelulusan kerajaan. Di samping itu juga, royalti sebanyak 10% daripada harga buku akan dibayar kepada penerima Hadiah Penulis Jemputan bagi cetakan kedua dan berikutnya. Penerima Hadiah Penulis Jemputan juga menerima beberapa keistimewaan daripada PNM sebagai tanda penghargaan atas hasil penulisan ilmiah yang diterbitkan, iaitu penerima hadiah tersebut berhak menerima enam buah naskhah secara percuma dan boleh membeli 50 buah naskhah dengan mendapat potongan harga sebanyak 30%.

Karya yang terpilih menerima Hadiah Penulis Jemputan akan diterbitkan oleh PNM dalam tempoh 12 bulan selepas menerima karya yang lengkap daripada penulis. Selain daripada itu, jumlah naskhah yang dicetak adalah tertakluk kepada PNM. Karya tersebut juga boleh disunting oleh PNM asalkan suntingan tersebut tidak mengubah wacana penulis. Oleh yang demikian, penulis sewajarnya memberikan kerjasama yang baik sepanjang kerja penyuntingan dijalankan.

Dalam urusan penerbitan karya ini, PNM memegang sepenuhnya Hak Cipta Penerbitan. Maka karya yang terpilih perlu mendapat kelulusan daripada panel penasihat yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah PNM. Setiap penerbitan perlu mempunyai tranliterasi teks manuskrip asal di samping menepati piawaian penerbitan yang diiktiraf oleh PNM. Selain itu juga, penerbitan hasil kajian ini perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penerbitan PNM bagi memastikan penerbitan yang dibuat mempunyai mutu yang tinggi dan sesuai menjadi bahan rujukan para penulis yang lain. Walau bagaimanapun, sepanjang

program ini diperkenalkan, masih belum mempunyai pemenang untuk program ini.⁵⁴

11. Pencapaian PMM

Sejak kewujudannya sebagai salah satu bahagian PNM secara rasmi pada tahun 1985 hingga kini, terdapat beberapa pencapaian yang telah dikecapi oleh bahagian ini. Usia penubuhan 25 tahun menyaksikan PMM berjaya muncul sebagai antara institusi yang berjaya memperoleh dan menyimpan paling banyak koleksi simpanan manuskrip. Dengan jumlah perolehan di dalam simpanannya iaitu 4323 naskhah asal, ianya disifatkan sebagai koleksi Manuskrip Melayu terbesar di dunia yang dimiliki dan dinaungi oleh sebuah institusi.

Selain itu, dalam usaha membumikan program yang digariskan yang selari dengan objektif untuk memasyarakatkan bidang Manuskrip Melayu, keberhasilan lapan buah terbitan hasil dari program Muallim Tamu juga antara pencapaian yang digapai oleh PMM. Antara lainnya, pencapaian yang membanggakan PMM ialah manuskrip *Hikayat Hang Tuah* dalam simpanan PMM tersenarai dan mendapat pengiktirafan Warisan Dunia melalui Projek UNESCO '*Memory of The World*' (MoW) pada tahun 2001.

⁵⁴ *Ibid.*

Gambar 4.4: Manuskrip Hikayat Hang Tuah



Sumber: MSS 2580

Selain itu, PMM juga sedang mencalonkan satu lagi koleksi manuskrip simpanannya iaitu *Taj al-Salatin* untuk projek yang sama.⁵⁵ Selain itu, pengiktirafan daripada pihak dan institusi lain terhadap kewibawaan dan kelayakan pegawai dari PMM dalam urusan berkenaan Manuskrip Melayu juga tidak boleh dipandang enteng. Hal ini dilihat melalui perlantikan En Faizal Hilmie⁵⁶ dalam Jawatankuasa Penilai di Dewan Bahasa dan Pustaka dan Arkib Negara Malaysia.⁵⁷

Penyertaan sarjana asing juga tidak kurang pentingnya dalam menyatakan bahawa PMM telah mendapat perhatian pihak lain khususnya dari sarjana luar dalam memberi respon dan penyertaan dalam program serta aktiviti yang dianjurkan oleh PMM. Antaranya ialah Dr Annabel Teh Gallop,⁵⁸ Dr Roger Tol,⁵⁹ Dr Chamamah Soeratno,⁶⁰ Dr Rattiya Salleh⁶¹ dan ramai lagi. Antara medium

⁵⁵ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010

⁵⁶ Beliau adalah Ketua Unit Pembinaan Koleksi .PMM

⁵⁷ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010

⁵⁸ Berkhidmat sebagai Kurator Indonesia dan Melayu dan Ketua Bahagian Selatan dan Asia Tenggara di British Library. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari *School of Oriental and Africa Studies*, University of London. Bidang pengkhususan beliau ialah kajian Manuskrip Melayu, warkah, dokumen dan cap mohor dan seni buku Islam di Asia Tenggara.

⁵⁹ Berkhidmat sebagai Pengarah *Koninjluk van door taal Leiden* (KITLV), Cawangan Indonesia. Berkelulusan Doktor Falsafah dari Universiti of Leiden.

⁶⁰ Sarjana dari Indonesia dan bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Ilmu Budaya Universitas Gadjaja Mada, Jogjakarta. Berkelulusan dari *Ecole des Hantes en Science en Sociales*, Paris.

dan saluran penyampaian dan kerjasama mereka ialah melalui penyertaan di dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak PNM melalui bahagian ini.⁶² Selain itu, sumbangan penulisan artikel di dalam jurnal khusus yang diterbitkan iaitu *Jurnal Filologi Melayu*.

11.1 Kekangan Yang Dihadapi

Namun, tidak dinafikan bahawa sebagai sebuah badan atau bahagian yang menjalankan aktiviti dan berurusan dengan manusia khususnya, semestinya timbul sedikit sebanyak masalah dan kekangan yang perlu dihadapi.

a) Program pengesanan dan perolehan

Umumnya bagi pihak pemilik Manuskrip Melayu terutamanya, ia adalah warisan turun temurun keluarga, yang perlu dijaga dan terus disimpan amanah tersebut. Oleh itu, dengan prinsip dan pegangan ini akhirnya menjadikan Manuskrip Melayu yang dimiliki berhadapan dengan faktor kemusnahan dan kerosakannya.

Faktor ini merupakan kekangan dan masalah yang selalu dihadapi oleh pihak PMM terutamanya dalam misi mengesan dan menyelamatkan khazanah berharga ini. Namun, atas kebijaksanaan dan kreativiti dalam mencari penyelesaian, pihak PMM mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Antara langkah yang telah diambil ialah menghulur bantuan memulihara manuskrip tersebut. Walau bagaimanapun, pemilik perlu berjanji memberi keutamaan kepada PMM apabila berhasrat untuk

⁶¹ Merupakan Pensyarah di Universiti Thaksin, Thailand. Beliau banyak menulis buku berkenaan bahasa dan kebudayaan.

⁶² Antara seminar yang dianjurkan ialah Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu. Seminar ini adalah hasil kerjasama antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Diadakan pada 10- 11 Julai 2006.

menjualnya sebagai syarat perkhidmatan ini. Sifat kepintaran perlu untuk meyakinkan pemilik tentang keupayaan PMM.⁶³ Kepintaran juga diperlukan untuk proses tawar menawar dengan pembekal dalam menetapkan harga yang sewajarnya kepada setiap manuskrip yang dikehendaki.

b) Kewangan

Selain itu, kekangan kewangan juga adalah sesuatu yang tidak menjadi kepelikan. Tambahan pula, dalam usaha memperoleh manuskrip melalui pembelian terutamanya memerlukan kos yang tinggi memandangkan nilai sejarah yang terdapat padanya. Selain memperoleh, proses pemuliharaan melalui kemudahan teknologi juga memerlukan biaya yang tinggi. Maka, seperti yang telah diperkatakan oleh penulis di peringkat program pendokumentasian, cadangan memindahkan koleksi manuskrip ke dalam talian hanya di peringkat perancangan.⁶⁴

12. Kesimpulan

Tidak terlanjur penulis menyatakan bahawa kebimbangan banyak pihak terutamanya ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam khazanah berharga ini dihentikan dengan kewujudan dan penubuhan PMM. Segala usul yang diketengahkan di dalam pertemuan khusus berkaitan Manuskrip Melayu pada Ogos 1983 di Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya tiga nama yang tidak asing lagi dalam bidang ini iaitu Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham dan Harun

⁶³ Antaranya ialah catatan pengalaman yang telah dikongsi oleh En. Faizal Hilmie selaku Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM dalam proses pengesanan. Antaranya menggunakan kenderaan Jabatan, berinteraksi dengan pemilik dengan cara yang sepatutnya. En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010.

⁶⁴ En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi PMM) dalam temu bual dengan penulis, 23 Ogos 2010

Mat Piah berkaitan permasalahan dalam pendokumentasian khazanah berharga ini. Antaranya ialah penyediaan tempat yang dilengkapi oleh kemudahan yang sesuai dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah berharga ini dalam segenap aspek.

Mengambil kira aspek ini, bersesuaian dengan objektif dan matlamat PMM selaku pengurus serta pemulihara khazanah berharga ini memainkan peranan besar melalui usaha-usaha dan program-program yang telah digariskan oleh organisasi ini. Maka, selaku pengurus yang menggalas amanah dan tanggungjawab besar ini menjalankan tugas dengan begitu terancang dan sistematis sekali. Hal ini dilihat dari aspek pengurusan yang disusun dengan begitu teliti dari pengurusan organisasi sendiri dari sudut pengagihan kerja dan tugas mengikut kepakaran tersendiri. Selain itu, pengurusan tempat yang mengambil kira keperluan dan kewajipan yang diperlukan oleh manuskrip dan sumber kewangan dalam usaha mendapatkan manuskrip dan usaha-usaha lain bagi menjayakan objektif penubuhannya.

Bermula dengan pemilihan pegawai dan mengambil kira objektif yang telah digariskan, segala program disusun rapi bermula dari usaha mengesan, memperoleh, mendokumen sehinggalah kepada usaha mempromosi supaya ianya dikenali dan dihargai nilainya di seluruh negara. Maka, tidak hairanlah melalui pengurusan yang cekap dan sistematis ini membolehkan PMM berdiri dan bertahan sehingga ke hari ini setelah 26 tahun usianya bermula dari tahun 1985. Sesungguhnya pencapaian yang dicapai juga menjadi suatu kebanggaan selaku pemilik dan penyimpan salah sebuah manuskrip yang telah diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 2001.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan adanya sedikit kekangan yang tidak dapat dielakkan dalam mana-mana organisasi seperti kewangan. Namun, ianya bisa diselesaikan dengan baik dan diatasi dengan sebaik mungkin. Bertanyakan pendapat salah seorang ahli akademik yang juga suatu masa dahulu terlibat dengan usaha menyelamatkan khazanah berharga ini, Prof Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin berkaitan kewajaran dan harapan terhadap penubuhan PMM, beliau menyatakan bahawa inilah jalan penyelesaian terbaik dalam usaha menyelamatkan khazanah berharga ini. Beliau sangat menyokong penubuhan PMM dan dijadikan sebahagian di bawah PNM dan berharap ianya terus bertahan demi kelangsungan khazanah intelektual Melayu silam untuk tatapan generasi kini dan akan datang.

Secara kesimpulannya, penubuhan PMM merupakan sahutan dan sokongan kerajaan kepada laungan berbagai-bagai pihak yang selama ini menyuarakan kebimbangan tentang kemungkinan Manuskrip Melayu yang dalam keadaan usang, rapuh dan reput di merata pelusuk negara itu hilang buat selamanya. Satu pusat penyelidikan yang baik di bidang berkaitan di negara ini telah diwujudkan untuk menjamin keselamatan kepada warisan budaya Melayu kita. Kerjasama dari semua pihak sama ada individu atau pun institusi diperlukan di dalam membantu usaha gigih PMM membina koleksi Manuskrip Melayu yang kukuh untuk kegunaan penyelidikan oleh para penulis dari dalam dan luar

BAB 5:
KESIMPULAN, CADANGAN
DAN SARANAN

BAB 5:

KESIMPULAN, CADANGAN DAN SARANAN

1. Kesimpulan

Sesungguhnya sinar Islam yang menyinari segenap aspek kehidupan masyarakat rantau ini benar-benar mengubah dan seterusnya mengangkat kedudukan mereka sebagai manusia yang bukan hidupnya dalam dunia khayalan sebaliknya menjadikan mereka sedar akan hakikat kehidupan, berfikir secara rasional serta berasaskan pertimbangan anugerah akal berdasarkan petunjuk wahyu dan pedoman yang telah ditetapkan. Hal ini dimanifestasikan melalui tradisi penulisan manuskrip oleh para ulama, cendekiawan, dan ilmuan dalam segenap aspek yang menyentuh tentang kehidupan baik daripada aspek agama, kesusasteraan, politik, ekonomi, ketatanegaraan, perubatan, dan sebagainya.

Manuskrip Melayu yang ditulis menggunakan sistem tulisan Jawi yang diperkenalkan antara kurun ke-13 hingga kurun ke-19 ini bukan sahaja menawarkan pelbagai maklumat yang dirakamkan di dalamnya, malah ianya adalah sumber alat perhubungan antara masyarakat terdahulu dengan masyarakat zaman kini dalam memahami realiti sebenar pembentukan kebudayaan masyarakatnya. Maka, tidak dinafikan bahawa ianya dianggap serta dipandang penting dalam memahami dan mendapatkannya oleh pihak luar terutamanya penjajah.

Justeru, hakikat yang perlu diakui bahawa khazanah berharga ini banyak diangkut, dipungah dan akhirnya disimpan dengan begitu baik oleh para penjajah ini. Natiujahnya, perjalanan sejarah yang panjang mencorakkan kepelbagaian dalam realiti tradisi besar ini. Apa yang penting ini adalah bukti kekayaan keilmuan dan

keintelektualan para intelegensia Melayu silam. Namun, sejarah bukan hanya untuk dikenang tanpa kita simpan dan membuat penilaian serta analisis semula melalui pembacaan dan penyelidikan. Hal ini penting kepada suatu penerusan kepada generasi kini dan akan datang.

Realiti kini, sememangnya Islam sudah lama bertapak, namun, kesedaran dan penghayatan berkenaannya masih di tahap sederhana dan perlu dipertingkatkan Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor kurangnya kesedaran memahami realiti kegemilangan ketamadunan Melayu Islam terdahulu. Tambahan pula dengan kesan penjajahan yang ditinggalkan akhirnya menjadikan kita seolah-olah lupa bahawa masyarakat Melayu Islam dahulu pernah berada pada suatu ketamadunan Melayu Islam yang gemilang terutamanya dari aspek keilmuan dan keintelektualan.

Walaupun di pihak negara kita Malaysia, selaku '*tuan punya*' khazanah tersebut kelihatan agak terlewat dalam menyedari tentang kepentingan khazanah ini, namun, atas keprihatinan pelbagai pihak, pengisytiharan Perpustakaan Negara Malaysia adalah sinar dalam usaha murni ini dan natijah kepada kerunsingan pelbagai pihak yang telah diwar-warkan. Maka, selaku institusi yang diberi kepercayaan dan tanggungjawab ini, PNM melalui bahagian PMM memainkan peranannya sebagai pengurus khazanah berharga ini melalui akta serta dasar yang bersesuaian yang telah ditetapkan supaya ianya bertepatan dan selari dengan amanah yang telah dipertanggungjawabkan ini.

Penulis berkesempatan menemu bual secara tidak langsung dengan sarjana tempatan dalam bidang Manuskrip Melayu, iaitu Prof. Dr. Ding Choo Ming mengenai pandangan beliau secara peribadi tentang penubuhan PMM. Beliau menyatakan secara teorinya, beliau amat menyokong kewujudan dan keberadaan pusat ini sebagai institusi

yang menyimpan khazanah berharga ini. Namun, secara praktikalnya, masih ada ruang bagi PMM untuk membaiki pengurusan manuskrip ini dengan mengambil contoh beberapa institusi luar terutamanya Barat yang menjadikan pusat penyimpanan manuskrip sebagai sumber dan nadi kehidupan para sarjana yang mengkaji manuskrip. Hal ini membawa maksud institusi tersebut bukan hanya terdiri daripada pegawai yang menjaga, malahan terdiri daripada para sarjana dan ilmunan yang berkepakaran dalam Manuskrip Melayu.¹

Sememangnya penulis tidak menafikan pandangan Prof. Ding selaku sarjana dan pemerhati dari luar PMM. Namun, pada hemat penulis, berkemungkinan ianya sukar direalisasikan apabila melihat kepada kondisi PMM sebagai hanya salah satu bahagian di bawah institusi lain iaitu PNM yang diberi amanah dan tanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan manuskrip. Manakala, pihak sarjana kebanyakannya membina kehidupan mereka secara khusus di institusi-institusi tinggi. Walau bagaimanapun, dari pandangan sarjana ini, kemungkinan usaha positif yang sedia ada perlu digiatkan lagi dalam menjadikan pusat ini sebagai pusat kehidupan intelektual sarjana yang dapat dijadikan sebagai suatu pusat yang berdiri secara mandiri tanpa berada di bawah mana-mana jabatan atau institusi lain.

Selain itu, penulis juga berpeluang menemu bual Ketua Pengarah PNM selaku pentadbir organisasi yang menaungi PMM. Menurut beliau, kelangsungan dan pelestarian penubuhan PMM sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu semestinya diteruskan. Hal ini kerana, beliau melihat kepada manuskrip sebagai khazanah warisan keilmuan dan keintelektualan ulama silam yang ditinggalkan kepada generasi kini yang

¹ Prof Dr Ding Choo Ming (Pensyarah UKM) dalam temubual bersama penulis, 22 Mac 2011.

perlu dikaji dan digali. Tambahan pula, manuskrip ini menyimpan dan merakamkan pelbagai bidang keilmuan seperti keagamaan, perubatan dan sebagainya.²

Seterusnya, dalam menyimpul perbincangan dan penulisan kajian pada kali ini, penulis membuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

- a) Manuskrip adalah khazanah intelektual cendekiawan Melayu silam yang mesti diurus tadbir dengan begitu rapi sebagai bukti kekayaan warisan keilmuan dan keintelektualan sebagai salah satu aspek ketamadunan masyarakat rantau ini. Jika dinilai ketamadunan dari aspek bangunan bersejarah, sesebuah bangunan bersejarah akan dinilai tinggi nilainya, apatah lagi dengan khazanah intelektualan ini yang terakam di dalamnya seribu satu ilmu yang meliputi aspek keagamaan, perundangan, politik, kesusasteraan dan sebagainya.
- b) Kesedaran terhadap manuskrip dan kandungannya sebagai khazanah intelektual perlu digiatkan dan dipertingkatkan di segenap peringkat masyarakat.
- c) Kesedaran di kalangan institusi berada di tahap yang baik, tetapi, kebersediaan dalam pengurusan yang menyeluruh seperti kemudahan pemuliharaan agak kurang disebabkan beberapa faktor kekangan seperti kewangan, tempat dan tenaga mahir sebagai contoh di Perpustakaan Universiti Malaya dan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka yang mana merupakan institusi yang dikunjungi oleh penulis. Hal ini bukanlah membawa maksud ketidaksedaran pihak tersebut terhadap kepentingan pemuliharaan khazanah berharga ini, tetapi adalah disebabkan faktor kekangan yang telah dinyatakan di atas.

² Dato' Raslin Abu Bakar (Ketua Pengarah PNM), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2011.

- d) Kerisauan yang telah dinyatakan oleh pelbagai pihak sama ada individu seperti sarjana ataupun organisasi di peringkat awal kesedaran akan kepentingan khazanah berharga ini akhirnya menemui jalan penyelesaiannya dengan pengisytiharan PNM sebagai Pusat Kebangsaan dan menubuhkan bahagian PMM di bawah struktur organisasi ini.
- e) PNM sebagai institusi yang menyediakan kemudahan ini bertepatan dengan pengisytiharan dan amanah serta tanggungjawab yang dipikulnya selaku pemegang status gedung menyimpan khazanah intelektual.

Namun, pada hemat penulis, kemungkinan pada masa akan datang dengan mengambil kira kemudahan dan kemandirian bahagian ini, tidak mustahil ianya akan dijadikan suatu Pusat Manuskrip Melayu secara mandiri dan seterusnya menjadikannya sebagai pusat penyelidikan dan rujukan berkenaan Manuskrip Melayu yang terlung.

2. Cadangan Dan Saranan

Seterusnya, dalam memastikan khazanah berharga ini dan fungsi PMM selaku bahagian yang dipertanggungjawabkan menguruskan hal ehwal manuskrip ini agar terus berada di tahap yang baik, penulis menyatakan beberapa cadangan dan saranan yang difikirkan wajar dikemukakan dan dipertimbangkan oleh beberapa pihak yang telah dinyatakan.

2.1 PMM

Penulis berpandangan bahawa PMM terus meningkatkan lagi usaha yang telah sedia dilaksanakan untuk mendapatkan sebanyak mungkin Manuskrip Melayu yang terdapat di negara-negara asing walaupun dalam bentuk-bentuk lain. PMM juga disarankan supaya menambah koleksi melalui usaha pengesanan

dari institusi dalam dan luar bagi mempersiapkan bahagian ini sebagai pusat penyelidikan terulung dan terbesar di peringkat antarabangsa. Ia bukan sekadar tempat rujukan para sasterawan, malah lebih dari itu, sebagai institusi yang memartabatkan ulama Melayu di mata dunia melalui tinggalan hasil tulisan tangan dan keilmuan serta keintelektualan mereka.

Selain itu, usaha memperolehi koleksi Manuskrip Melayu daripada institusi dalam negara juga adalah usaha yang tidak boleh dipandang enteng. Perolehan ini harus dilakukan dalam pelbagai bentuk. Hal ini kerana, status Pusat Kebangsaan Manuskrip yang diamanahkan seharusnya mempunyai semua koleksi yang terdapat di Malaysia contohnya *Manuskrip Undang-undang Kedah* hanya boleh didapati di Arkib Negara Malaysia tanpa sebarang salinan yang disimpan di PMM.³

Selain itu, usaha dan kerjasama pihak PMM dengan mana-mana syarikat penerbitan, penulis dan institusi pendidikan dalam usaha menjelmakan isi kandungan manuskrip dalam pelbagai medium dan wadah perlu difikirkan.

2.2 Pihak Perpustakaan

Selaku pihak institusi yang menaungi bahagian PMM, langkah yang lebih serius dalam usaha murni ini perlu diteruskan dan dilakukan penambahbaikan.

Dari sudut tempat, melalui lawatan dan pengamatan penulis ke tempat pemuliharaan, proses pemuliharaan kelihatan agak tidak sesuai dilakukan di

³ Pengalaman rakan penulis yang menjalankan penyelidikan mengenai Undang-Undang Kedah.

tempat yang terbuka. Hal ini dilihat dari aspek keselamatan manuskrip tersebut memandangkan usaha dan nilai yang perlu dilakukan dan dibayar bukanlah sedikit jumlahnya.

Selain itu, dari sudut penguasaan pegawai dalam aspek yang berkaitan dengan manuskrip juga perlu terus diberi perhatian sebagai contohnya mengadakan kempen pembudayaan tulisan Jawi yang dilancarkan pada tahun 2006, menggalakkan pegawai memberi partisipasi dalam program atau usaha yang berkaitan Manuskrip Melayu, dan sebagainya. Perkara ini bukan hanya dikhususkan kepada pegawai di bahagian PMM sahaja, namun, seluruh jabatan PNM dalam usaha menjadikan pegawai-pegawai di PNM sebagai pegawai yang bersifat *multiknowledge person*. Di samping itu, perkara ini dapat menjadikan pegawai di PNM dan PMM sebagai individu-individu yang menyahut segala dasar dan pelaksanaan serta kempen yang dilakukan.

2.3 Institusi Pendidikan

Saluran dan medium pendidikan adalah wadah paling berkesan dalam menyampaikan informasi dan maklumat serta pengetahuan. Pemindahan ilmu yang berlaku haruslah telus dan menyeluruh serta menekankan tentang pembinaan ketamadunan Melayu Islam terdahulu supaya semangat bahawa masyarakat dan bangsa ini bukanlah hanya membina ketamadunan dengan hanya 'ikut-ikut' semata-mata sebaliknya, ketamadunan Melayu Islam yang telah dibina oleh masyarakat terdahulu adalah dengan acuan tersendiri.

Maka, melihat kepada kepentingan medium ini, kesedaran ini wajarlah ditanam kepada anak-anak di pelbagai peringkat institusi pendidikan supaya timbul kesedaran bahawa Islam telah menyumbang suatu sumbangan yang besar dalam pembinaan ketamadunan Melayu Islam pada suatu masa dahulu khususnya dari aspek keilmuan dan keintelektualan yang mana akhirnya mengangkat dan menjadikan masyarakat rantau ini sebagai masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan. Hal ini dibuktikan dengan hasil peninggalan ulama dan ilmuan Melayu Islam silam yang berbentuk penulisan khazanah ilmu yang tidak ternilai harganya. Maka, khazanah ini perlu ditonjol dan disebarikan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.

Melalui pendidikan juga, kesedaran dan pengetahuan Jawi mesti diberi penekanan memandangkan usaha memahami manuskrip adalah berkait langsung dengan tahap penguasaan dan pengetahuan sistem tulisan ini.

2.4 Pengajian Tinggi

Seterusnya, usaha pengkajian terutamanya di peringkat institusi pendidikan tinggi dan penerbitan buku atau sebarang bahan bacaan atau terbitan melalui media cetak atau elektronik juga adalah harus dipandang serius seperti buku kartun, CD dan sebagainya agar dapat menarik pelbagai lapisan masyarakat mengetahui dan memahami isi kandungan khazanah berharga ini.

Selain itu, mendedahkan dan kesedaran terhadap khazanah ini dari segenap aspek. Antaranya usaha pemuliharaan. Hal ini dirasai oleh penulis sendiri melalui lawatan yang dilakukan ke bahagian pemuliharaan PNM. Melihat dan meninjau proses pemuliharaan manuskrip yang dilakukan dengan

penuh prihatin dan teliti memandangkan faktor usia manuskrip dan keadaannya. Melalui peninjauan ini memberi kesedaran bahawa betapa sukarnya iadi lakukan dan dijalankan.

Seterusnya, melalui saluran institusi pengajian tinggi juga, dasar kerajaan boleh dimanfaatkan. Pihak kerajaan sewajarnya memberi galakan dan dorongan terhadap penyelidikan berkaitan khazanah berharga ini. Sokongan berbentuk material dan moral perlu diberikan supaya khazanah ilmu yang tersimpan di dalamnya digali dan diteroka akhirnya disebarluaskan dalam medium pendidikan.

2.5 Institusi Penyimpanan Lain (Repository)

Usaha lebih serius dalam memelihara koleksi manuskrip dalam simpanan perlu dilaksanakan. Pada pandangan penulis, dalam memastikan pelestarian khazanah ini, usaha untuk memusatkannya mesti dilakukan. Penulis tidak bermaksud mengatakan bahawa institusi selain PNM yang memiliki koleksi manuskrip perlu menyerahkan koleksi yang dimiliki terutamanya manuskrip asal kepada PNM sebaliknya usaha memindahkannya ke bentuk-bentuk lain sebagai langkah keselamatan ataupun *backup* adalah amat disarankan.

Hal ini memandangkan PNM sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu yang diharapkan dapat mengumpulkan pelbagai koleksi manuskrip semaksimum mungkin. Dari sudut pandangan lain, usaha ini perlu dilaksanakan bagi menghadapi sebarang masalah atau kebarangkalian yang memungkinkan kepada berlakunya kehilangan atau kerosakan manuskrip yang hanya berada di

dalam satu-satu institusi tanpa ada sebarang *backup* kepadanya yang seterusnya mengundang kepada suatu kerugian yang amat besar.

Akhirnya, pada hemat penulis, PMM menjalankan tugas dan peranannya sebagai salah satu bahagian di bawah PNM sebagai pengurus Manuskrip Melayu bersesuaian dengan amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Diharapkan ianya terus mengorak langkah dalam usaha merancang dan mengimplementasikan segala usaha yang baik bermatlamatkan memartabatkan warisan khazanah intelektual ini.

BIBLIOGRAFI

1. KERTAS KERJA

Abu Hassan Sham, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu", dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu*. 10-11 Julai 2006, 42.

Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.

_____, "Masalah Pengumpulan, Pendokumentasian dan Pengajian Manuskrip Melayu", *Jurnal Filologi* 7. Perpustakaan Negara Malaysia, 1999.

_____, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu", dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia, 10-11 Julai 2006.

Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Harun Mat Piah (1983) "Strategi Perolehan, Pengawetan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu", *Kertas Kerja dalam Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu*.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), "Syeikh Ahmad Fathani, Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik ke arah Dunia Moden" dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IV*. UKM, 14-16 Ogos. Bangi, 11.

2. BUKU

A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, *Hikayat Abdullah I*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara., 1962.

Abu Hassan Sham, "Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu" dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.

_____, "Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu" dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.

_____, *Masalah-masalah Menentukan Judul Naskhah-naskhah Undang-undang Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari 1974.

Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniri*. Jakarta: C.V. Rajawali, 1983.

- al-Attas, Syed Naquib, *The Origin of Malay Shair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Amin Sweeney, *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature*. Berkeley: Center for South and South East Asia Studies, University of California, 1980.
- Annabel Teh Gallop, "Seni Hias Manuskrip Melayu," dalam *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: PNM, 2002.
- Brown, Michelle P., *Understanding Illuminated Manuscripts: A Guide to Technical Term*. London: The J. Paul Getty Museum in association with the British Library, 1994.
- Daft, Richard L., *Management*, ed. ke-4. Orlando: The Dryden Press, 1997.
- De Hamel, Christopher, *A History of Illuminated Manuscripts*. Phaidon, 1950.
- Ding Choo Ming, *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Selangor: Penerbit UKM, 2008.
- _____, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Cadangan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.
- H Juynboll, Catalogus. *Van de Maleische en Sundaneesche Handschriften der Leid sche Uniyersiteits-Bibliotheek*. Leiden: E.J Brill, 1899.
- Hamdan Hassan, "Tradisi penulisan Sastera Melayu Tradisional," *Jurnal Filologi Melayu* 6, 1997.
- Naquib Al-Attas, *The Origin of Malay Sha'ir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Harrod, L.M, *The Librarian's Glossary Reference Book*. London: A. Deutsc, 1972.
- Hooker M.B, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, terj. Rohani Abdul Rahim dkk. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Hurgronje, Snouck,. *Mecca in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: Brill, 1931.
- Ismail Hamid, Dr., *Kebudayaan Melayu dan Islam*. Selangor: Petaling Jaya, 1988.
- _____, *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985.
- Joseph Howard, *Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: University of Malaya Library, 1966.

- Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- _____, *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Matheson, V., *Tuhfat al-Nafis, Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1982.
- Mohd Michael Abdullah, *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995.
- Muhd Yusof Ibrahim, *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Tinta Publisher, 2010.
- Muhd Yusuf Hashim, “Manuskrip Melayu: Warisan Keilmuan yang bernilai” dalam *Warisan Dunia Melayu-Teras Perpaduan Malaysia*. Kuala Lumpur: Biro Penerbitan GAPENA, 1985.
- Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001.
- P,S van Ronkel, *Supplement – Catalogus der Maleische en Minangkabausche Handschriften in the sche Uniyersiteits-Bibliotheek*. Leiden: E.J Brill, 1921.
- Perpustakaan Negara Malaysia, *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.
- Proudfoot, Ian and Hooker, Virginia, “Mediating Space and Time: The Malay Writing Tradition” dalam Ann Kumar dan John, McGlynn. ed. *Illumination: Writing Traditions of Indonesia*. Jakarta: Lontar Foundation, 1996.
- Robbins & Coulter, *Management ed. ke-9*. New Jersey: Prentice Hall International, 2007.
- S. Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi, 1979.
- Shahar Banun Jaafar, “Perpustakaan Negara Malaysia: Peranan dan Fungsi”, (t.t).
- Shaharom Tengku Sulaiman dan Wan Abdul Kader Wan Dollah, *Kepustakawanan Dalam Pelbagai Perspektif*. Selangor: Thinker’s Library Sdn Bhd, 1996.
- Siti Hawa Salleh, “Alatulis Melayu Tradisional,” dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.
- Siti Mariani S.M Omar, “Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia,” dalam *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002.

- Syed Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972.
- Teeuw, “Indonesia as a Field of Literary Study: A Case Study – Genealogical Narrative Texts as an Indonesian Literary Genre” dalam *Unity in Diversity: Indonesia as a Field of Anthropological Study*. Ed. P.E de Josselin de Jong: Dordrecht: Foris, 1984.
- Teeuw, *Pegawai Bahasa dan Ilmu Bahasa*. Jakarta: Bhratara, 1973.
- Virginia Matheson (Dr) (1987) “Suasana Budaya Riau dalam Abad ke-19: Latar Belakang dan Pengaruh” dalam *Tradisi Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Voorhoeve, P, “A Malay Scriptorium” dalam John Bastin dan R. Roolvink, ed. *Malayan and Indonesian Studies Essays presented to Sir Richard Winstedt*. Oxford: Clarendon Press, 1964.
- Wan Abd Rahman Khudri Wan Abdullah, “Impak Kemasukan Islam ke Nusantara ke Atas Kehidupan Sosial Masyarakat Melayu”, dalam *Tamadun Islam Suatu Sorotan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002.
- Wan Ali Wan Mamat, *Pemeliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- _____, “Penyediaan Halaman Kertas Untuk Penulisan Manuskrip Melayu,” dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.
- _____, “Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip Melayu,” dalam *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002.
- Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001.

3. KAMUS

- al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1960.
- Ibrahim Madkar (Dr.), *al-Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: Majma' al-Lughah al-Arabiyyah, 1980.
- Ibrahim Mustafa et al., *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1960.
- Teuku Iskandar, Dr., *Kamus Dewan*, e. 3, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

William Morris (ed.), *The American Heritage Dictionary of the English Language*, c. 4. New York: American Heritage Publishing, 1969.

4. TESIS

Fauzi Deraman, "Manuskrip Melayu tentang Hadis di Alam Melayu", Tesis kedoktoran. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

5. JURNAL

"New Light of the Life of Hamzah Fansuri ", *JMBRAS*, VOL. XI Pt. 1, 1967, 48.

Annabel Teh Gallop, "Early Malay Printing, an Introduction to the Library Collections", *JMBRAS* LXIII (1990), 85-124.

Ding Choo Ming, "Syair Kubur dan Konsep Kepengarangan di Pinggir Sastra Manuskrip dan Cetak" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 3, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.

_____, "Tradisi Penulisan Kolofon Dalam Manuskrip Melayu" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 16, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2009.

_____, "Masalah Pengumpulan, Pendokumentasian dan Pengajian Manuskrip Melayu", *Jurnal Filologi* 7. Perpustakaan Negara Malaysia, 1999.

_____, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu", dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia, (10-11 Julai 2006)

Dr Wan Ali Wan Mamat "Asal Usul Tulisan Jawi dan Terjemahan", *Makalah Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, (25-27 Ogos 2008).

Hamdan Hassan, "Tradisi penulisan Sastra Melayu Tradisional," *Jurnal Filologi Melayu* 6, (1997), 17-18.

_____, "Tradisi Penulisan Sastra Melayu Tradisional" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 6. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.

Ismail Hamid, "Penyelidikan Mengenai Islam dalam Kebudayaan Melayu/Indonesia", dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 3. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000.

Munazzah Zakaria, "Pengesanan Manuskrip Melayu di Afrika Selatan: Satu Catatan Ringkas", *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 4. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2003.

- Naquib Al-Attas, "New Light of the Life of Hamzah Fansuri," *JMBRAS* XI, no.1, 1967.
- Norkhaton Mohd Yunus, "Pengumpulan dan Pendokumentasian Bahan-bahan sastera, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia", *kertas Kerja Simposium Kesarjanaan Melayu II*, anjuran Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, (20-21 September 1982).
- Rahimah Hamdan, "Menyelusuri Diri Pengarang Karya Historiografi Melayu Tradisional", dalam *Jurnal Filologi Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2004.
- Raja Masittah Raja Ariffin, "Manuskrip Melayu Lama: Suatu Penelitian Dari Aspek Pendokumentasian", *Jurnal Filologi Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1999.
- _____, "Manuskrip Melayu Lama: Suatu Penelitian dari Aspek Pendokumentasian", *Jurnal Filologi Melayu* 7, (1994), 117.
- Rohani Rustam (1986) "Manuskrip Melayu: Warisan Keilmuan Yang Bernilai", *kertas kerja Seminar Manuskrip Melayu*, ajuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (23 Oktober 1986).
- Roosfa Hashim, "Jurnal Filologi Melayu: Wadah perbahasan Manuskrip Melayu", *Jurnal Filologi Melayu*, 2001.
- _____, "Jurnal Filologi Melayu 1992-2002: Wadah Perbahasan Manuskrip Melayu", Perpustakaan Negara, 2004:42.
- Russell Jones, "From the Past to the Present" dalam *Workshop on Malay Manuscripts*, London, 1980.
- Sidik Fadhil, "Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendaulatannya di Alam Melayu", *Seminar Tulisan Jawi*, (4 September 1995).
- Siti Hawa Salleh, "Filologi Melayu: Latarbelakang dan Sejarah Perkembangan Awalnya" dalam *Jurnal Filologi Melayu*.
- u.Kratz, "how Manuscripts were Used" dalam *Malay Manuscripts Workshop*, September 1980. London.
- Virginia Matheson, "Concepts of Malay Ethos in Indigenous Malay Writings," *JSAS* 10, no.2 (September 1979), 353.
- Wan Ali Wan Mamat, "Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu di Malaya Pada Abad ke-19 dan 20" dalam *Jurnal Filologi Melayu*.
- _____, "Stail Tulisan Tangan Dalam Manuskrip Melayu" dalam *Jurnal Filologi Melayu*.
- _____, "Kegiatan Pengumpulan Manuskrip Melayu," *Jurnal Filologi Melayu* 5, 1997.

_____, “Pengesanan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu di Sumatera, Indonesia,” *Jurnal Filologi Melayu* 2, 1993.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Tokoh-tokoh Penyalin Penyalin Manuskrip Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu” dalam *Jurnal Filologi*, Jil. 2, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.

_____, “Pengarang Manuskrip Kitab di Alam Melayu: Suatu Tinjauan Awal” dalam *Jurnal Filologi*, Jil. 3, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1994.

Yazid Haji Uthman “Kedudukan dan Prestasi Tulisan Jawi Harapan Dan Cabaran Masa Depan: Tumpuan Kajian Kepada Akhbar Utusan Melayu Bertulisan Jawi”, *Makalah Seminar Memartabatkan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur, 1995.

Zahidi bin Dato’ Hj. Zainol Rashid, “Peranan Bahagian Koleksi Kedah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah Di Dalam Perolehan Bahan-Bahan Lama Terutama Buku Nadir Dan Manuskrip Dalam Usaha Membina Koleksi Warisan Khazanah Negeri”, *kertas kerja Semiar Manuskrip Melayu anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*, 23 Oktober 1986.

6. BUKU CENDERAMATA

Persidangan perpustakaan 1992 7 – 8 Julai 1992 anjuran bersama Perpustakaan Negeri Sabah Persatuan Perpustakaan Malaysia, Kumpulan Sabah.

7. AKTA DAN DASAR

Undang-undang Malaysia Akta 331,

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986,

Akta Perpustakaan Negara 1972,

Dasar Pemuliharaan,

Dasar Pusat Manuskrip Melayu,

8. TEMU BUAL

En. Faizal Hilmie Yusof (Ketua Unit Pembinaan Koleksi, PMM), temu bual bersama penulis 15 Ogos 2010.

En. Zaidin Mohd Noor (Ketua Seksyen Perkhidmatan Repositori Arkib Negara Malaysia) temu bual bersama penulis, 21 Oktober 2010.

En. Mohd Zaki Yusof (Pegawai Bahagian Penyelidikan Perpustakaan Negara Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 4 April 2011.

En.Nasri (Pegawai Bahagian Pemuliharaan Manuskrip Melayu PNM) dalam temu bual dengan penulis. 13 September 2010,

Pn. Mastura Hussin (Ketua Unit Perkhidmatan rujukan PMM) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

Prof. Dr. Ding Choo Ming (Pensyarah UKM) dalam temu bual bersama penulis , 22 Mac 2011.

Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin (Pensyarah Universiti Putra Malaysia), temu bual bersama penulis, 3 Disember 2010.

Puan Azila Mohd Noor (Ketua Unit Promosi dan Penerbitan) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

Puan Fatimah Zahrin (Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka) temu bual bersama penulis, 29 Oktober 2010.

Puan Haslina Husain dan Noraslinda Sanusi (Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya) temu bual bersama penulis, 20 Oktober 2010.

Puan Iffah Imtiyaz Zainol (Ketua Unit Pendokumentasian PMM), dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

Puan Manirah Mansor (Ketua Unit Perkhidmatan dan Rujukan) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

Puan Thalathiah (Ketua Unit Jawi) dalam temu bual dengan penulis, 15 Ogos 2011.

Temu bual bersama Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar, 17 Februari 2011.

9. LAMAN WEB

Laman sesawang rasmi PNM, <http://www/pnm.gov.my>.

Laman sesawang rasmi Arkib Negara Malaysia, <http://www.arkib.gov.my/>.

10. MINIT MESYUARAT

Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu, Bil. 1, 6 Julai 1991, lampiran I.

Kertas Mesyuarat bil. 1, Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu 1/91 tarikh jumaat, 19 Julai 1991.

11. MAJALAH

Abu Hassan Sham (1974) "Naskhah-naskhah Melayu di Muzium Sarawak" DB 18: 7, 336-342.

Ding Choo Ming (1995) "Skriptoria Melayu Tinjauan Umum" dalam Dewan Bahasa Jil. 17 Bil. 11, November 1995.

Ibrahim Kassim (1973) "Katalog Manuskrip" DB 17:11. , 516-535.

Mohd Taib Osman, "Laporan: naskah-naskhah dan Alatan-alatan Melayu di Beberapa Pusat Pengajian di Great Britain dan Jerman Barat," Nusantara 1, (1972)

12. KERTAS KERJA

(Penyelenggara) Rohani Rustam dan Anwar Ridhwan, *Dokumentasi Kesusasteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kemneterian Pelajaran Malaysia, 1979.

Abu Hassan Sham, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu", *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu*, (10-11 Julai 2006).

Anwar Ridhwan "Masalah Pendokumentasian Kesusasteraan Kebangsaan Malaysia".

Aziz Deraman, "Masalah Manuskrip di Malaysia dan Masa Depanannya", *kertas kerja, Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, (10 Oktober 1983), 10.

Ding Choo Ming, "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu", dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia, (10-11 Julai 2006).

Dr Wan Ali Wan Mamat "Asal Usul Tulisan Jawi dan Terjemahan", *Makalah Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, (25-27 Ogos 2008), 8.

- Hamdan Hassan “tradisi Penulisan Sastera Melayu Tradisional”, dalam *Jurnal Filologi Melayu*.
- Ibrahim Kassim, “Masalah Dokumentasi Manuskrip Melayu”, *Seminar anjuran bersama Persatuan Perpustakaan Malaysia dan GAPENA*, 1976.
- Jelani Harun (Prof Madya, Dr.), “Naskhah Melayu Perak dalam Perubahan Skriptoria Alam Melayu Abad ke-19”, *kertas kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2009*. anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, (23-25 November 2009).
- Norizah bt Haji Abdul Talib, *Arkib Negara Malaysia: Peranan dan Fungsi*.
- Samsiah Muhamad (Dr. Hajah), “Pemeliharaan Manuskrip Melayu: Koleksi Agung Warisan Dunia”, *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, (10-11 Julai 2006).
- Sidik Fadhil, “Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendaulatannya di Alam Melayu”, *Seminar Tulisan Jawi*, (4 September 1995).
- Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham & Harun Mat Piah, “Strategi Perolehan, Pengawetan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu”.
- _____, “Strategi Perolehan, Pengawetan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu”, *Kertas Kerja dalam Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Syeikh Ahmad Fathani, Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik ke arah Dunia Moden”, dalam *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IV*, Bangi: UKM, (14-16 Ogos 1995).
- Yazid Haji Uthman “Kedudukan dan Prestasi Tulisan Jawi Harapan Dan Cabaran Masa Depan: Tumpuan Kajian Kepada Akhbar Utusan Melayu Bertulisan Jawi”, *Makalah Seminar Memartabatkan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur, 1995.
- Zakiah Hanum, “Pengesanan, Perolehan, dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu”, *Seminar Manuskrip Melayu, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*. Kedah, (23 Oktober 1986).

13. KATALOG

Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM Tambahan Kedua 2002. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Manuskrip Melayu Koleksi PNM: satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama (1990). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Ringkas Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1984.

Richard Greentree dan E.W.B. Nicholson, *Catalogue of Malay Manuscripts Relating to the Malay Language in the Bodleian Library*. Oxford: Bodleian Library, 1910:1-20.

Wan Ali Wan Mamat, *Katalog Manuskrip di Belanda: Catalogue to Malay Manuscripts in the Netherlands*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1985:1-111.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

Surat yang dihantar



يوزبيرسيٲٲ مالايا

UNIVERSITI MALAYA

UM.I/JST/606/1/(us)

27 Ogos 2010

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Tuan,

AKUAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan ini saya memaklumkan serta mengesahkan bahawa saudari Siti Fathimah Abdul Halim, No. Matrik: IGB090028, adalah Calon Sarjana Usuluddin di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Beliau sekarang sedang mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk menyiapkan disertasi beliau yang bertajuk :

“Pusat Manuskrip Melayu : Sejarah Dan Peranan Dalam Pemuliharaan Manuskrip Melayu.”

Oleh yang demikian, sukacita saya sekiranya dapat pihak puan memberikan kerjasama atas bantuan yang diperlukannya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DR MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam: Tel: (603) 79676008

● Faks: (603) 79676144

http://www.um.edu.my ● E-mel: aji_@um.edu.my





4 Januari 2011

Dato Raslin Abu Bakar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Dato'

AKUAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN

Adalah dimaklumkan bahawa saudari Siti Fathimah binti Abdul Halim IGB090028, adalah calon Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Beliau sedang menjalankan penulisan disertasi yang bertajuk:

**"PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM
PEMULIHARAAN MANUSKRIP MELAYU"**

Oleh yang demikian, sukacita saya sekiranya dapat pihak Dato' memberikan kerjasama atas bantuan yang diperlukannya.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,


PROF. MADYA DR AHMAD ZAKI BERAHIM @ IBRAHIM

Pengawas

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya





يوزيرسيتي مالايا

UNIVERSITI MALAYA

UM.I/JST/606/1/(us)

27 Ogos 2010

Puan Norhayati Yahya
Timbalan Pengarah
Bahagian Pemuliharaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan,

AKUAN MEMOHON KEBENARAN MENGADAKAN LAWATAN

Adalah dimaklumkan bahawa saudari Siti Fathimah Abdul Halim, No. Matriks: IGB090028, adalah seorang Calon Sarjana Usuluddin, di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.


Beliau sedang menjalankan penulisan disertasi yang bertajuk :

**"PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM PEMULIHARAAN
MANUSKRIP MELAYU"**

Oleh yang demikian, sukacita saya sekiranya dapat pihak puan memberikan kerjasama atas bantuan yang diperlukannya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


R MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua Jabatan
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam

MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

(P: Fathimah (019-4518135))



Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam: Tel: (603) 79676008

● Faks: (603) 79676144





يوزبيرسيتي مالايا

UNIVERSITI MALAYA

UM.IJST/606/1/(us)

20 Oktober 2010

Dr Nor Edzan Che Nasir
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Malaya



Puan,

AKUAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN

Adalah dimaklumkan bahawa saudari Siti Fathimah Abdul Halim, IGB090028, adalah seorang calon Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Beliau sedang menjalankan penulisan disertasi yang bertajuk :

"PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM PEMULIHARAAN MANUSKRIP MELAYU"

Oleh yang demikian, sukacita saya sekiranya dapat pihak puan memberikan kerjasama atas bantuan yang diperlukannya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua Jabatan

MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

PM
- sila ambek

25/10/10



Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam: Tel: (603) 79676008

● Faks: (603) 79676144





UM.I/JST/606/1/(us)

3 Disember 2010

Prof. Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Puan,

AKUAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN

Adalah dimaklumkan bahawa saudari Siti Fathimah Abdul Halim, IGB090028, adalah seorang calon Sarjana Kursus dan Disertasi di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Beliau sedang menjalankan penulisan disertasi yang bertajuk :

"Pusat Manuskrip Melayu : Sejarah Dan Peranan Dalam Pemuliharaan Manuskrip Melayu"

Oleh yang demikian, sukacita saya sekiranya dapat pihak tuan memberikan kerjasama atas bantuan yang diperlukannya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MOHD ROSLAN MOHD NOR
Ketua
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



LAMPIRAN 2

Perpustakaan Negara
Malaysia
&
Pusat Manuskrip
Melayu


LAMPIRAN



Pintu Masuk Utama Pusat Manuskrip Melayu



Meja Penasihat Pembaca PMM



Pameran Dalam Jabatan




Kemudahan Rujukan Yang Disediakan



Pengimbas Mikrofilem



Peralatan Merujuk Manuskrip Melayu Untuk Penyelidik



Bilik Simpanan Manuskrip Melayu



Bilik Memproses Perolehan




Dehumidifier



Thermohydrograph



Compactus Untuk Menyimpan Naskah Manuskrip



Compactus Simpanan Mikrofilem



Lawatan & Temubual Di Bahagian Pemuliharaan PNM



**Temubual bersama En. Mohd Faizal Hilmie
Ketua unit pembinaan koleksi PMM**



**Temubual bersama Prof Madya Dr Raja
Masittah Raja Ariffin, Pensyarah UPM**

LAMPIRAN 3

Borang Menkatalog

Manuskrip Melayu



**BORANG KATALOG
MANUSKRIP MELAYU**

MSS: _____

Judul : _____

Penulis: _____

Tarikh/Tempat ditulis: _____

Penyalin : _____

Tarikh/Tempat disalin: _____

Halaman : _____ Ukuran: _____

Baris : _____

Kertas : _____

Tera air : _____

Dakwat : _____

Tulisan : _____

Hiasan : _____

Jilidan : _____

Sejarah : (i) Umum, : _____

(ii) Kolofon : _____

Kandungan : _____

Lengkap/Tidak lengkap : _____

T/T: _____

Tarikh:

LAMPIRAN 4

Soalan Kaji Selidik
Pegawai PMM



***SOAL SELIDIK INI BERTUJUAN UNTUK MENKAJI LATARBELAKANG
PEGAWAI DAN STAF SOKONGAN DI PMM SELAKU PENGURUS DAN
PENTADBIR BAHAGIAN INI. KAJIAN INI DILAKUKAN UNTUK
MENYEMPURNAKAN DISERTASI SARJANA USULUDDIN BERTAJUK
“PUSAT MANUSKRIP MELAYU: SEJARAH DAN PERANAN DALAM
PEMULIHARAAN MANUSKRIP MELAYU”.***

CATATAN:

- 1. ANDA DIKEHENDAKU MENJAWAB SEMUA SOALAN YANG DIAJUKAN.*
- 2. SEGALA MAKLUMAT YANG ANDA BERIKAN ADALAH DIRAHSIAKAN DAN HANYA DIGUNAKAN UNTUK KAJIAN INI SEMATA-MATA.*
- 3. KERJASAMA ANDA AMAT DIHARGAI.*

BAHAGIAN A
LATARBELAKANG RESPONDEN

Sila penuhi ruangan yang disediakan di bawah.

1. Jantina: Lelaki () Perempuan ()

2. Umur :

3. Bangsa :

4. Jawatan :

5. Asal :

6. Kelulusan tertinggi:

SPM

STAM

Sarjana Muda

STPM

Diploma

Sarjana

Lain-lain:.....

7. Bidang Pengajian :

8. Pendidikan Menengah :

Sek. Men. Keb. Agama (SMKA)

Sek.Men. Keb (SMK)

Sek Men Agama (SMA)

Sek.Agama Rakyat

Lain-lain:

9. Kemahiran membaca jawi

Sangat baik

Sederhana

Baik

Lemah

10. Kemahiran menulis jawi

Sangat baik

Sederhana

Baik

Lemah

BAHAGIAN B

MINAT PEGAWAI TERHADAP MANUSKRIP DAN KOMITMEN TUGAS

Bagi setiap soalan di bawah, sila tanda (/) berdasarkan nombor yang yang disediakan.

- 5- Sangat Setuju
- 4-Setuju
- 3- Tidak Pasti
- 2- Sangat Tidak Setuju
- 1- Tidak Setuju

Bil.	Kenyataan	5	4	3	2	1
1.	Sebelum saya ditempatkan di PMM, saya tidak mengetahui apa itu manuskrip Melayu					
2.	Setelah saya ditempatkan di PMM, saya memang berminat dengan manuskrip Melayu.					
3.	Saya memahami sepenuhnya objektif penubuhan PMM sebagai bahagian di PMM.					
4.	Walaupun saya ditugaskan di unit tertentu, saya tetap mengambil tahu tentang unit lain dan memberi bantuan sekiranya diperlukan.					
5.	Saya sedar bahawa kandungan manuskrip Melayu yang tersimpan di PMM khususnya, wajar diterokai sebagai khazanah intelektual ulama' silam					

6.	Saya sentiasa mengikuti sebarang aktiviti atau program yang berkaitan manuskrip Melayu untuk meningkatkan lagi pengetahuan berkenaannya.					
7.	Selaku pegawai / staf sokongan di PMM saya merasa terpanggil untuk menghasilkan sebarang penulisan sebagai usaha penerokaan berkaitannya dan untuk rujukan pengguna dan penyelidik.					
8.	Sebarang proses berkaitan manuskrip Melayu adalah rumit memandangkan keunikannya berbanding sumber perpustakaan yang lain					
9.	Jika diberi pilihan untuk bertugas di institusi lain atau bahagian lain, saya akan memilih untuk tidak berada di PMM					

BAHAGIAN C

1. PMM / PNM menyediakan program atau aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan staf sokongan.

YA

TIDAK

Jika YA, nyatakan antara program atau aktiviti yang anda sertai:

a.

b.

c.

d.

Jika TIDAK, nyatakan masalah atau bebanan tugas yang anda hadapi disebabkan kekurangan pendedahan melalui program-program.

a.

b.

BAHAGIAN D
PENDAPAT DAN CADANGAN RESPONDEN

Sila berikan pandangan dan cadangan anda.

- 1) Nyatakan pandangan dan harapan anda selaku pegawai / staf sokongan terhadap kewajaran penubuhan PMM dan peranan yang dimainkannya sebagai institusi penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip Melayu.

- 2) Berikan cadangan anda cara bagaimana untuk mengekalkan dan mempertingkatkan prestasi PMM dalam usaha mempromosikan manuskrip Melayu kepada masyarakat umum.

JUTAAN TERIMA KASIH DI ATAS JASA BAIK ANDA MEMBERI MAKLUM
BALAS KEPADA SOAL SELIDIK INI.
SEMOGA HIDUP KITA SENTIASA DIBERKATI.

AMIN...

LAMPIRAN 5

Soalan Temubual

Antara beberapa soalan untuk ditemubual:

1. Secara ringkas sorotan sejarah penubuhan PMM
2. Peranan PMM sebagai institusi 'pemuliharaan' manuskrip Melayu (pengalaman selaku bekas pentadbir PMM)
3. Permasalahan / cabaran dalam memainkan peranan besar ini
4. Usaha dan langkah dalam menangani faktor kekangan penyimpanan dan pendokumentasian manuskrip
 - i. kewangan
 - ii. tempat
 - iii. pegawai
5. Pandangan dan saranan selaku sarjana dalam bidang manuskrip dan bekas pentadbir PMM dalam usaha mengekalkan dan mengukuhkan institusi ini

*penyelidik juga akan mengemukakan beberapa soalan terbuka ketika sesi temubual.